

"KEPADA para belia, sikap tidak gemar sebahagian mereka dengan bidang kerjaya di sektor swasta perlulah dikikis dan sebaliknya digantikan dengan sikap dedikasi dan komitmen kepada kerja, tanpa memilih siapa majikan, sama ada kerajaan atau swasta." - Titah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-19 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 21 Zulhijah 1423 bersamaan 23 Februari 2003.

# قليتا بروني Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"SESUNGGUHNYA orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhan-nya." - Surah Al Isra' ayat 27.

TAHUN 51 BILANGAN 17

RABU 26 APRIL 2006/1427 رابو 27 ربيع الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Somsavath Lengsavat. - Foto: Harun Haji Rashid.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Bounkongmany Lengsavat, isteri Timbalan Perdana Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Rakyat Lao. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



## ANTARA YANG MENARIK

**Hasrat Negara:**  
Para graduan disaran memanfaatkan pengetahuan daripada kursus yang diikuti

- Muka 2

**Haluan:** Langkah mengkorporatkan Jabatan Telekom Brunei selaras dengan perkembangan industri telekomunikasi

- Muka 10

**Lawatan Negara**  
Kebawah DYMM ke Emiriah Arab Bersatu (UAE)

- Muka 4, 5, 8 & 9

**Hindarkan diri dari berhutang keculi sangat-sangat memerlukan**

- Muka 4 ANEKA

**Keutamaan dan kelebihan Al-Qur'an**

- Muka 5 ANEKA

## TAHUKAH AWDA

"AIDS adalah salah satu penyakit yang amat digeruni oleh masyarakat antarabangsa termasuk negara kita. AIDS ialah penyakit yang disebabkan oleh kuman HIV (Human Immunodeficiency Virus) iaitu sejenis virus yang digolongkan di dalam kumpulan virus retrovirus. Penyakit AIDS bermula pada akhir tahun 1970 dan pada tahun 1980 pakar-pakar perubatan di Amerika Syarikat mula menemui suatu keadaan yang ganjil kepada pesakit terutamanya gejala kurang daya tahan melawan. Tahukah awda jumlah jangkitan HIV/AIDS di kalangan penduduk tempatan negara ini secara relatif adalah di tahap yang rendah, di mana dari jumlah 657 jumlah kes jangkitan dari tahun 1986 - 2005, 28 daripadanya adalah penduduk tempatan, yang mana 17 kematian telah melibatkan penduduk tempatan. - Sumber Kementerian Kesihatan dan laman web mengenai HIV/AIDS.

Lihat muka 2

Lihat muka 16

## Menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Laos

Oleh Sahari Akim  
sahari.akim@information.gov.bn  
Haji Ahmad Haji Salim  
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Somsavath Lengsavat di Istana Nurul Iman.

Antara yang hadir di Majlis Mengadap termasuklah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounthony Vongsaly dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Tuan Yang Terutama Somsavath Lengsavat dan rombongan berada di negara ini bagi mengadakan Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bagi Kerjasama Dua Hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Sementara itu di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Puan Bounkongmany Lengsavat, isteri Timbalan Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Somsavath Lengsavat.

Turut mengiringi Puan Bounkongmany ialah Puan Khamphet Vongsaly, isteri Duta Besar Republik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah.

Puan Bounkongmany berada di negara ini bagi mengiringi suami yang menghadiri Mesyuarat Pertama Suruhanjaya tersebut antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

## Hasil industri perikanan bernilai \$100 juta

Oleh Haji Ahmad  
Haji Salim  
ahmad.salim@information.gov.bn

GADONG, Selasa, 18 April. - Industri perikanan di Negara Brunei Darussalam berkembang pesat khususnya selepas pengisytiharan Had Perikanan Brunei sejauh 200 batu nautika dan juga zon Ekonomi Eksklusif.

Pertumbuhan sektor perikanan lebih dipentingkan dengan pembangunan akuakultur dan industri pemprosesan makanan laut.

Pada tahun 2005, hasil pertumbuhan dari industri perikanan bernilai hampir

\$100 juta di mana nilai tersebut mungkin kecil jika dibandingkan dengan nilai-nilai SEAFDEC yang lain.

Tetapi ia juga memberikan isyarat bahawa masih terdapat banyak peluang bagi pembangunan dan pelaburan perikanan.

Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Mesyuarat Majlis Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) berlangsung di sebuah hotel di sini.

Menurut Yang Mulia Dato Paduka, ketika ini

Negara Brunei Darussalam masih mengimport kira-kira 40 peratus keperluan hasil laut dan dianggarkan industri berkenaan mempunyai potensi untuk mencapai sehingga \$400 juta menjelang tahun 2023, satu pertumbuhan purata sebanyak 17 peratus setahun.

Pemangku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama berkata, selepas 38 tahun kewujudannya, SEAFDEC kini berada di persimpangan jalan di mana masa operasinya tidak pasti berikutan dana yang terhad dan permintaan yang semakin meningkat.

"Ini akan menjejaskan keberkesanan SEAFDEC untuk terus berusaha me-

laksanakan mandatnya dan menangani isu antarabangsa terhadap pembangunan berterusan perikanan di rantau ini. Mesyuarat ini amat penting di mana ahli-ahli terpaksa membuat keputusan yang sukar untuk melakar peta masa depan dan membentuk perancangan tindakan yang perlu untuk mengatasi cabaran-cabaran berkenaan," jelasnya.

Negara Brunei Darussalam, katanya, ingin melihat kewujudan berterusan SEAFDEC untuk membantu dan melaksanakan pelbagai rancangan termasuk pembangunan perikanan berterusan bagi keselamatan makanan di rantau ASEAN.

## Membudayakan gaya hidup sihat

GADONG, Rabu, 19 April. - Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah, Timbalan Menteri Kesihatan menegaskan bahawa gaya hidup sihat merupakan benteng barisan hadapan yang sangat berkesan yang dapat mengurangkan ancaman dan risiko penyakit-penyakit kronik dan berjangkit di kalangan rakyat dan penduduk negara ini.

Gaya hidup sihat yang dimaksudkan, tegas Timbalan Menteri Kesihatan ialah seperti melakukan aktiviti riadah, penjagaan diet dan pemakanan termasuk pengurangan penggunaan bahan-bahan lemak, garam

dan gula dalam makanan, menjaga kesihatan, kebersihan diri dan juga persekitaran.

Menurut Yang Dimuliakan, penyakit-penyakit berjangkit adalah seperti SARS, Selesema Burung dan Denggi. Sementara penyakit-penyakit kronik yang tidak berjangkit ialah seperti darah tinggi, jantung, buah pinggang dan kencing manis.

Bagi menangani penyakit-penyakit berkenaan termasuk HIV/AIDS, di samping usaha-usaha rawatan atau klinikal, program-program pendidikan dan kesedaran yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan, Yang Dimuliakan men-

dan sokongan padu daripada orang ramai, badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta adalah sangat-sangat diperlukan dalam memberikan kesedaran akan perlunya mengamalkan membudayakan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat.

Timbalan Menteri Kesihatan menjelaskan perkara demikian ketika berucap di Majlis Penyerahan Ruang Bangunan Daripada Standard Chartered Bank Kepada Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam bertempat di bank berkenaan di sini hari ini.

Menyentuh mengenai dengan pentingnya mengutamakan kebersihan dalam kehidupan terutama sekali dalam menghadapi ancam-

an wabak penyakit Yang Dimuliakan berkata, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Maulid Nabi bagi tahun 2006 telah menegaskan, "Sekarang sudah terbukti bahawa wabak-wabak penyakit adalah berkaitan dengan faktor kebersihan. Kerana itu di mana juga terdapat pencemaran atau kotoran yang terutamanya amat berpotensi untuk menyebabkan wabak-wabak penyakit. Adalah wajar bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini turut melihat perkara kebersihan itu sebagai perkara yang diberikan keutamaan."



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا  
قُمْرُهُ دَانْ مَا فَيَاغِ

Dari Sidang Pengarang

26 APRIL 2006 BERSAMAAN 1427 ربيع الأول 27

## BRUNEI - UAE TINGKAT KERJASAMA DUA HALA

**K**EBERANGKATAN negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini merupakan satu lagi misi dan harapan baginda untuk memperteguh hubungan persahabatan dan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara. Keberangkatan itu bukti jelas tentang persaudaran yang erat dan mesra yang terjalin antara Bandar Seri Begawan dan Abu Dhabi. Seperti juga keberangkatan baginda ke negara-negara lain, misi utama baginda ialah untuk merapatkan lagi hubungan politik, ekonomi dan kerjasama sosial.

Lawatan negara pertama baginda itu juga menjadi 'milestone' yang amat penting yang akan menjadi jambatan penghubung untuk membuka lebih banyak peluang-peluang kerjasama yang lebih luas, di samping meneroka kerjasama baru yang berpotensi untuk diteroka bagi manfaat rakyat kedua-dua buah negara.

Intipati keberangkatan baginda ke UAE ialah bagi menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang bagi kepentingan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Dalam waktu yang sama, baginda juga berpeluang untuk melihat secara dekat akan perkembangan dan kemajuan negara berkenaan yang disifatkan termaju dan termoden di rantau Teluk. Ini setentunya akan memberikan inspirasi kepada baginda dalam usaha berterusan baginda untuk memajukan Negara Brunei Darussalam setanding dengan pembangunan negara-negara maju di dunia ini terutama sekali dalam menjaga pertumbuhan ekonomi negara dari terus bergantung kepada minyak dan gas.

Sesungguhnya keberangkatan ke negara Teluk itu menandakan satu lagi mercu tanda dalam sejarah hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan UAE, kerana ini merupakan lawatan negara pertama semenjak kedua-dua buah negara mengadakan hubungan diplomatik pada 28 Mei 1992.

Lawatan tiga hari dari 16 hingga 18 April juga menunjukkan kekuatan hubungan dua hala di antara kedua negara, khususnya yang terpenting ialah pertemuan empat mata di antara kedua-dua ketua negara dalam merapatkan lagi hubungan persaudaran dan mempertingkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara Islam itu.

Hubungan yang mesra antara Negara Brunei Darussalam dan UAE terus dapat mengeratkan kerjasama dua hala yang lebih meluas khususnya di bidang perdagangan, pelaburan dan ekonomi. Sebelum ini, BSB - UAE telah menjalin beberapa kerjasama di bidang pendidikan, keagamaan, pertahanan, perhubungan dan pengangkutan. Syarikat Penerbangan Diraja (RBA) sejak 5 Jun 1988 hingga ke hari ini telah mengadakan operasi penerbangan dari BSB ke Dubai. Kemudahan perhubungan itu setentunya akan mempercepatkan dan membantu dalam meningkatkan kerjasama yang lebih luas di masa akan datang.

Hubungan dan kerjasama perdagangan antara BSB dan Abu Dhabi sememangnya telah wujud lama sejak hubungan diplomatik dimeterai 13 tahun lalu. Statistik kerjasama perdagangan menunjukkan jumlah eksport negara dalam tahun 1998 ialah \$1,553,818, 1999 - \$2,085,146, 2000 - \$1,367,983, 2001 - \$2,499,603, 2002 - \$1,982,679, 2003 - \$1,769,785, 2004 - \$3,060,493 dan bagi tempoh Januari hingga September 2005 pula ialah \$1,032,191.

Jumlah import pula ialah bagi tahun 1988 - \$4,128,368, 1999 - \$2,556,323, 2000 - \$3,496,561, 2001 - \$5,065,605, 2002 - \$5,495,266, 2003 - \$5,149,867, 2004 - \$5,208,674 dan Januari hingga September 2005 ialah \$2,382,621. Sungguhpun jumlah perdagangan memihak kepada UAE, namun kita percaya dengan keberangkatan baginda itu, jumlah eksport negara akan dapat dipertingkatkan di tahun yang akan datang. Itulah sebenarnya harapan pemimpin kita.

Dalam hubungan ini, kita juga berharap agar para usahawan, pengusaha dan ahli-ahli korporat negara akan mengambil peluang keemasan yang dirintis oleh baginda itu dalam meningkatkan eksport barangan tempatan terutama sekali produk-produk makanan halal yang sememangnya kita sudah sedia mempunyai kemudahan dan kepakaran cuma apa yang diperlukan ialah rangkaian kerjasama perdagangan bagi memasarkan produk kita itu menembusi pasaran UAE, negara-negara Teluk dan Timur Tengah yang lain.

Kebangkitan lawatan baginda ke UAE telah membuahkan hasil dalam usaha meningkatkan kerjasama dua hala. Pertemuan peribadi antara baginda dengan pemerintah UAE akan lebih merapatkan persahabatan yang lebih akrab dan dalam waktu yang sama menjadi jambatan penting dalam memperteguh hubungan yang sedia ada dan terjalin mesra antara dua negara Islam itu. Keberangkatan itu juga menunjukkan keprihatinan baginda betapa baginda memandang jauh ke hadapan bagi kepentingan ekonomi negara di masa depan dengan menjalin seberapa banyak kerjasama dengan negara-negara luar.

## HASRAT NEGARA



**SABDA Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Konvokesyen Ke-12 Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 9 Rabiulawal 1427H/8 April 2006M.**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, segala puji-puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita beramai-ramai hadir di majlis yang berkebahjikan ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatan

kuasa Tertinggi Majlis Konvokesyen Kali Ke-12 Maktab Jururawat ini, kerana menjemput saya hadir bagi menyempurnakan pengantugerahan Diploma, Sijil-sijil Kepujian dan Lencana pada pagi ini.

Pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada 215 orang graduan yang akan menerima Di-

## Para graduan disaran memanfaatkan pengetahuan daripada kursus yang diikuti

ploma Kejururawatan dan melayakkan mereka untuk berdaftar dengan pihak Lembaga Jururawat Kebangsaan dan seterusnya berkhidmat di kemudahan-kemudahan kesihatan di negara ini.

Di samping itu 79 orang graduan akan menerima Diploma Lanjutan dari pelbagai pengkhususan dan lencana mereka.

Saya juga tidak lupa mengucapkan tahniah kepada 13 orang graduan pengambilan pertama yang akan menerima Diploma Perbidanan dan Kejururawatan Kesihatan Masyarakat.

Mudah-mudahan dengan menjalani kursus dua tahun ini, graduan-graduan berkenaan akan dapat memanfaatkan segala yang telah dipelajari dan dialami dalam tempoh kursus di alam pekerjaan nanti.

Syabas kepada pihak pengurusan maktab kerana telah dapat mempelbagai-kur kursus-kursus yang ditawarkan demi memenuhi keperluan sumber tenaga jururawat dan bidan di negara ini.

Di dalam usahanya menyumbang kepada perkembangan tenaga manusia yang dedikasi, komited dan berkualiti tinggi, saya telah difahamkan bahawa pihak maktab juga telah membuat satu program penempatan di luar negara untuk kali ketiga bagi pelajar-pelajar Diploma Kejururawatan tahun ini.

Penempatan seperti ini akan memberi pendedahan yang berpatutan demi

untuk melahirkan jururawat dan bidan yang berpandangan luas dan terbuka lagi peka tentang perkembangan kejururawatan, perbidanan dan kesihatan yang komprehensif di luar negara.

Sambil itu, pelajar-pelajar haruslah mengambil peluang yang ada untuk mempertingkatkan kapasiti diri untuk sama-sama mendukung matlamat kesihatan di negara ini.

Sempena genapnya 20 tahun maktab ini ditubuhkan, saya seterusnya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pengetua dan seluruh warga maktab yang mana telah berjaya mengukir kejayaan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada kerjaya kejururawatan dan perbidanan.

Saya percaya, pihak pengurusan maktab akan terus mempertingkatkan usaha di dalam mencapai wawasannya untuk 20 tahun akan datang.

Saya berharap dengan adanya usaha-usaha sedemikian dan sokongan yang berterusan daripada Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan serta pihak Kerajaan yang lain, maktab ini akan dapat berdaya saing dengan negara-negara lain di dalam menyatupadukan warga jururawat dan bidan di merata dunia terutamanya dalam menangani isu-isu semasa.

Di antara isu-isu yang dimaksudkan ialah kemunculan penyakit-penyakit yang mengancam dunia seperti Penyakit Selesma

Burung yang amat mencahar kewibawaan para jururawat yang perlu memberikan rawatan kepada yang memerlukan. Akhir-akhir ini, Pandemik Tugan, Kaki dan Mulut merupakan ancaman kesihatan terbaru kepada orang awam terutamanya kanak-kanak di bawah umur 10 tahun.

Sejarah telah menunjukkan bahawa ancaman-ancaman seperti Selesma Burung boleh meragut berjuta-juta nyawa di merata dunia dan jelas menunjukkan betapa beratnya tanggungjawab yang harus dipikul oleh para jururawat demi kepentingan dan keselamatan rakyat kita. Oleh yang demikian, saya berseru kepada semua graduan supaya akan dapat mempersiapkan diri mereka bagi sama-sama menunaikan tanggungjawab sebagai jururawat khususnya dan sebagai anggota masyarakat amnya di dalam menghadapi ancaman baru ini.

Akhirnya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima diploma-diploma dan sijil-sijil di majlis pagi ini yang mana kejayaan mereka adalah berkat usaha gigih serta galakan dan sokongan dari ibu bapa dan penjaga. Pada hari ini, saya dengan tulus ikhlas dapat merasakan kegembiraan mereka di atas kejayaan para graduan sekalian.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Hasil industri perikanan negara bernilai \$100 juta

Dari muka 1

Dalam hubungan itu juga Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan bantuan berterusan dari Kerajaan Jepun dan ahli yang lain serta pertubuhan-pertubuhan yang bersekutu kepada SEAFDEC.

Beliau berkata, tidak ada pertubuhan serantau yang dapat beroperasi dengan berkesan jika tidak ada bantuan dan kerjasama di antara ahli-ahli untuk mencapai objektif bersama bagi memastikan perkembangan sektor perikanan untuk memenuhi kehendak dan keutamaan serta keperluan semua negara anggota dan juga rantau ini secara amnya.

Antara agenda agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah program-program yang akan dilaksanakan pada tahun 2006/2007, peruntukkan operasi pertubuhan SEAFDEC dan juga ASEAN-SEAFDEC rakan strategi (ASSP).

Sebelum mesyuarat ke-38 Majlis Pusat Perkembangan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC), Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Konsultatif Perikanan ASEAN-SEAFDEC telah diadakan pada 17 April, dihadiri oleh perwakilan dari negara SEAFDEC.

Mesyuarat kelapan itu antara lain membincangkan penerangan kerjasama antara ASEAN dengan SEAFDEC dan program-program di bawah pertubuhan ASEAN dan juga SEAFDEC yang akan dilaksanakan pada tahun 2006/2007 ini dan disahkan dalam mesyuarat ke-38 ini.

Ia juga di hadiri oleh perwakilan organisasi serantau dan antarabangsa iaitu Sekretariat ASEAN, FAO-RAP dan Lembaga Perikanan Swedish.

Negara Brunei Darussalam menyertai pertubuhan SEAFDEC sejak tahun 1995 di mana keahliannya terbuka kepada kerajaan negara-negara Asia Tenggara dan kini keahliannya terdiri dari semua ahli negara ASEAN dan Jepun selaku penyumbang utama kepada pertubuhan berkenaan.

SEAFDEC beroperasi melalui Sekretariat berpusat di Thailand selain melalui empat jabatan teknikal di empat buah negara seperti Jabatan Latihan di Thailand, Jabatan Penyelidikan Perikanan Marin di Republik Singapura, Jabatan Sumber-Sumber Perikanan Marin, Jabatan Pengurusan di Malaysia dan Jabatan Akuakultur di Republik Filipina.

Pertubuhan ini diwujudkan sejak tahun 1967 dengan objektif untuk menyumbang ke arah kemajuan perkem-



**PEMANGKU** Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab semasa berucap di Majlis Perasmian Mesyuarat Majlis Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC). - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

bangkan perikanan di rantau Asia Tenggara dengan kerjasama kerajaan negara-negara ahli, organisasi antarabangsa dan kerajaan negara bukan ahli.

SEAFDEC antara lain melaksanakan program-program penyelidikan dalam bidang perikanan dan alam sekitar, peningkatan sumber tenaga manusia dan penyebaran maklumat.

Program-program ini dilaksanakan dengan kepakaran-kepakaran dari negara-negara ahli, terutamanya di Jepun.

Negara Brunei Darussalam tidak dapat memanfaatkan keahliannya melalui penyertaan-penyertaan Jabatan Perikanan dalam program-program yang berhubung kait dengan hal ehwal perikanan antaranya kajian sumber perikanan laut di perairan Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan kapal penyelidikan pertubuhan ini, MV SEAFDEC.

Kapal tersebut membantu penyelidikan laut dalam merintis peluang alam sekitar marin, akuakultur dan pem-

prosesan; pembangunan sumber tenaga manusia di mana sejauh ini Jabatan Perikanan telah dapat menghantar pegawai-pegawai dan juga pengusaha-pengusaha tempatan menjalani latihan dalam pelbagai aspek sektor perikanan.

Melalui keahlian ini Jabatan Perikanan juga dapat menyertai beberapa projek serantau dalam semua sektor perikanan yang sangat bermanfaat dalam memperkembangkan industri perikanan di negara ini.

## Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di Bali



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai, Bali dijunjung oleh Pengarah Kerjasama Fungsional ASEAN, Departmen Hal Ehwal Luar Indonesia, Kristio Wahyono.



## Berangkat tiba di Bali bagi Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN

BALI, Rabu, 19 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan hari ini berangkat tiba di sini bagi menghadiri Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN selama dua hari yang bermula hari ini.

Retreat itu diadakan di Maya Ubud Resort & Spa, Ubud, kira-kira sejam perjalanan dari Denpasar.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai dijunjung oleh Pengarah Kerjasama Fungsional ASEAN, Departmen Hal Ehwal Luar Indonesia, Kristio Wahyono.

Di sebelah petang DYTM berangkat menghadiri mesyuarat di antara para menteri luar ASEAN bersama ahli-ahli Kumpulan Orang-orang Terkemuka (EPG) Mengenai Piagam ASEAN.

Selepas mesyuarat itu, DYTM berangkat bersama rakan-rakan sejawatan

para menteri luar ASEAN ke Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. N. Hassan Wirayuda. Di majlis itu, para menteri luar ASEAN membincangkan hal ehwal ASEAN yang menjadi perhatian bersama serta perkembangan semasa serantau dan antarabangsa.

**Liputan**  
**Abd. Karim**  
**Haji Abu Bakar**  
karim.abubakar@inf  
ormation.gov.bn  
**Foto: Abdullah**  
**Haji Awang**  
**Damit**

DYTM bergambar ramai bersama Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Susilo Bambang Yudhoyono dan para menteri luar ASEAN yang lain serta Setiausaha Agung ASEAN di Istana Tampak Siring sejurus sebelum Majlis Santap Tengah Hari (atas).

DYTM dialu-alukan oleh TYT Presiden Susilo Bambang Yudhoyono sejurus berangkat tiba di Istana Tampak Siring bagi menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang diberikan oleh TYT (kanan).



## Para menteri bertukar pandangan

UBUD, BALI, Khamis, 20 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan hari ini bersama rakan-rakan sejawatan para menteri luar ASEAN mengadakan perbincangan di Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN yang berlangsung di Villa Presiden, Maya Ubud Resort & Spa.

Para menteri luar ASEAN bertukar-tukar pandangan secara meluas mengenai perkara-perkara yang menjadi perhatian ASEAN, di samping meneliti kemajuan yang dicapai dalam rancangan-rancangan kemajuan ASEAN.

Manakala di sebelah tengah hari, para menteri luar ASEAN menghadiri Majlis Santap Tengah Hari yang diberikan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Susilo Bambang Yudhoyono di

Istana Tampak Siring bagi Menteri-menteri Luar ASEAN dan Ahli-ahli Kumpulan Orang-orang Terkemuka (EPG) Mengenai Piagam ASEAN.

Istana Tampak Siring terletak setengah jam perjalanan dari lokasi retreat berkenaan.

Di sebelah petang, DYTM berangkat balik ke Bandar Seri Begawan. Pengarah Kerjasama Fungsional ASEAN, Departmen Hal Ehwal Luar Indonesia, Kristio Wahyono berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai bagi mengucapkan selamat berangkat kepada DYTM.

Retreat selama dua hari itu dihadiri semua menteri luar ASEAN kecuali Republik Sosialis Viet Nam yang diwakili oleh Penolong Menteri, Tuan Yang Terutama Nguen Trung Thanh.

Para menteri luar ASEAN yang lain terdiri daripada Tuan Yang Ter-

utama Hor Namhong, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa, Kemboja; Tuan Yang Terutama Dr. Nur Hassan Wirayuda, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Indonesia; Tuan Yang Terutama Somsavat Lengsavat, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Republik Demokratik Rakyat Lao; Tuan Yang Terutama U Nyan Win, Menteri Hal Ehwal Kesatuan Myanmar; Tuan Yang Terutama Alberto G. Romulo, Setiausaha Republik Filipina; Tuan Yang Terutama Dr. Kantathi Suphamongkhon, Menteri Hal Ehwal Luar Thailand; Tuan Yang Terutama Dato Seri Syed Hamid Albar, Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia dan Tuan Yang Terutama George Yeo, Menteri Hal Ehwal Luar Republik Singapura. Juga hadir ialah Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong.



DYTM bersama para menteri luar ASEAN semasa berangkat menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN bersama Ahli-ahli Kumpulan Orang-orang Terkemuka (EPG) Mengenai Piagam ASEAN.



DYTM bergambar ramai bersama para menteri luar ASEAN sejurus selesai sesi Retreat Menteri-menteri Luar ASEAN di Villa Presiden, Maya Ubud Resort & Spa.



DYTM bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja, Tuan Yang Terutama Hor Namhong membincangkan sesuatu semasa Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN bersama ahli-ahli Kumpulan Orang-orang Terkemuka (EPG) Mengenai Program ASEAN.

# LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM KE EMIRIAH ARAB BERSATU (UAE)

## Berangkat tiba dan singgah di Makam Diraja

ABU DHABI, Isnin, 17 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri santap tengah hari yang diberikan oleh His Highness Jeneral Sheikh Mohammed bin Zayed Al Nahyan, Putera Mahkota Abu Dhabi, Timbalan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Pengerusi Eksekutif Dewan UAE sempena lawatan negara berlangsung di Kelab Pegawai Angkatan Bersenjata.

Ketibaan baginda di Kelab Pegawai tersebut dialu-alukan oleh His Highness Jeneral Sheikh Mohammed bin Zayed Al Nahyan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berangkat meneruskan lawatan ke Dubai, destinasi terakhir lawatan negara.

Kemuncak lawatan di Dubai ialah perjumpaan empat mata di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri UAE dan Pemerintah Dubai.

Antara atur cara lawatan baginda termasuklah kunjungan ke Akademi Polis Dubai dan Menara Pejabat Emiriah.

Dalam perjalanan menuju Dubai, baginda berkenan singgah di Makam Diraja untuk memberi penghormatan kepada Al-Marhum Sheikh Zayed bin Sultan Al Nahyan, bekas Presiden Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Keberangkatan tiba baginda dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Ahmad bin Mubarak Al Kindi, Setiausaha Rendah Kementerian Waqaf.

Semasa di makam tersebut, baginda melawat pusara Al-Marhum Sheikh Zayed bin Sultan Al Nahyan dan membaca doa khas.

Baginda kemudiannya berkenan merakamkan catatan ke dalam buku peringatan yang berupa 'Smart Board' khusus buat Al-Marhum.

Selepas menziarahi Makam Diraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian meneruskan perjalanan menuju ke Hotel Burj Al Arab di Dubai tempat bersemayam sepanjang berada di Dubai.

Keberangkatan tiba baginda di lobi hotel tersebut dijunjung oleh Pengu-rus Hotel dan para pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam yang berpejabat di Abu Dhabi.

**Liputan Sahari Akim**  
sahari.akim@information.gov.bn

**Abdullah Asgar**  
abdullah.asgar@information.gov.bn

**Foto:**  
**Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar dan Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Dubai di Istana Za'abeel (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan semasa doa khas dibacakan di Makam Al-Marhum Sheikh Zayed bin Sultan Al Nahyan di Abu Dhabi (kiri).

## Hubungan Brunei Darussalam - UAE bertambah erat

LAWATAN Negara tiga hari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 16 hingga 18 April lepas telah berjaya merapat dan meningkatkan lagi hubungan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Ia juga merupakan mercu tanda bersejarah dalam hubungan dua hala kerana ia merupakan lawatan negara pertama sejak kedua buah negara menjalin hubungan diplomatik pada 28 Mei 1992.

Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan UAE diperkukuhkan lagi dengan pertemuan antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan His Highness Jeneral Sheikh Mohammed bin Zayed Al Nahyan, Putera Mahkota Abu Dhabi, Timbalan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata dan Pengerusi Majlis Eksekutif Abu Dhabi.

Begitu juga perjumpaan empat mata antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri UAE dan Pemerintah Dubai selain Majlis Perjumpaan Rasmi

antara delegasi kedua-dua buah negara.

Sementara itu atur cara lawatan ke Akademi Polis Dubai dan ke Emirates Tower bagi mengikuti sembah taklimat mengenai ekonomi dan pembangunan Dubai juga akan dapat membuka peluang kerjasama antara agensi-agensi yang berkenaan di kedua-dua buah negara terutama di bidang ekonomi.

### INTERAKSI

Negara Brunei Darussalam membuka kedutaannya di Abu Dhabi pada tahun 1994 di peringkat Kuasasah dan meningkatkannya ke peringkat Duta pada tahun 2001, sementara itu UAE melantik Duta Tidak Menetap yang beribu pejabat di Jakarta sejak tahun 1999.

Sejak tertubuhnya hubungan diplomatik, beberapa lawatan, perjumpaan dan mesyuarat juga pernah diadakan antara pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara. Antaranya Lawatan Kerja Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Abu Dhabi dan Dubai pada bulan April 2000. Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Menteri UAE dan Pemerintah Dubai selain Majlis Perjumpaan Rasmi

**Oleh Sahari Akim**  
sahari.akim@information.gov.bn

Bolkiah juga mengadakan beberapa lawatan ke UAE iaitu pada tahun 1991, 1995 dan 1998.

His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum yang ketika itu selaku Putera Mahkota pula berada di Negara Brunei Darussalam menghadiri Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM pada bulan Julai 2002 dan dikurniakan 'Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati'.

Juga melawat Negara Brunei Darussalam ialah seorang Kerabat Diraja Sharjah Emirates-UAE, His Highness Sheikh Khalid bin Mohamed Al Qassimi pada bulan Ogos 1998.

Lain-lain interaksi termasuklah, lawatan singkat bekas Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Negara Brunei Darussalam (2001); delegasi Institut Pengajian Islam, Sultan Haji Omar Ali Saifuddin menghadiri International Conference On E - Education Without Border' (2001); rombongan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ke Dubai (2001) dan delegasi Kementerian Kewangan menghadiri 'Islamic

Finance Forum' di Dubai (2002).

Juga membuat lawatan kerja ialah pegawai-pegawai kanan Jabatan Pelabuhan Muara ke Dubai (2003); delegasi UBD menghadiri GETEX (2004); Institut Teknologi Brunei menyertai Pameran 'Edu Tech' di Abu Dhabi (2004); pegawai-pegawai kanan Pelabuhan Muara menghadiri Persidangan 'Seatrade Middle East Maritime' di Dubai (2004).

Selain dari itu Megamas Training Company Sendirian Berhad juga menyertai Persidangan dan Pameran Alam Sekitar di Abu Dhabi (2005); pegawai-pegawai dari Kementerian Perhubungan menghadiri Kongres 'Global Airport Expansion' di Abu Dhabi (2005) dan pegawai dari Kementerian Perhubungan menghadiri 'Human Performance Improvement - Beyond Training' di Dubai (2005).

### KERJASAMA

Bermula dari 12 Mac 2001, UAE memberikan pemegang pasport Negara Brunei Darussalam memasuki UAE tanpa visa selama 30 hari. Negara

Brunei Darussalam pula memberikan pengecualian visa kepada pemegang pasport UAE selama 30 hari bermula pada 1 Oktober 2003.

Pada tahun 1992, kedua-dua negara telah menandatangani Memorandum Persefahaman 'Confidential' di Bandar Seri Begawan bagi membolehkan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) beroperasi di Dubai, Abu Dhabi, Sharjah, Fujairah dan lain-lain. Perjanjian penerbangan antara kedua-dua buah negara ditandatangani di Abu Dhabi pada bulan Mac 1993.

RBA mengadakan perkhidmatan penerbangan ke Dubai pada 8 Ogos 1988 dan ke Abu Dhabi pada 30 Mac 1993. RBA ketika ini mengadakan penerbangan ke Dubai setiap hari dan menggantung perkhidmatan ke Abu Dhabi.

Sementara itu perbincangan mengenai Perjanjian Perkhidmatan Udara (Open Sky) diadakan di Negara Brunei Darussalam pada bulan April 2002. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Menteri Perhubungan kedua-dua buah negara di Dubai pada 19 April 2005.

Pada masa yang sama kedua-dua buah negara

juga menjalin kerjasama di bidang agama. Sejak tahun 1998, Negara Brunei Darussalam telah menyertai Anugerah Antarabangsa Kitab Suci Al-Quran Dubai.

Menteri Kehakiman dan Hal Ehwal Agama dan Wakaf UAE juga menyumbangkan buku-buku fatwa semasa Ekspo Islam Antarabangsa Pertama anjuran Jabatan Mufti Kerajaan pada tahun 2001.

Di bidang pertahanan, pasukan bersenjata UAE (pada bulan September 1999) meminta contoh pakaian seragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk direka suai dengan pakaian angkatan bersenjata negara tersebut.

Kedua-dua buah negara juga mempunyai hubungan kerjasama di bidang pendidikan, pada bulan Ogos 1998, His Highness Sheikh Khalid bin Mohammed Al Qassimi mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan.

His Highness menulis sebuah buku mengenai Negara Brunei Darussalam dalam bahasa Arab bertajuk 'Brunei - Tradition of The Past and Modernity of The Present' (mula dicetak pada tahun 1998). Selain dari itu beberapa interaksi menuju kepada bidang pen-

didikan juga diadakan.

Negara Brunei Darussalam dan UAE juga mempunyai hubungan perdagangan walaupun masih di peringkat kecil. Statistik 1998 - 2005 menunjukkan: (Jumlah import tahun 1998 - B\$4,128,368 / Eksport - B\$1,553,818); (Jumlah import tahun 1999 - B\$2,556,323 / Eksport - B\$2,085,146); (Jumlah import tahun 2000 - B\$3,496,561 / Eksport - B\$1,367,983); (Jumlah import tahun 2001 - B\$5,065,605 / Eksport - B\$2,499,603); (Jumlah eksport tahun 2002 - B\$5,495,266 / Import - B\$1,982,679); (Jumlah import tahun 2003 - B\$5,149,867 / Eksport - B\$1,769,785); (Jumlah import tahun 2004 - B\$5,208,674 / Eksport - B\$3,060,493) dan (Jumlah import sehingga September 2005 - \$2,382,621 / Eksport - B\$1,032,191).

Peluang sektor swasta Negara Brunei Darussalam mengeksport produk-produk tempatan ke UAE terutama makanan halal terbuka luas memandangkan negara tersebut mempunyai keramaian penduduk hampir tiga juta orang dan 96 peratus daripadanya beragama Islam. Tahap kuasa beli rakyat negara tersebut pula sekitar AS\$25,200.00.

# LAWATAN NEGARA KEBAWAH DYMM KE EMIRIAH ARAB BERSATU (UAE)



SUASANA mesra dan rasa persahabatan terbayang antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Dubai semasa Majlis Perjumpaan Empat Mata di Istana Za'abeel.

## Menamatkan Lawatan Negara ke Emiriah Arab Bersatu

DUBAI, Selasa, 18 April.-Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menamatkan Lawatan Negara tiga hari ke Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Sebelum berangkat meninggalkan Dubai, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



BAGINDA menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan sebelum berangkat meninggalkan Hotel Burj Al Arab.

Kemuncak lawatan ialah pertemuan peribadi empat mata di antara kedua-dua ketua negara bagi merapatkan lagi hubungan politik, ekonomi dan kerjasama sosial antara kedua-dua belah pihak.

Keberangkatan lawatan itu juga menandakan

wujudnya hubungan persaudaraan yang erat dan mesra serta terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Lawatan tersebut juga merupakan mercu tanda dalam sejarah hubungan

dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan UAE kerana ia merupakan lawatan negara pertama sejak kedua-dua buah negara menubuhkan hubungan diplomatik pada 28 Mei 1992.

## Mengadakan Perjumpaan Empat Mata

DUBAI, Selasa, 18 April.-Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan Perjumpaan Empat Mata bersama His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Timbalan Presiden dan Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Pemerintah Dubai yang berlangsung di Istana Za'abeel.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dialu-alukan oleh His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum.

Baginda kemudian disembahkan kepada delegasi Dubai, manakala

His Highness Sheikh Mohammed disembahkan kepada rombongan Negara Brunei Darussalam.

Dalam perjumpaan tersebut kedua-dua ketua negara membincangkan cara-cara untuk meningkatkan kerjasama dua hala antara kedua-dua buah negara.

Baginda juga melahirkan penghargaan kepada His Highness Sheikh Mohammed di atas sambutan mesra yang diberikan kepada baginda dan rombongan.

Negara Brunei Darussalam dan UAE yang menubuhkan hubungan diplomatik pada 28 Mei 1992 menjalin kerjasama termasuk di bidang politik, agama, pembangunan, perdagangan, pertahanan, pendidikan dan lain-lain.



BAGINDA dan His Highness Sheikh Mohammed berbual mesra di Majlis Perjumpaan Rasmi di Istana Za'abeel.



BAGINDA ketika berangkat di perjumpaan rasmi di ruang khas di Istana Za'abeel.



PENGURUS Am Hotel Burj Al Arab menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di hotel berkenaan, Dubai.



BAGINDA ketika menandatangani 'Smart Board' di Makam Al-Marhum Sheikh Zayed bin Sultan Al-Nahyan.

## KEMASYARAKATAN



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah 'Lubabul Bulqiah berkenan berangkat menyaksikan Konsert Amal 'Impianku Untukmu' anjuran Persatuan Siswazah Wanita (PSW) Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto: Pengiran Ibtisam Pg. Haji Hidup.**

# PSW anjur konsert amal

Oleh Zabaidah Haji Salat zabaidah.salat@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 15 April.- Persatuan Siswazah Wanita (PSW) Negara Brunei Darussalam telah menganjurkan Konsert Amal 'Impianku Untukmu' khusus untuk mengutip kewangan bagi projek amal 'Selamatkan Anak-anak Kitani' (Save Our Children) di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat menyaksikan konsert tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah 'Lubabul Bulqiah. Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakhia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah.

Yang Dipertua PSW, Datin Paduka Dayang Hajah Intan binti Haji Md. Kassim yang juga selaku Pengerusi majlis ketika menyebarkan ucapan alu-aluan menjelaskan bahawa program tersebut yang merupakan projek tahunan PSW telah mendapat sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat di negara ini.

Menurut beliau, kewangan yang diperolehi dari program ini akan digunakan untuk memberikan bantuan persekolahan kepada penuntut-penuntut yang memerlukan, sama ada dalam bentuk kewangan dan peralatan sekolah.

PSW memilih rangkaian kata 'Impianku Untukmu' sebagai tema konsert PSW tahun ini iaitu sesuai dengan sifat prihatin PSW terhadap isu-isu sosial yang menimpa masyarakat kita, terutama di kalangan golongan muda yang tidak berdaya, sama ada kerana tidak berkemampuan setelah ketiadaan ibu bapa atau sememangnya kehidupan mereka dari golongan yang tidak berkemampuan.

Dalam pada itu PSW juga, jelas Datin Paduka merancang untuk mengukuhkan dua lagi program iaitu seiring dengan program 'Selamatkan Anak-anak Kitani'. Program tersebut dinamakan 'Tajaka' (Taja Anak Kami), dan 'Pusaka' (Bantuan Peralatan dan Pakaian).

Bagi program 'Tajaka', jelas Datin Paduka, sebuah firma tempatan akan memberikan bantuan yang berupa sebuah pejabat pada hujung tahun ini, sementara itu PSW masih mengalu-alukan pada dermawan atau penaja untuk membantu dalam program 'Pusaka'.

Konsert 'Impianku Untukmu' malam tersebut telah disertai sama oleh para artis tempatan dan luar negara serta persembahan koir oleh anak-kanak PSW.

## RBA sumbang derma gempu bumi Pakistan

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Rabu, 12 April.- Tabung Kemanusiaan Gempu Bumi Pakistan terus memerlukan sumbangan dan derma dari pelbagai pihak dan pertubuhan organisasi.

Ke arah itu Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan anak-anak syarikatnya berjaya mengutip sejumlah \$7,098.40 dalam perlawanan golf amal baru-baru ini untuk disumbangkan.

Majlis serah terima sumbangan derma itu berlangsung di Pejabat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar yang juga Timbalan Pengerusi RBA.

Majlis disaksikan bersama oleh para pegawai kanan kedua-dua belah pihak. Setakat ini tabung berkenaan telah mengumpul sejumlah \$309,919.00.



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menerima sumbangan derma bagi Tabung Derma Gempu Bumi Pakistan. - Foto: Masri Osman.**



**KANAK-kanak kerabat PSW menyeronokkan suasana Konsert Amal 'Impianku Untukmu' dengan persembahan koir. - Foto: Pengiran Ibtisam Pg. Haji Hidup.**

## Wakil pos Kg. Bolkiah 'B' dilantik

BERAKAS, Isnin, 20 Mac.-

Wakil pos merupakan seseorang yang bertanggungjawab untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan seperti menjual setem, menerima surat berdaftar dari pelanggan, menyerahkan surat berdaftar ke Pejabat Pos terdekat dan menerima surat berdaftar dari Pejabat Pos yang terdekat.

Di samping itu, wakil pos juga menerima mel daripada pelanggan, menyerahkan dan menerima mel ke pejabat pos yang terdekat, menyerahkan surat ke rumah-rumah di kampung tersebut, menyerahkan surat berdaftar kepada penerima dan pelbagai perkhidmatan yang difikirkan sesuai dari masa ke semasa.

Bagi tujuan itu dan bagi memudahkan penduduk-penduduk Kampung Bolkiah 'B' untuk menggunakan perkhidmatan pos, seorang wakil pos baru telah dilantik untuk kampung tersebut bagi menggantikan wakil pos yang telah menamatkan perkhidmatannya. Majlis perantaraan tersebut telah berlangsung pada hari ini di Bilik Persidangan Pusat Memproses Surat dan Bungkusan, di sini.

Wakil pos baru tersebut ialah Awang Sufian bin Haji Metali yang beralamat No. 113 'E' Jeti 6, Kampung Bolkiah 'B' BK1325.

Setakat ini seramai 11

Oleh Rusydina Haji Junaidi

orang wakil pos telah dipertanggungjawabkan untuk mewakili kampung-kampung di seluruh negeri.

Wakil pos bagi Kampung Pulau Baru-Baru dan Kampung Berbunt ialah Awang Mohammad bin Lamit yang beralamat No.140 Kampung Pulau Baru-Baru BD 4517 sementara itu bagi Kampung Batu Marang ialah Awang Haji Maidin bin Tarif yang beralamat manakala No. 8-S Kampung Batu Marang BU 1529, Awang Haji Sulaiman bin Haji Amit beralamat di No. 32 E Kampung Puduk Mukim Kota Batu BD3517 bagi Kampung Puduk dan Sungai Bunga.

Seterusnya ialah OKLN Haji Jaafar bin Kassim, Wakil Pos bagi Kampung Menunggol, Riong dan Buang Kepayang yang beralamat di No. 285 Kampung Menunggol BD 4317, bagi Kampung Rambai ialah Awang Teo Joel Len yang beralamat di No. 22 Kampung Rambai Tutong, Awang Phua Lim Hoe di alamat No.9, Kampung Pengkalan Raan Ukong Tutong TF 1347 bagi wakil pos Mukim Ukong.

Awang Khairul Nurul Arsyad bin Haji Abdul Malek yang beralamat di No.15 Kampung Benutan Tutong TH1749 bagi wakil pos Kampung Benutan, bagi

Kampung Selapen Temburong ialah Awang Ahmad bin Lupat di alamat No. 473 Simpang 526 Jalan Selapen Kampung Sungai Nibong, Batu Apoi Temburong.

Selbihnya ialah Awang Lim Khing Soon bagi Wakil Pos Kampung Bukit Sawat yang beralamat di No. 7 Kampung Bukit Sawat Kuala Belait KF 1738, Awang Sufarin bin Haji Metali di alamat No. 113 'E' Jeti 6 Kampung Bolkiah 'B' BK 1325 Bagi Wakil Pos Baru Kampung Bolkiah 'B' serta wakil pos Awang Rusbi bin Idris yang beralamat No. 42G Jambatan 6-5 Jeti 3 Kampung Bolkiah 'A' BK 1125 bagi Kampung Bolkiah 'A'.



**AWANG Sufarin bin Haji Metali (kanan) semasa menandatangani perjanjian menjadi wakil pos baru bagi Kampung Bolkiah 'B'. - Foto: Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidup.**



**PARA penduduk kampung bersama-sama Pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Brunei dan Muara bergotong-royong merobohkan rumah di Kampung Sumbiling Lama. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.**

## Dua buah rumah dirobuhkan

Oleh Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 31 Mac.- Pelbagai langkah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha memerangi kegiatan yang tidak bermaruah dan penyalahgunaan dadah, antaranya merobohkan rumah kosong yang sering digunakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Baru-baru ini dua buah rumah bekas milik Awang Haji Zainal bin Yaakob yang terletak di Kampung Sumbiling Lama, dirobuhkan setelah dua tahun dibiarkan

kosong.

Kerja gotong-royong merobohkan rumah No.61 'I' dan 62 'J' 61 'I', Mukim Sungai Kedayaan disertai oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar dan para pegawai di jabatan itu.

Gotong-royong anjuran Majlis Perundingan Mukim Sungai Kedayan bertujuan untuk mengelakkan rumah kosong yang sudah usang itu dari digunakan sebagai tempat melakukan perkara yang tidak diinginkan selain melindungi rumah-rumah yang berdekatan terlibat dengan kejadian kebakaran.

# TELBRU - SEDIAKAN PRASARANA KOMUNIKASI BERTEKNOLOGI TINGGI

Oleh Abdullah Asgar [abdullah.asgar@information.gov.bn](mailto:abdullah.asgar@information.gov.bn)

JABATAN Telekom Brunei (JTB) telah dikorporatkan menjadi Syarikat Telekom Brunei Berhad (TelBru) pada 1 April 2006. Penubuhan TelBru merupakan badan korporat yang pertama di Negara Brunei Darussalam.

Dalam penubuhannya, TelBru merancang lima objektif strategik utamanya ke arah membawa syarikat berkenaan untuk berdaya saing dan mampu bertahan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan bermutu serta berkualiti sebagai usaha perancangan masa depannya.

Perancangan pertama TelBru adalah untuk menjadi sebuah penyedia perkhidmatan yang menyeluruh bagi perkhidmatan perkhidmatan suara, data, internet dan multimedia.

Kedua, yang termasuk dalam perancangan masa depan TelBru ialah meningkatkan nilai-nilai organisasi yang mempunyai budaya perkhidmatan pelanggan yang kukuh.

Ketiga, ialah bagi menyediakan produk dan perkhidmatan yang berinovatif dan berkualiti di luar jangkaan pelanggan.

Keempat, adalah untuk menerapkan lagi aplikasi-aplikasi rangkaian dan teknologi untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan.

Kelima, ke arah meletakkan semua warga TelBru ke dalam suasana yang berorientasikan perniagaan.

Lima perkara itu terkandung dalam Lembaran Pengkorporatan JTB men-

jadi TelBru sejurus majlis perasmian di Pusat Perseidangan Antarabangsa pada 1 April lalu.

## PENYEDIA PRASARANA

Namun pada masa yang sama, TelBru akan tetap berperanan sebagai penyedia kemudahan dan prasarana dan berteknologi tinggi, di samping ia akan terus memastikan penyediaan perkhidmatan infokomunikasi yang menyeluruh dan sentiasa berusaha untuk mendekatkan jurang digital.

Selain itu, syarikat berkenaan juga berhasrat untuk menjadi nadi bagi masyarakat bermaklumat di mana setiap penduduk akan dapat menikmati kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang berterusan untuk menghubungkan negara ini dengan dunia luar.

TelBru juga akan terus meningkatkan usaha untuk membuat pengubahsuaian dan berterusan menjaga perubahan iaitu perubahan di dalam hidup masyarakat, dalam industri telekomunikasi ke arah memajukan negara.

JTB merupakan jabatan kerajaan yang pertama dikorporatkan. JTB adalah sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan secara komersial dan akan menghadapi persaingan yang hebat dari penyedia perkhidmatan sama ada dari dalam mahupun luar negara.

## PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI

Perintah Syarikat Pengganti Telekomunikasi 2001 adalah bagi membolehkan

peralihan JTB kepada sebuah syarikat korporat termasuk pemindahan aset, pegawai dan kakitangan JTB yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 2006.

Perintah Telekomunikasi tahun 2001 adalah bagi menggantikan Akta Telekom pada tahun 1984 yang ada pada masa ini untuk membolehkan mana-mana syarikat untuk disenkan bagi mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi dalam negeri. Perintah ini juga akan berkuat kuasa pada 1 April 2006.

Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam 2001 adalah perintah bagi penubuhan satu badan berkanun iaitu 'Authority for Info-Communication Technology Industry' (AiTi) yang akan bertanggungjawab dalam pengawalseliaan industri infokomunikasi yang dinamik di negara ini.

Melalui akta ini, semua bidang kuasa yang berkaitan dengan telekomunikasi yang sebelum ini dipegang oleh Pengarah Telekom akan diserahkan kepada badan ini.

Dengan pengkorporatan JTB ini, fungsi kawal selia (regulatory function) dan promosi perkembangan industri teknologi infokomunikasi akan dikendalikan oleh AiTi, manakala fungsi penyediaan perkhidmatan telekomunikasi JTB akan diambil alih oleh TelBru.

Langkah awal penubuhan TelBru ialah untuk menangani isu-isu penting

dan membuat persediaan awal bagi pemindahan aset dan kakitangan dan beberapa langkah telah disusun di dalam persediaan pengkorporatan itu seperti menyediakan skim perkhidmatan bagi kakitangan, menyediakan pelan perniagaan, menilai jumlah aset yang akan dipindahkan, penyediaan sistem pengurusan kakitangan dan tatacara kewangan, serta mengadakan perbincangan dengan kakitangan mengenai skim perkhidmatan dan pengkorporatan.

## TIDAK TERJEJAS

Dengan pengkorporatan ini, ia tidak akan menjejaskan perkhidmatan dan penyediaan telekom serta urusan-urusan yang berkaitan dengannya kepada orang ramai.

TelBru akan mengekalkan operasinya di pusat-pusat urusniaga telekom di 12 buah lokasi yang sedia ada.

Di samping itu, kaunter-kaunter pembayaran yang sedia ada di sembilan buah pejabat pos juga dikekalkan di mana pelanggan boleh membuat pembayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan telekom.

Manakala itu mengenai dengan bil-bil pelanggan, bermula pada bulan Mei akan datang, pelanggan akan menerima dua bil tuntutan bulanan iaitu bagi :

- Perkhidmatan TelBru yang dikenakan mulai 1 April 2006, dan

- Perkhidmatan JTB bagi penggunaan sebelum 1 April 2006.

Di samping bil tuntutan bulanan daripada Syarikat

## JADUAL URUS NIAGA TELBRU

|                                                                                   |                          |
|-----------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| Hari Isnin - Khamis                                                               |                          |
| Ibu Pejabat dan Cawangan Daerah                                                   | 8.15 pagi - 4.00 ptg     |
|                                                                                   | 8.15 pagi - 12.00 tghari |
| Pusat-Pusat Urusniaga Telekom                                                     | 1.30 ptg - 4.00 ptg      |
| Pusat Urusniaga Lapangan Terbang                                                  | 8.15 pagi - 8.00 mlm     |
| Pejabat Pos                                                                       | 8.00 pagi - 4.00 ptg     |
| Hari Jumaat                                                                       |                          |
|                                                                                   | 8.00 pagi - 11.30 pagi   |
|                                                                                   | 2.00 petang - 4.00 ptg   |
|                                                                                   | 8.00 pagi - 11.30 pagi   |
| Pusat-Pusat Urusniaga Telekom                                                     | 2.30 ptg - 4.00 ptg      |
| Pusat Urusniaga Lapangan Terbang                                                  | 8.00 pagi - 11.30 pagi   |
| Antarabangsa                                                                      | 2.30 ptg - 8.00 mlm      |
| Pejabat Pos                                                                       | 8.00 pagi - 11.00 pagi   |
| Hari Sabtu                                                                        |                          |
| Ibu Pejabat dan Cawangan Daerah                                                   | 8.15 pagi - 4.00 ptg     |
|                                                                                   | 8.15 pagi - 12.00 tghari |
| Pusat-Pusat Urusniaga Telekom                                                     | 1.30 ptg - 4.00 ptg      |
| Pusat Urusniaga Lapangan Terbang                                                  | 8.15 pagi - 8.00 mlm     |
| Pejabat Pos                                                                       | 8.00 pagi - 4.00 ptg     |
| Hari Ahad                                                                         |                          |
| Pusat Urusniaga Lapangan Terbang                                                  | 8.15 pagi - 8.00 mlm     |
| Sementara itu, waktu bekerja bagi TelBru pula adalah seperti berikut,             |                          |
| Hari Isnin - Khamis 8.00 pagi - 12.00 tengah hari, 1.15 tengah hari - 5.15 petang |                          |
| hari Jumaat - 7.30 pagi - 11.45 pagi, 2.15 petang - 5.00 petang.                  |                          |

TelBru, pelanggan akan terus menerima bil-bil tuntutan bagi perkhidmatan JTB yang masih lagi tertunggak di mana urusan kutipan hasil dan kawalan kredit bagi bil-bil yang tertunggak ini akan dikendalikan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Pelanggan bolehlah membuat pembayaran bagi bil-bil JTB dan juga TelBru di kaunter-kaunter pembayaran yang sedia ada di pusat urusniaga TelBru dan pejabat-pejabat pos.

## Ralat

KETERANGAN gambar dalam berita di bawah tajuk 'Brunei Darussalam - Pakistan meterai kerjasama perdagangan' yang sebenarnya menandatangani ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji Petra dan bukannya Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dr. Haji Mohd. Amin Liew. - *Penyunting.*

## EKONOMI

# Bengkel Sanitari dan Fitosanitari mendapat perhatian

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman [bakar.rahman@information.gov.bn](mailto:bakar.rahman@information.gov.bn)

GADONG, Selasa, 28 Mac. - Bengkel Sanitari dan Fitosanitari serta Keperluan Lepas Tuai Bagi Pengeksportan Produk Hasil Pertanian mendapat perhatian para pegawai kanan dan pakar pertanian dari negara-negara anggota ASEAN.

Bengkel kendalian Jabatan Pertanian yang disertai kira-kira 20 pegawai kanan dan pakar dalam bidang berkenaan merupakan antara aktiviti di bawah program ASEAN - Australia yang dibiayai bersama oleh kerajaan

Australia melalui pihak AUSAID dan ASEAN dan diselenggarakan oleh RMIT International.

Bengkel selama tiga hari bermula 28 Mac hingga 30 Mac bertempat di Centrepoin dengan di kendalikan oleh dua tenaga pakar dari Australia, Rod Jordan dan Bruce Tomkins.

Sepanjang bengkel para peserta berpeluang mempelajari dan turut serta dalam melaksanakan prosedur serta protokol yang ditetapkan sejajar dengan persetujuan Pertubuhan Perdagangan Sedunia

(WTO-SPS) mengenai tatacara pengeksportan produk hasil pertanian, di samping diberi penjelasan lebih teliti mengenai peraturan-peraturan lepas tuai yang perlu dipatuhi sebelum mengeksport produk pertanian ke luar negara.

Program bengkel termasuklah lawatan ke gudang penyimpanan produk pertanian, pusat jualan, makmal penyelidikan dan penyediaan lepas tuai dan pasar borong.

Peserta bengkel dijangka akan memperoleh kefa-

haman dan pengetahuan mengenai pelaksanaan protokol WTO-SPS yang disyorkan bagi keperluan lepas tuai untuk pengeksportan produk-produk hortikultur.

Program kemajuan eksport bagi setiap negara anggota, pendekatan kemajuan eksport, lawatan kerja sambil belajar, penyediaan produk untuk dieksport dan penghantaran produk untuk pasaran tempatan dan luar negara merupakan antara tajuk yang dibincangkan dalam bengkel berkenaan.

# IHP bulan Januari 2006 tidak berubah

Oleh Rosydina Haji Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 Mac. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Januari 2006 tidak berubah daripada bulan sebelumnya dengan Indeks 103.1.

Kos makanan dan minuman ringan, kos perumahan, air, elektrik dan alat elektrik, alat dan perubatan dan kesihatan sama sekali tidak berubah daripada bulan sebelumnya.

Kos pakaian dan kasut telah menurun sebanyak 2.1 peratus ekoran dari harga murah bagi pakaian siap sedia dan kelengkapan pakaian, fabrik bagi lelaki

dan wanita dan juga kasut manakala kos rendah bagi pengangkutan sebanyak 0.2 peratus adalah disebabkan oleh harga murah bagi tambang udara.

Penurunan harga bagi kelengkapan audio, video dan peralatan muzik, kelengkapan rumah tangga dan alat elektrik, alat dan perkakas dapur, pinggan mangkuk dan kutleri telah menyebabkan kos peralatan, perkhidmatan dan pengendalian rumah menurun sebanyak 0.3 peratus.

Harga murah bagi peralatan termasuk aksesori dan komputer serta aksesori menyebabkan pe-

nurunan kos perhubungan dan pendidikan sebanyak 0.2 peratus manakala kos rekreasi dan hiburan telah meningkat sebanyak 2.8 peratus disebabkan oleh harga tinggi bagi pakej percutian.

Peningkatan kos pelbagai barangan dan perkhidmatan sebanyak 0.1 peratus adalah ekoran harga tinggi bagi alat-kegunaan persendirian.

Indeks harga pengguna bagi bulan Januari 2006 adalah 1.1 peratus lebih tinggi daripada indeks dibulan yang sama pada tahun 2005.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual bersama Jeneral Komander Polis Dubai, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Dhahi Khalfan Tamin di Bilik VIP (atas).



JENERAL Komander Polis Dubai menyembahkan pesambah ke hadapan majlis baginda.

BAGINDA memeriksa perbarisan kawalan kehormatan terdiri lebih 200 anggota Akademi Polis Dubai (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menerima tabik hormat diraja sejurus keberangkatan tiba di Akademi Polis Dubai (kanan).



BAGINDA ketika berkenan melawat salah sebuah Bilik Kuliah yang menempatkan ruang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama pegawai kanan Akademi Polis Dubai menyaksikan persembahan dari anggota Polis Dubai (kanan).



ANGGOTA Pasukan Polis memperlihatkan perbarisan kawad ke hadapan majlis baginda, semasa keberangkatan di Akademi Polis Dubai.

## LAWATAN NEGARA KEBAWAH D



## Melawa Akademi Polis D

DUBAI, Selasa, 18 April. - KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah tiba di Akademi Polis Dubai bagi lawatan negara ke ketiga Lawatan Negara ke (UAE).

Keberangkatan tiba baginda ke Akademi tersebut dijunjung oleh Pasukan Polis Dubai, Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Dhahi Khalfan Tamin.

Baginda seterusnya dijunjung oleh pasukan kehormatan menerima tabik hormat diraja kedua-dua buah negara dimai.

Kebawah DYMM kemudian menyaksikan perbarisan kawalan kehormatan dan seterusnya menerima hormat pasukan Polis Berkuda.

Setelah itu baginda berkenan melawat salah sebuah Bilik Kuliah yang menempatkan ruang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Kemudian diikuti pertunjukan dari Unit Anti Rusuhan Pasukan Polis, kereta penyembur air, Unit Anti Teror (Unit), kereta patrol polis dan lain-lain.

Selepas itu baginda dijunjung oleh pasukan kehormatan Menembak Tertutup (Indoor Shooting) dan seterusnya berkenan mencuba sendiri menembak.

Baginda kemudian dijunjung oleh pasukan kehormatan Bangunan Institut Keselamatan dan berkenan melawat beberapa perpustakaan serta menandatangani beberapa buku.

Semasa keberangkatan seterusnya menyaksikan tayangan filem mengenai peranan dan aktiviti Akademi Polis Dubai, Sultan Mohammad bin Rashid.

Sebelum filem dokumenter dimulakan dengan bacaan al-Fatiha, baginda menerima tabik hormat diraja dari Jeneral Dhahi Khalfan Tamin.

Akademi Polis Dubai yang terletak di Al Towar di bawah pemerintahan Kerajaan Dubai berbeza dengan Akademi Polis di negara-negara lain di UAE.

Selain melatih pelajar tempatan, Akademi Polis Dubai juga menerima pelatih dari luar negara-negara GCC termasuk

# EMIRIAH ARAB BERSATU (UAE)



**Liputan :**  
Sahari Akim dan Abdullah Asgar  
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar  
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



BAGINDA ketika berkenan mendengar sembah taklimat di Emirates Tower (atas).

BAGINDA bersalaman bersama seorang pegawai Emirates Tower (atas kiri)

## Disembahkan taklimat ekonomi dan pembangunan di Emirates Tower

DUBAI, Selasa, 18 April.  
- Di sebelah malam atur cara Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat ke Emirates Tower di pusat bandar Dubai.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Tuan Yang Terutama Muhammad Al Gergawi, Menteri Negara Bagi Hal Ehwal Kabinet dan Pengerusi Eksekutif Dubai Holding.

Dalam lawatan tersebut baginda berkenan mengikuti beberapa taklimat mengenai projek-projek mega yang sedang

berjalan seperti teknologi maklumat dan media, hiburan, kesihatan, hartanah dan pembinaan yang dijalankan oleh Kerajaan Dubai.

Taklimat disembahkan oleh Tuan Ahmad bin Biat, Ketua Pengarah Dubai Technology and Media Free Zone Authority; Tuan Saeed Al Muntafiq, Ketua Pegawai Eksekutif Tatweer dan Tuan Hashim Al-Dabal, Ketua Pegawai Eksekutif Dubai Properties.

Juga menyebarkan taklimat ialah Tuan Farhan Faraidooni, Ketua Pegawai Eksekutif Dubai International Properties, Tuan Sultan bin Sulayen, Ketua Pegawai Eksekutif Nakheel dan Tuan Ahmad Almatroshi, Ketua Pegawai Eksekutif Emaar.



BAGINDA ketika berkenan mengikuti Sesi Taklimat Ekonomi dan Pembangunan Dubai di Emirates Tower, Dubai.



BAGINDA disembahkan taklimat ringkas oleh seorang pegawai kanan mengenai pameran di Institut Keselamatan dan Sains Pentadbiran.



BAGINDA dijunjung dan dialu-alukan sejeurus keberangkatan tiba di Emirates Tower, Dubai.

## HALUAN

Bismillahir Rahmanir  
Rahim

Assalamu 'Alaikum  
Warahmatullahi  
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua Jabatan Telekom Brunei (JTB) akan di-korporatkan menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) mulai hari ini, 1 April 2006.

Kita juga sukacita menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia titah perkenan baginda bagi pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei ini.

Majlis ini adalah merupakan satu detik yang penting dan signifikan dalam sejarah industri telekomunikasi di negara ini yang juga merupakan kejayaan kerajaan dalam usaha kerajaan untuk mengkorporatkan agensi-agensi kerajaan yang bersesuaian. Ini adalah juga menandakan titik permulaan bagi bermakna bagi pengguna-pengguna perkhidmatan telekomunikasi di negara ini.

Langkah mengkorporatkan Jabatan Telekom Brunei ini adalah juga selaras dan selari dengan perkembangan industri telekom di rantau ini dan juga di kebanyakan negara-negara ahli Pertubuhan Telekom Antarabangsa atau ITU.

Langkah pengkorporatan lazimnya dilaksanakan adalah untuk memberikan peranan yang lebih besar kepada sektor swasta di dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah pun menekankan akan pentingnya peranan sektor swasta dalam memperkembangkan ekonomi negara. Oleh yang demikian pengkorporatan Jabatan Telekom ini adalah juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh dan memperkenankan lagi peranan sektor swasta.

Di dalam melaksanakan program pengkorporatan, pihak kerajaan telah mengenal pasti industri telekomunikasi sebagai sektor pertama untuk di-korporatkan. Ini adalah kerana industri telekomunikasi dapat dianggap sebagai salah satu perintis (forerunner) bagi pembangunan negara, yang mana hasil daripada kemajuan sektor ini diharapkan akan dapat merangsang lagi pembangunan dan kemajuan di dalam sektor-sektor yang lain.

Jika dilihat dari segi pencapaian sektor telekomunikasi dan ICT dalam pertumbuhan ekonomi negara, sektor ini secara keseluruhan telah menyumbang pencapaian ekonomi yang agak signifikan, yang

mana saiz industri bagi sektor ini berjumlah melebihi tiga ratus juta ringgit Brunei (B\$300 juta) dan dengan purata peningkatan tahunan sebanyak sepuluh peratus (10 peratus).

Pendapatan sektor telekom sahaja dalam dua tahun kebelakangan menjangkau hampir satu ratus juta ringgit Brunei (B\$100 juta) setahun. Adalah diharap melalui pengkorporatan ini, akan dapat menggalakkan lagi pertumbuhan pesat industri telekomunikasi dan ICT serta dapat pula menarik banyak pelabur luar untuk bergiat sama dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi bagi negara ini.

Di dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara Kelapan (RKN Ke-8), sektor telekomunikasi dan ICT juga telah mencatat kemajuan yang ketara terutama di dalam pertumbuhan pelanggan. Jumlah pertumbuhan bagi pemasangan telefon di rumah-rumah (fixed line) adalah mengagumkan dengan kadar pencapaian sembilan puluh sembilan peratus (99 peratus), sementara lebih lima puluh peratus (50 peratus) bagi telefon bergerak. Sungguhpun demikian, taraf penggunaan internet di negara ini masih belum menggalakkan lagi dan masih ditahap yang rendah.

Usaha-usaha untuk merapatkan jurang di antara asas akses dan penggunaan 'internet' khususnya jalur lebar (broadband) perlu dipertingkatkan sebagai langkah bagi menjadikan telekomunikasi dan ICT mudah diperolehi oleh semua peringkat masyarakat baik di bandar mahupun di luar bandar termasuk di pedalaman.

Dalam pada itu, kita juga akan mengalami perubahan struktur di mana pelaksanaan peraturan dan liberalisasi sektor telekomunikasi akan giat dilaksanakan bagi memastikan pengurusan yang lebih cekap, peningkatan kemudahan dan perkhidmatan bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat serta membolehkan lebih ramai penduduk menikmati perkhidmatan sejajar dengan perubahan teknologi yang pesat.

Pengguna akan mendapat manfaat dari liberalisasi industri ini yang akan membawa kepada persaingan serta kepelbagaian perkhidmatan untuk dikecapi oleh para pengguna. Dengan tertubuhnya TelBru, segala kerja-kerja pengawalseliaan dan perlesenan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi dan ICT di negara ini akan dikendalikan sepenuhnya oleh Pihak Berkuasa Industri Infokomunikasi Teknologi Negara Brunei Darussalam (AiTi).

Sebagai sebuah badan kerajaan yang 'autonomous', AiTi akan berperanan menyeliti dasar bagi penyediaan perkhidmatan dan kawalan harga penggunaan perkhid-



UCAPAN Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang di Majlis Pelancaran Rasmi Pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei (JTB) menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) pada 1 April 2006 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

matan telekomunikasi dan ICT. Kita berharap pengkorporatan TelBru akan memberikan kebaikan kepada pengguna-pengguna dan juga membuka peluang untuk meningkatkan kualiti serta keupayaan inovasi melalui penyediaan produk dengan harga yang lebih kompetitif.

Dalam kesempatan pelancaran rasmi ini, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat empat (4) inisiatif dasar yang boleh kita ambil kira konteks Negara Brunei Darussalam.

Pertama ialah mengenai penyusunan semula dasar industri atau lebih dikenali dengan 'Regulatory and Industry Restructuring'. Ini adalah merupakan satu-satunya trend masa kini yang menjadi amalan di negara-negara maju dan membangun. Dalam hal ini, antara contoh utama dalam penyusunan semula industri telekomunikasi dan ICT adalah penubuhan badan korporat dan peralihan daripada jabatan kerajaan bagi mengawal selia dan memajukan sektor telekomunikasi dan ICT di negara masing-masing.

Kedua ialah mengenai penyediaan rangka-kerja kerja pengawalseliaan dan undang-undang yang bersesuaian dalam pembangunan industri telekomunikasi dan ICT yang mantap. Pada tahun 2001, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat beberapa rangka kerja undang-undang yang baru untuk tujuan kawal selia bagi pihak AiTi dan pembahagian tugas-tugas bagi TelBru dan AiTi di negara ini. Rangka-kerja kerja undang-undang ini adalah:

- \* Perintah Pengganti Telekomunikasi, 2001;

- \* Perintah Telekomunikasi, 2001; dan

- \* Perintah Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AiTi), 2001.

Dalam hal ini, seperti mana yang saya nyatakan tadi, AiTi ditubuhkan di bawah Perintah AiTi, 2001 dan telah bermula operasi semenjak 1 Januari 2003.

Kedua-dua perintah yang lain akan dikuatkuasakan pada tarikh pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei (JTB) iaitu 1 April 2006.

Dalam kesempatan ini, saya sukacita memaklumkan bahawa bermula hari ini, AiTi akan bertanggungjawab penuh ataupun menjadi 'full-pledged' dalam perlesenan perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi dan ICT, mengendalikan frekuensi spektrum negara dan memajukan pembangunan industri telekomunikasi dan ICT di negara ini.

Ini bermakna mulai 1 April 2006, di bawah rejim perlesenan yang baru, AiTi akan mengeluarkan lesen-lesen kerja kepada TelBru serta membuat perundingan untuk memperbaharui lesen-lesen DST Comm. serta lesen-lesen yang lain seperti lesen yang diberikan kepada B-Mobile Communications, penyedia-penyedia perkhidmatan internet (iSPs) iaitu BruNet dan Simpura, penyedia-penyedia perkhidmatan telefon awam dan lain-lain.

Inisiatif dasar yang ketiga ialah dasar bagi memperkenalkan satu suasana yang kondusif dan kompetitif bagi industri telekomunikasi dan ICT dan seterusnya mengadakan persaingan yang saksama kepada syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam industri ini.

Antara contoh utama adalah dasar kerajaan bagi mengeluarkan dua lesen bagi perkhidmatan-perkhidmatan telefon bimbit 3G pada tahun lepas. Peralihan secara progresif daripada pasaran 'monopoly' ke pasaran 'duopoly' dalam perkhidmatan telefon bimbit di negara ini telah nyata menghasilkan permulaan persaingan yang sihat di bawah pentadbiran pihak pengawal selia dan pemegang dasar dan secara langsung memberikan pilihan kepada orang ramai khususnya para pengguna di negara ini.

Dengan adanya dua syarikat yang memberikan perkhidmatan telefon bimbit kepada orang ramai, kita akan menjangka pertumbuhan yang lebih tinggi dalam industri yang semakin maju ini.

## Langkah mengkorporatkan Jabatan Telekom Brunei selaras dengan perkembangan industri telekomunikasi

Pertumbuhan dari segi jumlah pengguna bagi perkhidmatan telefon bimbit pada masa kini berbanding dengan sejak sepuluh (10) tahun kebelakangan, juga telah menunjukkan peningkatan yang sangat ketara, di mana berdasarkan statistik pada awal tahun 2006, jumlah 'density' pengguna telefon bimbit adalah sebanyak enam puluh lima (65) bagi setiap seratus (100) orang.

Satu contoh lagi, iaitu dalam penggunaan internet. Kita telah nampak perkembangan pesat sejak lima (5) tahun kebelakangan dalam mana jangka penggunaan internet telah meningkat tiga kali ganda sejak tahun 2000 iaitu sebanyak 'density' pengguna seramai enam (6) bagi setiap seratus (100) orang kepada lebih tiga puluh (30) bagi setiap seratus (100) orang pada penghujung tahun 2004.

Walau bagaimanapun, jumlah tersebut masih boleh dipertingkatkan lagi. Malah penyediaan perkhidmatan 'internet dial-up' berkuasa 'narrow-band' kepada orang ramai dan masyarakat bukan menjadi tumpuan sebenar. Sebaliknya, dasar utama adalah bagi meningkatkan usaha dalam penggunaan internet jalur lebar atau 'internet broadband' yang berkuasa tinggi untuk orang ramai khususnya di rumah-rumah persendirian.

Bilangan terkini bagi pelanggan jalur lebar secara persendirian adalah di-kira masih di tahap yang rendah iaitu kurang daripada sepuluh (10) daripada setiap seratus (100) buah rumah persendirian. Dalam hal ini, adalah menjadi hasrat Kementerian ini untuk mencapai satu matlamat dasar iaitu sekurang-kurangnya empat puluh (40) daripada setiap seratus (100) buah rumah dijangka akan mempunyai perkhidmatan jalur lebar (broadband) pada tahun 2010.

Di sinilah pentingnya akses dan kemampuan bagi pelanggan perkhidmatan-perkhidmatan jalur lebar yang mana akan menjadi agenda utama kita.

Inisiatif dasar yang keempat ialah mengenai peranan kerjasama dan hubungan erat di antara kerajaan melalui Kementerian Perhubungan dan AiTi dengan pihak swasta dalam sama-sama mempertingkatkan mutu infrastruktur yang bertaraf tinggi, sebanding dengan infrastruktur di negara-negara maju yang lain.

Dalam hal ini, Kementerian Perhubungan berperanan utama dalam memberikan arah dasar yang strategik dan secara menyeluruh, manakala AiTi

berperanan besar selaku agensi pelaksana bagi dasar-dasar yang dikeluarkan.

Peranan pihak swasta atau industri dalam membangun infrastruktur telekomunikasi dan ICT yang canggih dan terkini antara lain seperti pembangunan 'Next Generation Networks - NGN' adalah sangat penting dan akan menjadi tulang utama dalam perkembangan industri telekomunikasi dan ICT di negara ini.

Dengan suasana persaingan global dan cabaran yang semakin hebat, warga TelBru hendaklah terus berusaha untuk memastikan pemberian perkhidmatan yang cemerlang dan memberikan mutu perkhidmatan yang cekap dan baik kepada semua pihak.

Saya percaya sebagai sebuah penyedia perkhidmatan komersial, TelBru akan sentiasa responsif dan proaktif dalam memainkan peranannya untuk meningkatkan taraf sosial bagi semua lapisan masyarakat di negara ini.

Di samping itu, penglibatan TelBru di dalam sama-sama meningkatkan ekonomi negara bukanlah hanya setakat di dalam penyediaan perkhidmatan di pasaran tempatan sahaja, malah perlu diperkembangkan dengan menerokai peluang-peluang perniagaan di peringkat serantau dan global, selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai 'service hub' di masa akan datang.

Saya berkeyakinan bahawa TelBru mempunyai kemampuan untuk menerokai peluang-peluang dalam bidang infokomunikasi di rantau ini yang perkembangannya pada masa ini dan akan datang dijangka menggalakkan.

Penubuhan TelBru dengan logo yang baharu diharapkan akan membawa imej korporat baharu. Kepada Pengarah Urusan dan semua warga TelBru, bisakah akan menghadapi cabaran dalam imej baharu ini. Oleh itu saya berharap penghidupan menjadi warga korporat akan membawa bersamanya perubahan sikap.

Kejayaan TelBru beroperasi sebagai sebuah badan korporat akan dinilai dan diukur oleh kerajaan dan orang ramai. TelBru akan menjadi contoh dan modal bagi perlaksanaan rancangan pengkorporatan di masa akan datang. Oleh itu berusaha lagi untuk menjadi sebuah badan korporat yang ber-

jaya dan dihormati.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam melaksanakan rancangan pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei ini suatu kenyataan.

Demikian juga terima kasih kepada Jawatan Kuasa Pengajur Majlis kerana mengukuhkan majlis ini. Saya ucapkan syabas dan selamat berjaya kepada TelBru dengan iringan doa agar TelBru akan dapat melaksanakan tugas-tugasnya dengan cemerlang dan berjaya dalam semua bidang operasinya.

Saya juga ucapkan selamat menjalankan tugas-tugas selaku badan kawal selia dan pemaju industri telekomunikasi dan ICT di negara ini kepada AiTi.

Pada mengakhiri ucapan saya ini, kepada seluruh warga TelBru, terimalah:

Sayang gamat menikan gamat,  
Bunga melur bunga melati,  
Mudah-mudahan hidup selamat,  
Di dalam telur boleh dinanti.

Sayang mengail dekat perapat,  
Mari belur ikan langaran,  
Tekaduhung sudah menjadi korporat,  
Malu rasanya paling haluan.

Tidaklah boleh diangan-angan,  
Timbanglah batu sama timbangan,  
Jikalau sudah bunga di tangan,  
Biarlah layu dilepas jangan.

Anak rusa di Pulau Rasau,  
Sayang selasih di Tanjung Bangkita,  
Jangan susah jangan risau,  
Kami tidak lupakan biskita.

Dengan mendahulukan kalimat Bismillahir Rahmanir Rahim dan dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacitanya, melancarkan Majlis Pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru).

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## PENDIDIKAN



**TIMBALAN** Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad dan rombongan bergambar ramai sebelum berlepas bagi mengadakan lawatan kerja ke luar negeri. Gambar ihsan Kementerian Pendidikan.

### Lawatan kerja ke pusat pengajian tinggi Islam luar Negeri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 16 April. - Rombongan dari Kementerian Pendidikan yang diketuai oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman akan melakukan lawatan kerja ke beberapa buah Pusat Pengajian Tinggi Islam di luar negara. Rombongan tersebut bertolak pada hari ini dan dijangka berada di luar negara selama dua minggu.

Turut sama dalam rombongan tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Awang Haji Daud bin Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shahaq bin Haji Abdullah;

Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Mohd. Yusop dan Dekan Institut Pengajian Islam, Sultan Haji Omar Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim serta pegawai kanan di Kementerian Pendidikan.

Di antara yang akan dilawati adalah tiga buah Pusat pengajian Tinggi Islam di Malaysia iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM); dan Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (IN-SANIAH), sementara di Republik Arab Mesir, rombongan akan membuat lawatan ke Universiti Al-Azhar dan seterusnya akan ke Jordan untuk melawat

Universiti Jordan dan Universiti Yarmouk. Rombongan juga akan pergi ke Qatar untuk melawat Universiti Qatar.

Tujuan utama lawatan kerja ialah untuk meninjau dengan lebih dekat lagi pelaksanaan program-program akademik, pentadbiran, kemudahan-kemudahan dan prasarana yang terdapat di pusat-pusat pengajian tinggi Islam berkenaan.

Rombongan juga dijangka akan membuat kunjungan hormat kepada Sahibul Fadhilah Sheikh Al-Azhar, His Eminent Grand Sheikh Of Al-Azhar dan beberapa orang Menteri Pendidikan pengajian tinggi di negara-negara berkenaan.

## Tingkatkan kemahiran di bidang teknologi maklumat



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum ketika berucap di Majlis Forum. - Foto: Pg. Ilni Pg. Haji Hidup.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 April. - Ibu bapa pelajar-pelajar dan guru-guru di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMSMJA) diseru supaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat (IT) agar tidak terjadi

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

jurang perbezaan di antara mereka dengan penuntut.

Dengan memiliki kemahiran IT para ibu bapa dan guru-guru akan dapat memantau aktiviti dan kegiatan penuntut-penuntut, di samping dapat mengelakkan daripada terjadinya perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum membuat seruan tersebut semasa merasmikan forum yang bertajuk 'Ke Arah Kecemerlangan Akademik' yang dianjurkan oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) SMSMJA berlangsung di sekolah berkenaan di sini.

Mengenai forum tersebut beliau berharap dengan adanya kerjasama seperti itu guru-guru dan ibu bapa akan dapat meningkatkan kecemerlangan para pelajar khususnya dalam mata pelajaran terutama bahasa Inggeris, Matematik dan Ilmu Sains.

Juga disentuh oleh Dayang Hajah Norjum ialah mengenai cara meningkatkan kepekaan terhadap tatacara dan disiplin penjagaan kebersihan di kalangan penuntut.

Menurutnya seperti yang dimaklumi negara ini menghadapi ancaman pelbagai penyakit seperti Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (PKTM), Selesema Burung dan sebagainya.



**SEBAHAGIAN** mereka yang menghadiri majlis yang berlangsung di Sekolah Menengah Sultan Jamalul Alam (SMJA). - Foto: Pg. Ilni Pg. Haji Hidup.

Forum diadakan bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan penuntut-penuntut dalam bidang akademik khususnya dalam peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB) dan G.C.E peringkat 'O'.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk memberi peluang kepada ibu bapa dan guru-guru untuk bertukar-fikiran dan mengongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara ibu bapa dengan warga sekolah.

## Maktab SOAS juara

Oleh  
Sukri Hidayat  
Haji Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 4 April. - Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (SOAS) muncul juara setelah menewaskan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPA-PHM) dalam Pertandingan Bahasa Inggeris di antara sekolah-sekolah menengah seluruh negara hari ini.

Pemangku Pengarah Sekolah-sekolah di Kementerian Pendidikan Dr. Haji Mahali bin Momin ketika berucap di majlis tersebut berpendapat bahawa pertandingan seumpama ini merupakan satu peluang yang baik bagi para penuntut untuk menimba pengalaman dan dapat meningkatkan tahap keyakinan diri apabila bercakap di khalayak ramai.

Beliau seterusnya menekankan, bahawa pihak Kementerian mempunyai objektif jangka panjang iaitu mempersiapkan para belia bukan sahaja bagi memenuhi jawatan-jawatan kosong di dalam negara malah juga bagi mempersiapkan diri untuk menahului cabaran dan mencari pengalaman bekerja di pasaran global.

Walau bagaimanapun, untuk mempersiapkan para belia dalam menahului cabaran ini mereka hendaklah mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, mempunyai kemahiran dalam berkomunikasi dan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai isu terkini serta berdisiplin.

Pertandingan ini dikendalikan oleh Jabatan Ko-Kurikulum Kementerian Pendidikan dan dilaksanakan oleh SMPAPHM.

**ROMBONGAN** guru-guru dari Sekolah Agama Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah di sesi ramah mesra dan soal jawab bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusoff bin Haji Ladi dan Pegawai-pegawai Kanan Penerangan (kiri). - Foto: Hennie Suliana Haji Othman.

## Kecemerlangan pelajar bukan hanya dilihat pada pencapaian akademik



**PENOLONG** Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awangku Abdullah bin Pengiran Tengah semasa menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang pelajar terbaik di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna. - Foto: Ramli Tengah.

Oleh Rusydina Haji Junaidi

**LAMBAK KANAN**, Sabtu, 8 April. - Kecemerlangan seseorang pelajar bukan hanya dilihat pada pencapaian mereka dalam akademik tetapi juga pelajar yang mencintai ilmu, memiliki sahsiah yang tinggi bagi membina personaliti yang mampu menghadapi cabaran sezaman dan tuntutan persekitaran.

Penolong Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awangku Abdullah bin Pengiran Tengah berkata demikian di Majlis Penyempurnaan Hadiah dan Sijil Bagi Pelajar-pelajar Terbaik dan Cemerlang bagi peperiksaan HGCE 'O' Level 2005, Penilaian Menengah Bawah (PMB) 2005 dan peperiksaan

SSRU Darjah Enam Ugama 2005 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPA-PHM) pada di sini.

Beliau juga berkata, bahawa pendidikan bukan sekadar suatu proses pemindekan ilmu, ketrampilan dan pengalaman semata-mata, malah ia adalah suatu proses perubahan atau transformasi diri yang menjadikan seseorang itu berilmu, berkecakupan dan bersahsiah tinggi.

Beliau juga menyatakan harapan agar semua pelajar-pelajar supaya belajar bersemangat-sungguh dan tekun serta jauhi sikap berpuas hati

terhadap pencapaian, sebaliknya mengekalkan komitmen yang tinggi terhadap pelajaran supaya menjadi pelajar yang cemerlang dalam akademik dan apa jua bidang.

Terdahulu sebelum itu, Pengetua sekolah, Dayang Gazala binti Abdullah selaku Pengerusi majlis telah memberitahu bahawa tahun 2005 merupakan tahun bermakna bagi sekolah ini kerana mencapai kegemilangan dan kecemerlangannya dalam bidang akademik.

Menurutnya, bahawa guru-guru di sekolah ini mempunyai komitmen, 'team spirit' dan ekspektasi yang tinggi sebagaimana dihasratkan oleh pihak sekolah.

Wakil dari PELITA BRUNEI telah sempat menemui bual pelajar cemerlang bagi BGCE 'O' Level tahun 2005 iaitu Dayang Fathin Naquiah binti Haji Yaakub dan pelajar cemerlang bagi PMB tahun 2005, Dayang Norasiah binti Hussin.

Dayang Fathin Naquiah yang kini melanjutkan pelajaran beliau ke peringkat Pra-U di Pusat Tingkatan Enam Berakas (PTEB) telah berjaya meraih 8 'O' bagi peperiksaan 'O' Level pada tahun lepas dengan memperoleh gred A dalam empat mata pelajaran dan gred B juga dalam empat mata pelajaran.

Terdahulu semasa berada

di Tingkatan Satu, beliau pernah menjadi salah seorang daripada pelajar yang mengikuti rombongan ke Jepun bagi Program 'Sottaku Goodwill Mission'. Beliau mengakui bahawa pengalaman tersebut telah menjadikan beliau lebih berkeyakinan dalam bidang akademik mahupun non-akademik.

Dayang Norasiah yang kini masih menuntut di SMPAPHM dalam Tingkatan 4B telah berjaya mendapat enam 'distinction' dan dua kepujian dalam peperiksaan PMB pada tahun lepas.

Beliau juga merupakan pelajar yang mewakili negara bagi Program 'First International Junior Science Olympiad' yang telah berlangsung di Jakarta, Republik Indonesia pada tahun 2004 semasa beliau dalam Tingkatan Dua.



## Luangkan masa membaca PELITA BRUNEI

Oleh Rusydina Haji Junaidi

**BERAKAS**, Rabu, 15 Mac. - Seramai 12 orang guru Sekolah Agama Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah (SUYSHB) telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar yang juga selaku Ketua Bahagian Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan telah memberi taklimat ringkas mengenai peranan Jabatan Penerangan di majlis lawatan tersebut di mana beliau meletakkan harapan agar guru-guru akan dapat mengambil inisiatif meluangkan masa mereka untuk sama ada membaca Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI atau melayari Laman Web PELITA BRUNEI di [www.information.gov.bn](http://www.information.gov.bn)

Dengan cara tersebut,

guru-guru akan dapat mengetahui lebih banyak maklumat mengenai hal-hal yang terjadi dalam Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan secara tidak langsung menyalurkan maklumat tersebut kepada murid-murid melalui pembelajaran di kelas.

Sejurus selepas taklimat, guru-guru tersebut telah berkesempatan menyaksikan tayangan klip video yang memaparkan maklumat mengenai misi dan objektif Jabatan Penerangan serta sesi ramah mesra dan soal jawab bersama-sama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusoff bin Haji Ladi.

Guru-guru tersebut juga berpeluang untuk melawat ke Bahagian Akhbar, Bahagian Berita Inggeris dan Laman Web serta ke Bahagian Fotografi.

# Berangkat ke Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

BERAKAS, Selasa, 18 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berkenan berangkat ke Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1427 Hijrah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayang Nur-

**Liputan Zabaidah Haji Salat**  
zabaidah.salat@information.gov.bn  
**Aliddin Haji Moktal**  
aliddin.moktal@information.gov.bn  
**Foto : Ramli Haji Tengah**  
**dan Masri Osman**

ezah binti Mohd. Deli, naib johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara tahun 2005, manakala bacaan huraian tafsirannya dibacakan oleh Dayang Suryawati binti Haji Hamdan, Pegawai Pelajaran, Kementerian Pendidikan.

Perhimpunan itu diserikan dengan ceramah khas mengenai 'Peranan Wanita Dalam Penghayatan Islam Bagi Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Malaysia, Ustaz Wan Shohor Bani bin Leman.

Acara kemuncak majlis ialah Penganugerahan Bakti Hijrah Khas Wanita oleh

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha kepada Datin Hajah Zainab binti Abu Bakar dan Dayang Hajah Naemah binti Haji Mohd. Yusof.

Persembahan Dikir Marhaban oleh gabungan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan dan Ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam. Manakala di akhir majlis, doa selamat telah dibacakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan KHEU, Pengiran Anak Datin Hajah Masnah binti Pengiran Anak Saifuddin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Yang Teramat Mulia Azrinaz Mazhar binti Hakim Mazhar berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan menerima junjung ziarah para Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan sejurus tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



CERAMAH Khas di Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah disampaikan oleh penceramah undangan dari Malaysia, Ustaz Wan Shohor Bani bin Leman (bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan mengurniakan Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita kepada Datin Hajah Zainab binti Abu Bakar (atas kiri) dan kepada Dayang Hajah Naemah binti Haji Mohd. Yusof (atas kanan), sementara gambar kiri, baginda dan YTM menadah tangan ketika doa selamat dibacakan.



BAGINDA dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan dan para penerima Anugerah Bakti Hijrah Khas Wanita (atas), sementara gambar bawah kanan dan kiri, Perhimpunan Khas Wanita diserikan dengan kehadiran para wanita Islam di negara ini dan juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban.



# K'sama dua hala Brunei - Lao dipertingkatkan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 22 April.** - Negara ini buat pertama kali bersama dengan Republik Demokratik Rakyat Lao telah mengadakan Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Dua Hala.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Tuan Yang Terutama Somsavat Lengsavat, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Rakyat Lao hari ini mempengerusikan bersama mesyuarat itu

di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Di mesyuarat itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama membincangkan perkara-perkara kepentingan dua hala dan usaha meningkatkan pelbagai kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan mengadakan Majlis Santap Tengah Hari bagi TYT dan Puan Bounkongmany Lengsavat yang dilangsungkan di tempat yang sama.

Berangkat sama di jamuan santap tengah hari ter-

**Oleh Abdullah Asgar**  
abdullah.asgar@information.gov.bn  
**Bolhassan Haji Abu Bakar**  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

sebut, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Pada sebelah petangnya, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama menandatangani Minit Persetujuan Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bagi Kerjasama Dua Hala antara Negara Brunei Darussalam dan

Republik Demokratik Rakyat Lao.

Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama kemudian menandatangani Perjanjian Bagi Pengecualian Cukai Berganda dan Pencegahan Pengelakan Fiskal yang berhubung dengan Cukai Pendapatan (dan Modal) antara negara ini dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Perjanjian tersebut akan boleh meningkatkan kerjasama ekonomi antara negara ini dan Republik Demokratik Rakyat Lao.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Somsavat Lengsavat menandatangani Minit Persetujuan Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bagi Kerjasama Dua Hala antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Demokratik Rakyat Lao.** - Foto : Pg. Haji Bahar bin Pg. Haji Omar.



**DYTM dan TYM bersalaman sejeurus selepas menandatangani Minit Persetujuan Mesyuarat Pertama Suruhanjaya Bagi Kerjasama Dua Hala.** - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.



**DYTM dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan menerima mengadap TYT Somsavat Lengsavat dan isteri di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.** - Foto Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.



## Lawatan kerja ke sekolah kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 April.** - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Pendidikan meneruskan siri lawatan kerja ke Sekolah Rendah Tungku dan Sekolah Menengah Rimba.

Lawatan kerja Yang Berhormat bertujuan untuk melihat secara dekat perjalanan persekolahan penuntut-penuntut seperti pendekatan-pendekatan yang dipraktikkan oleh guru-guru di dalam pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya mengetahui tahap pencapaian pembelajaran para penuntut.

**YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Pendidikan mengunjungi salah sebuah bilik darjah di Sekolah Rendah Tungku (kiri).** - Foto : Gambar Ihsan Kementerian Pendidikan.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga ingin memastikan segala kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah berkenaan antara lainnya seperti infrastruktur bangunan sekolah, peralatan-peralatan di bilik-bilik darjah, makmal-makmal dan sebagainya sentiasa terpelihara dan mencukupi bagi menjaga keselesaan dan kesejahteraan penuntut-penuntut.

Semasa berada di Sekolah Menengah Rimba, Yang Berhormat juga berkesempatan untuk merasmikan Laman Web Sekolah Menengah Rimba.

Lawatan kerja itu disertai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

## Brunei, S'pura dan M'sia bincang pelbagai perkara

**Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar**  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

**BERAKAS, Sabtu, 8 April.** - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura dan Malaysia telah mengadakan perbincangan peringkat menteri mengenai isu-isu pengambilan pekerja asing serta dokumen perjalanan.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan sekembali Yang Berhormat dari mengadakan lawatan kerja selama seminggu ke Republik Singapura dan Malaysia.

Yang Berhormat memulakan lawatan kerja ke Republik Singapura pada 2 hingga 5 April dengan mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Singapura yang juga merupakan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura, Puan Wong Kan Seng.

Dalam kunjungan hormat tersebut perbincangan lebih berkisar kepada mengemaskinikan lagi hubungan dua hala di antara rakan-rakan sejawat di Republik Singapura bagi pertukaran maklumat dan pengalaman kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam beserta rombongan juga menerima taklimat mengenai 'Immigration and Checkpoints Authority' termasuk yang berkaitan dengan 'Biometric Passport' dan seterusnya melawat tempat memproses 'E Passport' berkenaan.

Yang Berhormat juga diberikan taklimat yang berkaitan dengan projek Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan 'e passport' Negara Brunei Darussalam.

Menurut Yang Berhormat, lawatan kerja bertujuan



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan.** - Foto : Masri Osman.

untuk melihat secara lebih dekat lagi fungsi, peranan dan tanggungjawab serta menimba pengalaman dan mempelajari tatacara pelaksanaan sistem pengurusan di Kementerian-kementerian yang berkenaan.

"Selain itu ia juga bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman serta mengeratkan lagi kerjasama dan hubungan silaturrahim yang sedia wujud di samping memperbaharui dan mengemaskinikan lagi hubungan dua hala di antara rakan-rakan sejawat di Republik Singapura dan Malaysia," jelas Yang Berhormat dalam temu bual yang diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini.

## Seminar Belia ASEM 9 Mei depan

**SUNGAI AKAR, Isnin, 17 April.** - Negara Brunei Darussalam dijangka akan menjadi tuan rumah kepada Seminar Belia ASEM yang akan bermula pada 9 hingga 12 Mei yang akan datang di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Seminar tersebut di anjurkan bersama oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Majlis Belia Brunei (MBB).

Lebih seratus orang belia dari berbagai persatuan dalam dan luar negara dijangka akan menyertai seminar tersebut.

Di samping itu beberapa buah kertas kerja dijangka akan dibentangkan di seminar itu, antaranya termasuklah Setiausaha Agung WAY (World Assembly Youth) - (Perhimpunan Belia Sedunia) Donald Chumbary, Mantan Yang Dipertua AYC (Asia Youth Council) - Majlis Belia Asia) Datu

Fuad Hassan dan Hakim Mahkamah Tinggi, Jabatan Kehakiman Negara Brunei Darussalam, Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Juga dijangka membentangkan kertas kerjanya ialah Pengarah Pembangunan Belia dan Kanak-kanak Thailand, Puan Sari-shak Theiery dan Awang Norizan Sanif - Setiausaha Agung CYC - Badan Kerjasama ASEM.

Manakala ucapan utama akan dibuat oleh Yang Dipertua Majlis Belia Asia,

**Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman**  
bakar.rahman@information.gov.bn

Yang Berhormat Dato Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Timbalan Yang Dipertua MBB, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Wahid di Sidang Akhbar yang diadakan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang di-pengerusikan bersama oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri dan Yang Dipertua MBB, Profesor Madya Dr. Haji Hashim.

ASEM (Mesyuarat Asia Eropah) merupakan proses berdialog dan bekerjasama secara tidak rasmi dalam mengeratkan hubungan antara 25 buah negara Kesatuan Eropah dengan 13 buah negara Asian.

Seminar ASEM membentangkan isu-isu politik, ekonomi dan juga kebudayaan dengan tujuan untuk mengukuhkan pertalian persaudaraan di antara kedua-dua wilayah dalam suasana saling hormat-menghormati dan perkongsian sama rata.



**YANG Dipertua MBB, Profesor Madya Dr. Haji Hashim berucap semasa Sidang Akhbar mengenai Seminar Belia ASEM (kanan).** - Foto : Ramli Tengah.

## UGAMA

## Sambutan Maulud Kementerian Pendidikan

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BERAKAS, Khamis, 13 April. - Sempena menyambut kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Pendidikan telah mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Kementerian Pendidikan di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut

ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Majlis tersebut telah dimuatkannya dengan ceramah yang bertemakan 'Menghayati Islam Dalam Mempertingkatkan Daya Saing Bangsa' yang telah disampaikan oleh penceramah unda-

ngan, Ustaz Haji Adnan bin Haji Besar, Timbalan Dekan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Universiti Brunei Darussalam.

Di samping itu, Dikir Marhaban juga telah disampaikan oleh Kumpulan Dikir Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang diketuai oleh Awang

Redzuan bin Mohd. Salleh.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohamad serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqib semasa berangkat menghadiri Majlis Sambutan Maulud Nabi Taman Asuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

## YSHHB adakan Sambutan Maulud

Oleh Abdullah Asgar [abdullah.asgar@information.gov.bn](mailto:abdullah.asgar@information.gov.bn)

BERAKAS, Khamis, 13 April. - Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus diadakan oleh pelbagai pihak tidak terkecuali taman-taman asuhan kanak-kanak di negara ini.

Antara yang mengadakan sambutan seumpamanya ialah Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Jalan Kebangsaan Lama di sini.

Antara yang berangkat hadir dan menyertai Majlis Berdikir termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Raqib, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam.

Bagi menyerikan majlis, persembahan bacaan Dikir Ashraql beramai-ramai juga diadakan dan kemudiannya diikuti doa dikir dan doa selamat, di samping berjalan beramai-ramai sambil membaca selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Kementerian Pendidikan. - Foto: Ramli Tengah.

## Pasukan Nurul Huda juara dikir

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman [bakar.rahman@information.gov.bn](mailto:bakar.rahman@information.gov.bn)

BERAKAS, Jumaat, 14 April. - Kumpulan Dikir Jururawat Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong yang menamakan pasukan mereka sebagai Nurul Huda muncul juara dalam Pertandingan Dikir Syarifil Anam anjuran Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan ini berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Sementara Kumpulan An Nur dari Pasukan Jururawat

Hospital Daerah Temburong menduduki tempat kedua setelah dipisahkan setengah markah dari juara dengan membawakan Dikir Badat.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan Nik'matun Najihah dari Pasukan Jururawat Kesihatan Masyarakat dengan membawakan Dikir Al Ham.

Pengerusi majlis, Awang Haji Mokim bin Haji Hassan ketika memberikan ucapan alu-aluan di majlis itu menjelaskan bahawa pertandingan

tersebut merupakan aktiviti tahunan bagi Badan Keagamaan Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan Kementerian Kesihatan sejak tahun 2000, kecuali pada tahun 2003 dan pertandingan kali ini adalah kali keenam.

Pertandingan ini, katanya, adalah semata-mata mengingati dan menyambut hari kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengenangkan kembali perjuangan Baginda.

Tambahnya, dengan adanya pertandingan seumpama ini secara tidak langsung dapat menggalakkan dan memperbaiki mutu bacaan, seni suara dan sebutan huruf serta lagu dikir yang akhirnya akan dapat melahirkan kumpulan dikir yang berbilang.

Hadir sama dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Affendy.

Selain mengamalkan Dikir Syarifil Anam sebagai khazanah warisan budaya, pertandingan ini juga diharapkan dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan jururawat di semua daerah.



JUARA ... Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Affendy menyampaikan hadiah kepada wakil juara Pertandingan Dikir Syarifil Anam, Pasukan Nurul Huda. - Foto: Ramli Tengah.

## Majlis Penutup Dikir Maulud

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 April. - Majlis Penutup Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Dikir Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang berlangsung di Studio 'A' RTB di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah RTB, Awang Haji Mohd. Yusoff bin Abdul Rahman.

Juga hadir pegawai-pegawai dan kakitangan RTB.

Acara dimulakan dengan ceramah khas dari pensyarah Sekolah Menengah Arab Lela Hassanali Bolkiah, Awang Haji Anuari bin Haji Rawi yang antara lain memberikan ceramah mengenai Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam ceramahnya, beliau sama-sama mengajak umat Islam di negara ini agar sen-

tiasa mengingati dan mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menunaikan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya, di samping sentiasa berselawat dan mengingati Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis tersebut juga diserikan dengan Dikir Ashraql oleh Pasukan RTB dan diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan kepada peserta.

## Sambutan Maulud menjadi kelaziman bagi memperingati kelahiran Rasulullah

BERAKAS, Ahad, 16 April. - Memang menjadi kelaziman umat Islam di Negara Brunei Darussalam yang sentiasa menyemarakkan dan memperingati hari kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan pelbagai acara keagamaan. Amalan ini memang sudah sebatian dan menjadi budaya dan adat resam kita di negara ini.

Di samping bertujuan untuk memperingati hari kelahiran Baginda, ianya juga bertujuan bagi menyatupadukan umat Islam di negara ini.

Selain dari memperingati kelahiran Junjungan Besar kita, sambutan itu juga bertujuan agar semua warga Kementerian Perhubungan dapat sama-sama melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dalam tugas harian mereka, di mana semua warga harus mempunyai keyakinan diri dan tekad untuk terus berusaha mempromotkan



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Foto: Pg. Ibbi bin Pg. Haji Hidup.

daya saing dalam menjalankan tugas harian mereka.

Awang Haji Abdul Kadir bin Tengah, Pemangku Ketua Pos Agung berkata demikian di Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di ba-

wahanya.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara yang diungayakkan oleh Kementerian Perhubungan dan pada tahun ini diketuai oleh Jabatan Perkhidmatan Pos yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, di sini.

Acara itu juga diselenggarakan Pertandingan Dikir Ya Man Hadar yang disampaikan oleh kumpulan-kumpulan dikir yang terdiri daripada lima buah pasukan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan iaitu Jabatan Penerbangan

Awam, Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Pelabuhan dan Jabatan Laut.

Jabatan Pelabuhan telah menjadi juara di pertandingan tersebut, sementara Jabatan Laut di tempat kedua dan Jabatan Perkhidmatan Pos di tempat ketiga.

Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang dan hakim-hakim pertandingan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Turut hadir di majlis tersebut Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusoff bin Haji Abdul Hamid dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Haji Md. Yusoff bin Haji Md. Hassan.



PEGAWAI dan kakitangan Radio Televisyen Brunei (RTB) yang menghadiri Majlis Penutup Dikir Maulud di Studio 'A' RTB. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.



# Bahasa asing dipelajari, Bahasa Melayu dimartabatkan

BERAKAS, Sabtu, 22 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain berkata, usaha mengembangkan Bahasa Melayu memerlukan bahasa-bahasa asing seperti Bahasa Inggeris, Arab, Cina, Jepun, Perancis dan Jerman bagi memenuhi keperluan dan kehidupan bangsa Melayu kerana bahasa-bahasa tersebut bukan sahaja ilmu, tetapi juga bahasa perdagangan, bahasa kewangan dan bahasa komunikasi antara-bangsa.

Yang Berhormat menambah, bangsa Melayu sebagai warga dunia yang ingin hidup bersama, dihormati, berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah memerlukan bahasa-bahasa asing.

Namun sebagai bangsa Melayu dan Bahasa Melayu, kita hendaklah terus memperkayakan budaya Melayu, memperkasakan Bahasa Melayu, memelihara tulisan-tulisan Jawi dan Rumi yang diwarisi itu, di samping memperkuatkan bangsa Melayu dengan ilmu dan ke-kayaan.

"Bangsa Melayu hendaklah terus memelihara identiti dan nilai-nilai yang dijunjung tinggi sesuai dengan adat resam dan ajaran-ajaran agama Islam," tegas Yang Berhormat semasa merasmikan Forum Perdana Bahasa Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-22, tahun 2006 bertajuk 'Megah dan Setia Bahasa' berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, wujudnya institut bahasa yang dikenali sebagai Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia (MABBIM) memberi sumbangan yang besar kepada usaha pembinaan dan perkembangan bahasa Melayu sehingga ia kini mencapai taraf sebagai



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

bahasa Melayu moden yang mampu mendukung konsep pendidikan moden di pelbagai bidang ilmu dan konsep pendidikan kerohanian.

Yang Berhormat menjelaskan, perkembangan ini mengembalikan ingatan kita kepada peranan Bahasa Melayu yang menggunakan tulisan Jawi di abad-abad yang lampau yang mempe-ngaruhi tamadun rumpun Melayu, yang mana ketika itu Bahasa Melayu dipakai sebagai bahasa per-suratan, bahasa ilmu, bahasa pentadbiran dan sebagai bahasa pendidikan agama bahkan dikatakan sebagai bahasa perhubungan antarabangsa.

Yang Berhormat berkata, Bahasa Melayu yang diajarkan di institusi-institusi pengajian tinggi di luar kawasan dunia Melayu kini mempunyai lebih kurang 250 juta penutut.

Forum dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bersama tiga orang tokoh bahasa dari anggota MABBIM iaitu Dato Paduka Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman, Dato' Dr. Haji Hassan Ahmad dan Dr. Dendry Sugono.

Sementara itu Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dalam 'seuntai madah' menjelaskan, kementeriannya

Oleh Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

menerusi Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan perhatian yang serius terhadap gejala yang boleh memudahkan warisan bangsa Melayu iaitu Bahasa Melayu yang menjadi lambang identiti bangsa Melayu.

Oleh kerana itu katanya, forum tersebut direncanakan untuk menamakan kembali rasa megah dan setia terhadap bahasa Melayu.

"Kita akan berasa megah jika Bahasa Melayu digunakan dalam semua arah kehidupan dan Bahasa Melayu akan terus mantap jika kita sentiasa menggunakannya dalam lingkungan kehidupan kita, baik yang bersifat rasmi mahupun yang tidak bersifat rasmi," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menekankan, kesedaran terhadap penggunaan Bahasa Melayu akan melahirkan semangat menggunakan Bahasa Melayu dan program untuk memperkasakannya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Ke arah itu, tegas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bahasa Melayu yang tinggi kedudukannya dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 terus dipantau perkembangannya dari semasa ke semasa.

"Cabaran daripada pembangunan negara yang pesat yang lebih memihak kepada penggunaan bahasa asing kini menimbulkan dampak terhadap perkembangan Bahasa Melayu," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menekankan, perkara itu ditambah lagi oleh kesan globalisasi dan sikap setengah penutur Bahasa Melayu yang mendewakan bahasa asing yang menganggap bahasa asing itu lebih berprestij dalam budaya bangsa Melayu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar ramai bersama Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Jordan, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Haji Mohammad Mahdi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mahmud. - Foto: Harun Haji Rashid.

## Menerima mengadap tiga Duta Besar Brunei

Oleh Refa'ah Ali Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap tiga Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke negara-

negara sahabat yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Jordan, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Duta Besar Negara Brunei

Darussalam ke Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Haji Mohammad Mahdi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Abdul Rahman dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Belgium, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mahmud.

Tuan-tuan Yang Terutama telah menjunjung

Surat Watikah Perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 April yang lalu.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.

## Membudayakan gaya hidup sihat

Dari muka 1

Timbalan Menteri Kesihatan seterusnya menegaskan bahawa dengan adanya titah baginda itu, di samping agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang ramai perlu mengambil tindakan yang segera bagi melaksanakan program-program kebersihan secara kolektif dan bersepadu.

"Orang ramai perlu menghentikan perbuatan membuang sampah sarap di merata tempat dan orang ramai perlu mengamalkan sikap bertanggungjawab dan berhemah dalam menggunakan tandas-tandas awam di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta," jelas Yang Dimulikan penuh meng-harapkan.

Mengenai dengan penyakit HIV/AIDS, Timbalan Menteri Kesihatan menegaskan bahawa bagi menangani penyakit berkenaan, usaha bukan sahaja dari pihak kerajaan, malahan juga kerjasama padu serta sum-bangan daripada semua pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan dan pihak swasta diperlukan dalam membanteras penularan jangkitan penyakit itu.

Dalam hubungan ini, jelas Yang Dimulikan, kita berbe-sar hati dengan langkah yang diambil oleh pihak Standard Chartered Bank dalam melak-sankan tanggungjawab korpo-



YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah, Timbalan Menteri Kesihatan.

rat kepada masyarakat dalam sama-sama menangani isu HIV/AIDS di negara ini.

Penyerahan ruang bangun-an bank berkenaan kepada Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Dimulikan lagi menunjukkan keprihatinan pihak swasta untuk mendukung badan-badan bukan kerajaan dalam membantu pihak kerajaan menan-gani isu-isu sosial seperti HIV/AIDS.

"Saya turut difahamkan bahawa program pendidikan dan kesedaran mengenai penyakit HIV/AIDS adalah juga salah satu program 'corporate responsibility' yang dijalankan oleh pihak Bank Standard Chartered.

"Saya penuh berharap pro-

gram ini akan diperluaskan dengan dilartikan kepada penya-kit-penyakit berjangkit dan kro-nik yang lain," jelas Yang Dimulikan lagi.

Timbalan Menteri Kesihatan juga penuh percaya bahawa dengan adanya ruang baru ini, Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam akan dapat menjalankan matlamat kemasyarakatan mereka dengan lebih berkesan dan efektif ter-utama sekali dalam membe-rikan kefahaman kepada orang ramai akan perlunya membe-rikan sokongan moral dan sosial kepada penghidap penyakit berkenaan dan kelu-arga mereka.

"Tidak dinafikan, kurang kefahaman dan komunikasi adalah antara punca masyarakat dan orang ramai kurang membe-rikan perhatian ke atas penghidap AIDS," jelas Yang Dimulikan.

Mengenai jumlah jangkitan HIV/AIDS di kalangan pen-duduk tempatan di negara ini, Yang Dimulikan menjelaskan, secara relatif adalah di tahap yang rendah. Daripada seju-malah 657 jumlah kes jangkitan dari tahun 1986-2005, 28 daripadanya adalah penduduk tempatan. Dan daripada jumlah kes kematian kerana HIV/AIDS, 17 kematian melibatkan penduduk tempatan.

Sementara peringkat umur mereka yang dijangkiti penya-kit berkenaan di negara ini di antara 20 - 49 tahun, manakala itu, Pertubuhan Kesihatan Se-

dunia (WHO) pula mengang-garkan seramai 40 juta pen-duduk dunia dijangkiti penyakit tersebut pada tahun 2005.

Bagi membendung penu-laran penyakit HIV/AIDS ini, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan, tegas Yang Dimulikan telah mengambil langkah-langkah pengawalan dan pen-cegahan secara berterusan.

Di antara langkah-langkah yang diambil ialah tapisan kes-hatan ke atas pekerja-pekerja asing sebelum mereka datang di negara ini dan setiap dua tahun sebelum pembaharuan pas-pekerja mereka.

Selain daripada itu, te-ga Yang Dimulikan, kementeriannya juga menjalankan pemantauan dan ujian melalui 'serosurveillance' ke atas darah yang didermakan oleh orang ramai, dan yang dimpori masuk ke negara ini bagi me-mastikan darah dan bahan tersebut bebas daripada jangk-i-an penyakit berkenaan serta selamat untuk digunakan.

Dalam waktu yang sama, bagi mengawal merebaknya penyakit merbahaya itu, Negara Brunei Darussalam juga mem-punyai Akta Penyakit-penyakit Berjangkit 2003 yang meng-hendaki setiap kejadian penyakit berjangkit yang mer-bahaya seperti HIV/AIDS dita-pkan kepada pihak berkuasa kesihatan.

اوتماكن كبرسيهن دالم كهيدوقن

UTAMAKAN KEBERSIHAN DALAM KEHIDUPAN

دتریتکن اوله جیائن فرآغن، جیائن فردان منتری دان دجیتق اوله جیائن فرچیتقن کراچان، جیائن فردان منتری، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**TALIAN PENTING**

Ambulans

**991**

Polis

**993**

Bomba & Penyelamat

**995**

Mencari & Menyelamat

**998**

**PERKHIDMATAN-  
PERKHIDMATAN  
PENTING**

Air

**140**

Talian Kebajikan

**141**

Elektrik

**144**

Maklumat Penerbangan

**2331747**

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

**2332600**

Unit Pengurusan Bencana Alam

**2381874**

**2381313**

**2382143**

**2382027**

Selesema Burung

**8984777**

**8985777**

## Taman Rekreasi Bukit Markucing tarikan pelancong



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bersama beberapa orang tetamu yang turut hadir di Majlis Perasmian Taman Rekreasi Bukit Markucing. - Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

SUBOK, Ahad, 9 April. - Keindahan Taman Rekreasi Bukit Markucing yang terletak di Kampong Belimbing, Mukim Kota Batu akan menjadi salah satu lagi daya tarikan untuk para pelancong dari dalam dan luar negara.

Para penggemar sukan mendaki bukit di negara ini khususnya akan menjadikan taman rekreasi itu sebagai tempat beriadah sama ada bersama keluarga atau persendirian terutama di hujung minggu.

Perasmian Taman Rekreasi Bukit Markucing yang mempunyai ketinggian 165 meter dari paras laut dengan jarak 3.5 kilo-

meter telah disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan, dan beberapa orang tetamu yang turut hadir di Majlis Perasmian Taman Rekreasi Bukit Markucing.

Sejurus selesai majlis perasmian, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyertai acara mendaki bukit bersama jemputan-jemputan khas serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong Belimbing.

Acara memanaskan badan senamrobik beramai-ramai turut diadakan se-

belum acara mendaki bukit dimulakan yang juga disertai oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Di taman rekreasi itu terdapat tiga buah pondok yang telah dibina pada bulan Disember 2005 dan siap pada bulan Mac tahun ini oleh para pegawai dan kakitangan Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei menerusi Projek Titian Amal.

Selain itu taman tersebut juga terdapat lapan buah bukit iaitu Bukit Nanas, Bukit Sepinang, Bukit Cerangin, Bukit Raban Ambok, Bukit Jati, Bukit Markucing, Bukit Sumbui-Sumbui dan Bukit Luba yang merupakan puncak Taman Rekreasi Bukit Markucing.

## ASEAN - SEAFDEC rangka projek 2006 - 2010

Oleh Samle Haji Jait  
samle.jait@information.gov.bn

GADONG, Isnin, 17 April. - Mesyuarat Ke-8 'ASEAN-SEAFDEC Fisheries Consultative Group' telah membincangkan beberapa isu utama dalam mengeratkan lagi kerjasama antara ASEAN dengan SEAFDEC di The Rizqun Hotel, di sini.

Dalam mesyuarat itu, persetujuan telah dicapai terhadap cadangan bagi panduan rujukan dan skop kerja rakan kongsi strategik ASEAN-SEAFDEC yang akan dihadapkan ke Mesyuarat Ke-38 Majlis SEAFDEC.

Beberapa buah projek di bawah program lima tahun, 2006 hingga 2010 yang merangkumi tiga sektor utama perikanan iaitu sektor tangkapan, akuakultur dan pemprosesan juga dipersetujui untuk dilaksanakan.

Mesyuarat berkenaan telah dipengerusikan bersama oleh Tuan Hia Win, perwakilan dari Negara Myanmar selaku Pengerusi Kumpulan Kerja Sektor Perikanan ASEAN bagi tahun 2006 dan Dr. Siri Ekmaharaj, Setiausaha Agung Pertubuhan SEAFDEC.

Para delegasi telah mengambil maklum mengenai projek 'Kerjasama SEAFDEC - Swedish International Development Cooperation Agency'



(SIDA) bagi bantuan pemuliharaan kepada negara-negara dilanda Tsunami di rantau ASEAN.

Isu-isu perdagangan antarabangsa mengenai hasil perikanan dan juga Kempen Anti Perikanan (International Fish Trade Related Issues and Anti-Fisheries Campaign), di samping isu-isu perdagangan yang dibentangkan seperti subsidi perikanan, kualiti dan keselamatan hasil perikanan dan 'traceability' juga dibincangkan.

Mesyuarat telah menyokong bagi ASEAN dan SEAFDEC bersatu supaya dapat didengar sebagai satu suara (common position) dalam mengemukakan pandangan isu-isu ini di forum serantau dan antarabangsa.

Laporan mesyuarat berkenaan dihadapkan untuk dibincangkan pada Mesyuarat Ke-38 Majlis SEAFDEC yang akan diadakan pada 18 hingga 21 April ini.

Seramai 50 orang delegasi yang terdiri daripada perwakilan dari negara-negara ahli Pertubuhan Pusat

Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Jepun, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam.

Juga hadir ialah perwakilan dari Sekretariat ASEAN, Setiausaha Agung Pertubuhan SEAFDEC dan ketua-ketua Jabatan SEAFDEC iaitu Jabatan Latihan, Jabatan Penyelidikan Perikanan Marin, Pembangunan Sumber Perikanan Marin dan Jabatan Pengurusan dan Akuakultur.

Perwakilan dari Pertubuhan Pejabat Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bagi Asia dan Pasifik (FAO/RAP) serta Lembaga Perikanan Sweden juga hadir selaku pemerhati.

Mesyuarat ASEAN-SEAFDEC Fisheries Consultative Group merupakan satu mekanisme bagi mengeratkan kerjasama antara ASEAN dengan SEAFDEC dalam bidang perikanan di rantau Asia Tenggara.

### PERMOHONAN MENUNAikan FARDU HAJI BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1427H /2006 - 2007M

JABATAN Urusan Haji sukacita bahawa borang-borang permohonan menunaikan fardu haji bagi musim haji tahun 1427 Hijrah/2006-2007 Masihi akan mula diedarkan pada hari Khamis, 28 Rabiul-awal 1427 Hijrah/27 April 2006.

**Daerah Brunei dan Muara** - Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, Jabatan Urusan Haji, Blok A (A - 20), Bangunan Perdagangan Baitul Mal, Majlis Ugama Islam, Jalan Kota Batu, BD1517.

**Daerah Belait, Tutong dan Temburong** - Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Manakala pendaftaran haji akan mula dibuka pada hari Rabu, 5 Rabiulakhir 1427 Hijrah/3 Mei 2006 Masihi di pusat-pusat pendaftaran seperti berikut:

1) Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, Jabatan Urusan Haji, Blok A

(A - 20), Bangunan Perdagangan Baitul Mal, Majlis Ugama Islam, Jalan Kota Batu, BD1517.

2) Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop; dan

3) Pejabat Hal Ehwal Ugama di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Semua pusat pendaftaran akan dibuka sebelah pagi sahaja mulai jam 8.30 pagi - 11.30 pagi.

Manakala pusat-pusat pendaftaran bagi hari-hari berikutnya hanya akan ditempatkan di Bahagian Pendaftaran, Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong bermula jam 8.00 pagi - 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang - 3.30 petang pada waktu pejabat dibuka.



ANTARA delegasi dari perwakilan negara-negara ahli Pertubuhan Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC) yang hadir di mesyuarat tersebut. - Foto Masri Osman.



# Ketahui risiko penggunaan rangkaian 'Wi-Fi'

Kelolaan Refa'ah Ali Osman

PENGGUNAAN komputer riba dan juga sambungan internet melalui 'Wi-Fi' pada masa kini semakin popular di sana sini sehinggalah menjadi satu kemestian bagi setiap mereka yang terlalu fanatik tentang penggunaan komputer. Kini bagi mereka yang terlibat dalam ahli perniagaan yang sering mengembara tidak boleh hidup tanpanya.

Hari ini, kesemua komputer riba terbaru mempunyai 'Wi-Fi' terbina sebagai aksesori standard membolehkan kita mengakses internet di kawasan 'hotspot' atau rangkaian kawasan setempat 'wireless' (WLAN) korporat.

Walaupun rangkaian 'wireless' menawarkan faedah yang banyak akan tetapi perlu juga kita ketahui tentang risiko-risiko keselamatan yang mungkin terdapat dalam penggunaan 'Wi-Fi'.

Pengguna perlu tahu bahawa masih terdapat risiko-risiko yang tersembunyi dan tidak diketahui, akan tetapi boleh memberikan cabaran yang serius dan menggugat kita. Antara risiko yang disebutkan tadi adalah seperti bertugas dalam 'mod ad hoc' dan 'dual homing' (sambungan serentak kepada dua rangkaian).

## PRASARANA

Kad Antara Muka Rangkaian 'Wireless' (NIC) beroperasi dalam dua 'mod' iaitu prasarana dan 'ad hoc'. 'Access Point Mod' prasarana akan beroperasi apabila kita berhubung kepada akses sama ada di pejabat, rumah dan tempat awam. Adapun 'mod ad hoc' itu membolehkan komputer riba bertindak sebagai 'point access' dan membolehkan orang lain berhubung kepada kita menerusi sambungan 'wireless peer-to-peer' (sambungan terus

antara dua peranti).

Maka perlu kita ketahui bahawa komputer 'wireless' dalam 'mod ad hoc' merupakan sasaran utama bagi penggadam (hackers) untuk menyambung dan mencuri maklumat kerana ianya mudah dilakukan dan tidak dapat dikesan.

Kebanyakan pengguna tanpa menyedari telah menentukan tetapan (setting) 'NIC wireless' kepada 'mod ad hoc' secara default kerana ia telah disetkan oleh pengeluar komputer. Apa yang menakutkan kita ialah apabila penggadam mensetkan komputer ribanya sebagai sambungan 'ad hoc' dengan nama yang sama seolah-olah rangkaian itu adalah sah. Situasi seperti ini akan menyebabkan pengguna tidak mengetahuinya dan terus menghubungkan kepadanya dengan anggapan bahawa ia adalah rangkaian 'Wi-Fi' yang sah.

Kebanyakan komputer riba hari ini mempunyai dua 'NIC' - Satu untuk sambungan berwayar (Ethernet, dial-up dan lain-lain lagi) dan satu untuk 'Wi-Fi'.

Pengguna perlu mengetahui jika sekiranya kad 'Wi-Fi' disetkan kepada 'mod ad hoc' dan pengguna 'log' masuk kepada rangkaian berwayar maka perbuatan tersebut akan memudahkan lagi penggadam membuat sambungan kepada komputer riba melalui 'mod ad hoc' dan kemudian mendapat akses kepada rangkaian berwayar menggunakan komputer riba sebagai saluran.


## LANGKAH-LANGKAH MENGELAK RISIKO

'Mod ad hoc wireless' hendaklah ditutup dan janganlah disambung kepada rangkaian 'ad hoc' lain kecuali atas sebab-sebab tertentu.

Kad 'wireless' hendaklah dimatikan sebelum di

sambung kepada rangkaian berwayar korporat, manakala 'NIC wireless' hendaklah tidak ada di dalam 'mod ad hoc' dan tidak disambung kepada sebarang rangkaian wireless.

Dapatkanlah polisi penggunaan 'wireless' korporat daripada Jabatan IT dan mematuhiinya.



SEBUAH peralatan mudah alih yang mempunyai perhubungan yang aktif kepada jaringan melalui 'Wi-Fi' (perhubungan tanpa wayar).

## Tips keselamatan rangkaian 'Wi-Fi'

Antara langkah melindungi rangkaian 'Wi-Fi' dari orang yang tidak kenali :

- \* Jangan siarkan 'Service Set Identifier' (SSID) kerana ini adalah langkah yang bijak dan mudah bagi mengelak sebarang penceroboh memasuki rangkaian 'Wi-Fi' anda.
- \* 'Encrypt' kata laluan rangkaian 'wireless' anda.
- \* Pastikan stesen utama hanya menerima alamat 'MAC' anda.
- \* Jangan menghantar fail yang sensitif jika anda tahu rangkaian 'Wi-Fi' tidak selamat digunakan.
- \* Hendaklah menggunakan 'Virtual Private Network' (VPN) untuk memastikan maklumat yang dihantar melalui 'Wi-Fi' adalah tepat.



Sebuah komputer yang dilengkapi dengan peralatan 'Wi-Fi' untuk membolehkan berhubung dengan komputer yang lain.

PENGGUNA perlu mengetahui jika sekiranya kad 'Wi-Fi' disetkan kepada 'mod ad hoc' dan pengguna 'log' masuk kepada rangkaian berwayar maka perbuatan tersebut akan memudahkan lagi penggadam membuat sambungan kepada komputer riba melalui 'mod ad hoc' dan kemudian mendapat akses kepada rangkaian berwayar menggunakan komputer riba sebagai saluran.

# Sastera dan Budaya

# سستردان بودايا

Tiga buku hasil penulis tempatan dikupas dalam Majlis Bicara Buku Sastera

## Kitab Sejarah Melayu dan Syair Rakis karya bermutu

Oleh Rusydina Haji Junaidi

BERAKAS, Rabu, 10 April. - Karya agung seperti Kitab Sejarah Melayu dan Syair Rakis adalah padat dengan pemikiran yang luhur dan tinggi yang bersumberkan daripada pengalaman pengembaraan, pemerhati kehidupan lingkungan, interaksi dengan pelbagai anggota masyarakat dan yang paling penting menerapkan daya analisis minda kepada pelbagai bahan kehidupan sehingga menghasilkan suatu karya yang bermutu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud berkata demikian di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Novel Remaja Sempena 45 Tahun Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Majlis tersebut berlangsung di Balai Samayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini.

Yang Berhormat menegaskan bahawa golongan karyawan harus peka dan amat perasa terhadap kejadian di lingkungan kehidupan yang dapat membantu menghasilkan sebuah karya cereka atau fiksiyen, tetapi tugas mengolah bahan cereka dari pelbagai sumber kehidupan itu tidak akan terlaksana dengan baik andainya minda berada pada tahap 'mediocrity', minda dangkal yang tidak dipertajam dengan pelbagai perolehan ilmu yang efisien.

Dari itu, jelas Yang Berhormat, kita harus melihat sastera remaja itu sebagai wasilah untuk menyampaikan mesej yang dapat mendorong remaja mengamalkan nilai-nilai murni yang luhur dan menjana minda mereka keluar daripada

kepompong yang sempit, jumud kepada minda yang lebih terbuka, kaya dengan ihsan dan toleransi, memiliki 'world-view' yang komprehensif dan luas serta dibantu dengan pendidikan yang terarah dan sempurna.

Di samping itu mereka juga diharapkan akan dapat mengenal jati diri bangsa dan menjadi anggota masyarakat yang berjaya, jelasnya.

Pemangku Pengarah DBP, Dr. Mataim bin Bakar ketika memberikan ucapan alu-aluan di majlis itu menjelaskan bahawa peraduan tersebut telah disertai oleh 35 orang



YANG Berhormat menegaskan bahawa golongan karyawan harus peka dan amat perasa terhadap kejadian di lingkungan kehidupan yang dapat membantu menghasilkan sebuah karya cereka atau fiksiyen. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud semasa melancarkan buku-buku novel remaja. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

penulis terdiri daripada tiga generasi penulis iaitu generasi veteran, generasi pertengahan dan generasi muda, di mana seramai 24 orang penulis adalah terdiri daripada generasi muda.

Sehubungan dengan itu, jelas menunjukkan bahawa peraduan ini telah membuahkan hasil dalam erti kata lain telah berupaya mencungkil bakat dan menggamit kemahuan menulis di kalangan penulis-penulis generasi baru, jelas beliau.

Dayang Hajah Liza-wati binti Hassan menda-pat penghormatan pertama dalam peraduan tersebut melalui bukunya yang bertajuk 'Bila Rindu Menyapa'. Beliau menerima wang tunai \$7,000.00 berserta sijil dan hadiah iringan.

Sementara itu penghormatan kedua diberikan kepada Awang Haji Abdul Aziz bin Tuah dengan bukunya bertajuk 'S. I. R!'. Beliau menerima wang tunai \$5,000.00 berserta sijil dan hadiah iringan. Manakala penghormatan

ketiga diberikan kepada Pengiran Haji Asmali bin Pengiran Badaruddin dengan buku beliau yang bertajuk 'Kehidupan 2.0.' menerima wang tunai \$4,500.00 sijil dan hadiah iringan.

Empat hadiah penghargaan yang masing-masing menerima wang tunai \$2,000.00 berserta sijil dan hadiah iringan telah diberikan kepada Dayang Hajah Norsiah binti Haji Abd. Gapar dengan bukunya 'Janji Kepada Inah'; Dayang Siti Norhashimah binti Haji Sulaiman dengan bukunya 'Berakhirnya Sebuah Duka', Awang Haji Romzi bin Haji Hidup dengan bukunya 'Bakut' dan juga Awang Haji Mohammad Firdaus@Passal bin Orang Kaya Kaya Haji Noordin dengan bukunya 'Anugerah.'

Keputusan tersebut telah diumumkan oleh Ketua Panel Hakim, Ampuan Dr. Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah dan kesemua hadiah-hadiah dan sijil tersebut telah disampaikan oleh tetamu kehormat.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku tetamu kehormat di Majlis Bicara Buku Sastera. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

BERAKAS, Isnin, 12 April. - Majlis Bicara Buku Sastera anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah diadakan di Dewan Samayuda DBP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Majlis Bicara Buku ini yang juga dinamakan sebagai 'bedah buku' bermakna buku itu akan dikupas dengan berlatar-belakangkan ilmu para pengulas atau pembicara secara adil tanpa disisipi oleh unsur-unsur bias atau berat sebelah.

Pemangku Pengarah DBP, Dr. Mataim bin Bakar selaku Pengerusi Bersama Majlis Bicara Buku Sastera berkata demikian semasa berucap di majlis tersebut.

Beliau juga berharap supaya para peserta akan dapat manfaat yang besar dalam erti kata ilmu semakin bertambah, azam



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim berharap supaya para peserta akan dapat manfaat yang besar dan yang paling penting adalah kepercayaan terhadap ilmu sebagai penjana kemajuan dan pembangunan insan. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

untuk berkarya semakin kuat dan ingin menambah ilmu semakin jelas, minat membaca semakin meningkat, keyakinan terhadap peranan sastera sebagai wadah pendidikan, pengajaran, hiburan dan daqwah semakin mantap serta yang paling penting adalah kepercayaan terhadap ilmu sebagai penjana kemajuan dan pembangunan insan di dunia dan di akhirat semakin bertambah utuh.

Majlis tersebut dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pertama di mana Profesor Madya Dr. Maha-

yudin bin Haji Yahaya membicarakan buku 'Syukri Zain ar Raid ar Syair al Islam al Hadith fi Negara Brunei Darussalam' (Syukri Zain Pelapor Syair Islam Moden Negara Brunei Darussalam) dan pembicaraan buku 'Antologi Puisi Hidayat III' dilakukan oleh Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid.

Sesi kedua, novel 'Sidang Burung' karya Muslim Burmat telah dibicarakan oleh Dr. Haji Mursidi bin Haji Muhammad.



SEBAHAGIAN para tetamu yang hadir di Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Novel Remaja Sempena 45 Tahun Bahasa Melayu Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

# Hindarkan diri dari berhutang kecuali sangat-sangat memerlukan

**M**ARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang ber-taqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam menyuruh umatnya supaya berusaha dan mencari rezeki yang halal lagi baik bagi memenuhi tuntutan keperluan kehidupan seharian. Dan Islam tidak melarang umatnya mengumpul harta atau kekayaan asalkan kekayaan itu tidak menghalangnya dari menunaikan tanggungjawab kepada Allah Subhanahu Wata'ala, keluarga, masyarakat dan negara. Apa yang penting, di samping nikmat kekayaan itu perlu kepada kekuatan iman dan ketaqwaan, kerana faktor inilah yang boleh mengawal kepribadian dan akhlak seseorang dan mendorong membelanjakan harta yang dikumpul itu menurut syarak.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 254, tafsirnya:

"Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah sebahagian daripada apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya Hari Kiamat yang tidak ada jual beli padanya dan tidak ada kawan yang memberi manfaat serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan

orang-orang kafir-kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim."

Maksud membelanjakan harta menurut hukum syarak ialah membelanjakan untuk jalan kebaikan dan kebajikan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak berbelanja dengan boros. Berbelanja dengan boros tanpa melihat kepada keperluan akan menyebabkan pembaziran dan kemungkinan akan menyebabkan kehabisan harta. Membazir itu sifat yang dikeji oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan menyifatkannya sebagai saudara syaitan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Israa' ayat 27 tafsirnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

Oleh itu dapatlah difahami bahawa berbelanja itu hendaklah dengan cermat dan sederhana, tidak berlebihan sehingga di luar kemampuan yang akhirnya mendatangkan masalah kepada diri sendiri sehingga terpaksa berhutang semata-mata hanya untuk melayan kemahuan dan kehendak hati.

Sememangnya tempat berhutang boleh didapati seperti melalui bank-bank, institusi-institusi kewangan dan lain-lain. Keadaan ini menyebabkan ada di antara kita yang berhutang jika keadaan mendesak seperti tiada wang dan untuk mendapatkan sesuatu yang

diperlukan.

Tetapi ada pula orang yang berhutang itu menjadikannya sebagai kebiasaan dan kesukaan, bahkan berhutang tanpa memikirkan keperluan sebenar, tanpa memikirkan untung rugi dan kesan yang akan dihadapinya, sehingga akhirnya keluar di akhbar-akhbar atau berita-berita mengenai orang-orang yang diisytiharkan muflis atau diambil tindakan oleh pihak mahkamah dan undang-undang atas sebab tidak dapat melangsaikan hutang-hutang mereka.

Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang, kerana hutang itu suatu beban yang menjadi amanah untuk diselesaikan dan dilunaskan. Boleh dikatakan jika seseorang yang berhutang itu meninggalkan dunia, maka ia akan dipertanggungjawabkan ke atas hutang yang belum dibayarnya itu. Dan jika ia mempunyai harta pusaka, maka hendaklah dibayar hutangnya terlebih dahulu sebelum dibahagi-bahagikan kepada waris-warisnya. Begitulah beratnya tanggungjawab orang yang berhutang.

Kerana itulah Islam menasihatkan umatnya agar menghindarkan diri daripada berhutang kecuali kerana sangat-sangat memerlukan. Jikapun terpaksa berhutang, hendaklah dengan niat dan azam untuk membayar hutang berkenaan. Bukan sewenang-wenangnya berhutang, tetapi hendaklah membayarnya bertangguh-

tangguh, dan ada kalanya langsung tidak membayar jika berhutang kepada seseorang sehingga menjadi perkelahian dan permusuhan kerana kegagalan membayarnya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menjelaskan dalam sebuah hadis maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu, dari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Baginda bersabda: 'Barang siapa mengambil harta orang lain (berhutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan luluskan niatnya itu. Tetapi sesiapa mengambilnya dengan

**INGATLAH bahawa hutang tetap hutang yang mesti dibayar, tidak dapat ditangguh-tangguhkan, apatah lagi bagi orang yang mampu. Menurut Ibnu Hajar, sengaja melengah-lengahkan pembayaran hutang dalam keadaan berkemampuan itu adalah melakukan dosa besar. Perlu diingat juga orang yang meninggal menanggung hutang dan ahli warisnya tidak mahu menyelesaikannya**

niat akan membinasakan-nya (dengan tidak membayarnya) maka Allah akan membinasakan dia." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga ada bersabda dari hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari yang mengatakan bahawa orang yang sengaja melambatkan atau melengah-lengahkan pembayaran hutang dalam keadaan dia boleh melunaskan hutangnya dengan segera adalah melakukan ke-

zaliman.

Sebenarnya berhutang boleh dihindarkan jika bijak mengatur perbelanjaan. Sebagai contoh jangan amalkan sikap suka menanggung-nangguhkan bayaran, walaupun sedikit, kerana ia akan menjadi baik jika berkumpul. Inilah realiti yang berlaku ke atas bil-bil air dan elektrik sehingga menyebabkan tunggakan mencecah ratusan juta ringgit, perkhidmatan elektrik sebanyak \$120 juta, perkhidmatan air sebanyak \$42 juta,

begitulah pula yang berlaku ke atas skim perumahan di mana tunggakannya sebanyak \$11.3 juta.

Maka bayangkan jika keseluruhan tunggakan itu dimanfaatkan kepada keperluan negara, sudah tentu rakyat jelata juga akan mendapat manfaat dan faedahnya.


Ingatlah bahawa hutang tetap hutang yang mesti dibayar, tidak dapat ditangguh-tangguhkan, apatah lagi bagi orang yang mampu. Menurut Ibnu Hajar, sengaja melengah-lengahkan pembayaran hutang dalam keadaan berkemampuan itu adalah melakukan dosa besar. Perlu diingat juga orang yang meninggal menanggung hutang dan ahli warisnya tidak mahu menyelesaikannya, maka menurut sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

"Ya Allah sesungguhnya aku berlindung diri kepada-Mu dari tenggelam beban hutang dan tekanan (kezaliman) orang."

Dari Surah Al Israa' ayat 26 - 27 tafsirnya:

"Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu katanya: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: 'Roh seseorang mukmin itu tergantung-gantung (dihaling dari tempat yang mulia) dengan sebab hutangnya sehingga hutangnya itu dilunaskan.' (Riwayat Al-Imam At-Tarmidzi).



## وقت سمبهيڭ، امساک، شوروک دار حضر

وقت ۲ سمبهيڭ، امساک، شوروک دار حضر باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 27 ربيع الاول، 1427 برسامان دڭن 26 افريل، 2006 هيڭ کھاري ثلاث، 4 ربيع الاخير، 1427 برسامان دڭن 2 مي، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

| هجره        | ظهر   | عصر  | مغرب | عشاء | امساک | صبح  | شوروک | ضحی  | مسيحي |
|-------------|-------|------|------|------|-------|------|-------|------|-------|
| ربيع الاول  |       |      |      |      |       |      |       |      | اثريل |
| 26          | 12.20 | 3.34 | 6.27 | 7.38 | 4.41  | 4.51 | 6.10  | 6.33 | 26    |
| 27          | 12.19 | 3.34 | 6.27 | 7.38 | 4.41  | 4.51 | 6.09  | 6.33 | 27    |
| 28          | 12.19 | 3.35 | 6.27 | 7.38 | 4.40  | 4.50 | 6.09  | 6.33 | 28    |
| ربيع الاخير |       |      |      |      |       |      |       |      | مي    |
| 1           | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 | 4.40  | 4.50 | 6.09  | 6.33 | 29    |
| 2           | 12.19 | 3.35 | 6.26 | 7.38 | 4.40  | 4.50 | 6.09  | 6.32 | 30    |
| 3           | 12.19 | 3.36 | 6.26 | 7.38 | 4.39  | 4.49 | 6.08  | 6.32 | 1     |
| 4           | 12.19 | 3.36 | 6.26 | 7.38 | 4.39  | 4.49 | 6.08  | 6.32 | 2     |

وقت ۲ سمبهيڭ باکي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڭ فرض جمعة دسلوروه نځارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڦهاري.

# QADA': ADAKAH SATU PILIHAN UNTUK MENINGGALKAN SEMBAHYANG ?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

## AKIBAT ORANG YANG MENINGGALKAN SEMBAHYANG

**P**ERBUATAN sengaja meninggalkan sembahyang itu menurut sesetengah ulama boleh menjadikan seseorang itu dihukumkan kafir, berdasarkan zahir sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan daripada Buraidah Radiallahuanhu yang maksudnya:

"*Sesungguhnya perjanjian antara kami dan mereka (orang kafir) ialah sembahyang, maka barang siapa yang meninggalkan sembahyang maka sesungguhnya dia kafir.*" (Hadis riwayat An-Nasa'ie dan At-Tarmidzi).

Qatadah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "*Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang tafsirnya: "Aku telah memfardukan ke atas umatmu (wahai Muhammad) sembahyang lima waktu, seraya Aku berjanji pada diri-Ku suatu perjanjian, bahawasanya barang siapa yang memeliharanya tepat pada waktunya, akan Aku masukkan ke dalam Syurga. Dan barang siapa yang tiada memeliharanya, maka tiadalah perjanjian apa-apa dari Aku baginya.*" (Hadis riwayat Abu Daud).

Namun akibat yang sudah pasti meninggalkan sembahyang itu adalah suatu dosa besar. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya:

"*(Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang mendustakan agama), maka kecelaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang (iaitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya.*" (Surah Al Ma'un: 4 - 5).

Dalam ayat lain, Allah Subhanahu Wata'ala menjen-



### IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti  
E-mail : mufti@brunet.bn  
Fatwa@brunet.bn

### Bilangan 223 Bahagian Akhir

laskan tentang balasan Neraka bagi orang-orang yang sengaja tidak mengerjakan sembahyang sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya:

"*(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka (Saqr)?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang."* (Surah Al Muddatstsir: 42 - 43).

Daripada sahabat, Ibnu Abbas Radiallahuanhuma, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"*Sesiapa yang meninggalkan sembahyang, dia akan menemui Allah dalam keadaan dia dimurkai (oleh Allah).*" (Hadis riwayat Thabarani).

Masih banyak lagi nas-nas Al-Qur'an dan Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang berupa perintah untuk mendirikan sembahyang dan peringatan-peringatan terhadap mereka yang melalaikannya sehingga berlalu waktu sembahyang.

## SEMAHYANG DI AWAL WAKTU

Sebagai langkah menghindar diri dari terlepas menunaikan kewajipan sembahyang, maka tunaikanlah sembahyang itu di awal waktunya. Menunaikan sembahyang di awal waktunya itu adalah kerja yang afdal (lebih utama).

Ummu Farwah Radiallahuanha ada meriwayatkan yang maksudnya:

"*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanyakan: "Apakah perbuatan-perbuatan yang lebih utama?" Baginda bersabda: "Sembahyang pada awal waktunya."* (Hadis riwayat Abu Daud).

Berdasarkan hadis di atas, sembahyang pada awal waktunya adalah satu anjuran daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan tujuan untuk memperolehi fadilatnya, di samping mengelak dari kelalaian sehingga berlalunya waktu sembahyang. Walau bagaimanapun jika seseorang itu mengakhiri sembahyang kerana sesuatu sebab, maka hendaklah dia sentiasa berniat dan berazam akan menunaikannya dalam waktunya.

Dalam hal ini, As-Sayyid Muhammad Abdullah Al-Jurdani Rahimahullah menjelaskan bahawa sebaik saja masuk waktu sembahyang fardu hendaklah dilakukan salah satu daripada dua perkara, sama ada dengan melakukannya terus (sembahyang) atau berazam melakukannya dalam waktunya. Maka jika dia tidak terus melakukannya dan juga tidak berazam untuk melakukannya (dalam waktunya), maka dia berdosa.

Ditegaskan sekali lagi, bahawa men-

jaga sembahyang fardu lima waktu adalah perkara yang sangat dituntut oleh agama, sementara mencuaikannya akan membawa kepada balasan dan azab yang amat besar dari Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi mereka yang mencuaikan atau melalai-lalaikan sembahyang hingga luput waktunya adalah wajib mengqada' setiap sembahyang yang ditinggalkannya. Tidak cukup dengan itu sahaja, malahan dia wajib bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana perbuatannya meninggalkan sembahyang fardu dengan sengaja itu.

Para ulama berkata: Taubat itu wajib dari segala dosa. Jika dosa dan maksiat itu berlaku di antara hamba dengan Allah dan tiada berhubung dengan hak manusia, maka baginya tiga syarat:

1. Hendaklah dia keluar (berhenti) dari dosa itu.
2. Hendaklah dia menyesal di atas perbuatannya.
3. Berazam tidak akan kembali mengerjakan dosa itu selama-lamanya. Jika tiada ada satu dari tiga syarat itu, maka tiadalah sah taubatnya itu.

Mengqada' sembahyang bukanlah satu pilihan untuk seseorang itu meninggalkannya dengan sengaja atau dengan apa jua alasan sekalipun atau berniat akan melakukannya kemudian pada waktu yang terdekat, umpamanya Sembahyang Maghrib akan dilakukannya pada waktu Isyak atau waktu Zuhur akan dilakukan pula pada waktu Asar. Maka dalam keadaan seumpama ini tetaplah dia berdosa dan yang paling menakutkan, ada ulama yang mengkafirkannya kerana adanya hadis yang menunjukkan sedemikian.

WALLAHU'ALAM

# Keutamaan dan kelebihan Al-Qur'an

**A**L-QUR'AN dan hadis adalah pegangan aqidah dan pedoman hidup bagi setiap orang-orang mukmin. Dengan mempelajari, memahami, membaca, menghayati dan mengamalkan serta mengikut segala petunjuk dari Al-Qur'an dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam nescaya hidup sentiasa akan mendapat rahmat dan selamat dari dunia hingga ke akhirat. Perkara ini nyata, kerana manusia yang baik itu adalah mereka yang mempelajari dan mengajarkan Al-Qur'an sebagaimana tersebut dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Abu Daud, At-Tarmidzi, Ibnu Majah dan Al-Darimi yang bermaksud: Dari 'Usman bin 'Affan Radiallahuanhu, ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"*Orang yang paling baik di antara kalian adalah yang mempelajari Al-Qur'an dan mengajarkannya.*"

Sesungguhnya Al-Qur'an diturunkan kepada manusia adalah sebagai pedoman unggul, oleh itu mestilah difahami maksudnya dengan betul supaya kita mendapat sepenuh keinsafan. Dengan cara membaca dan memahami tafsirannya adalah lebih afdal (baik). Sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur'an Surah Shad ayat 29 yang tafsirnya:

"*(Al-Qur'an ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.*"

Faedah Al-Qur'an yang banyak ini, bukan saja amat berguna untuk kehidupan di dunia malah bermanfaat dan memberi syafaat kepada para pembacanya di Hari Kiamat nanti. Ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud: Dari Abu Umamah Al-Bahili Radiallahuanhu ia berkata: Saya mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"*Bacalah Al-Qur'an. Kerana ia pada Hari Kiamat nanti akan datang untuk memberikan syafaat kepada para pembacanya.*"

Lebih lanjut lagi dijelaskan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, Muslim, At-Tarmidzi, Abu Daud, An-Nasa'ie, Ibnu Majah, Al-Darimi dan Ahmad yang bermaksud: Dari Abu Musa Al-Asy'ari Radiallahuanhu, ia berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"*Orang mukmin yang membaca Al-Qur'an dan mengamalkan isinya, ibarat buah jeruk manis, rasanya enak dan baunya harum. Sedangkan orang mukmin yang tidak membaca Al-Qur'an tetapi mengamalkan isinya, ibarat buah kurma, rasanya enak dan manis tetapi tidak ada baunya. Adapun perumpamaan orang munafik yang membaca Al-Qur'an, maka ibarat minyak wangi, baunya harum tetapi rasanya pahit. Sedangkan orang munafik yang tidak membaca Al-Qur'an, ibarat buah kamarogan, rasanya pahit dan baunya busuk.*"

Sesungguhnya amatlah beruntung benar bagi mereka yang berusaha belajar, mengajar, membaca, memelihara, memahami isi kandungan Al-Qur'an dengan baik lagi sempurna dan selalu mendampingi serta menjadikan Al-Qur'an dan hadis sebagai panduan hidup sepanjang hayatnya, kerana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan keuntungan yang paling besar dalam maksud hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban yang bermaksud: Dari Jabir Radiallahuanhu

منوجو كرىضان الله  
Menuju Keredaan Allah  
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

beliau berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"*Al-Qur'an itu adalah pemberi syafaat yang terkabul syafaatnya dan petunjuk yang membimbingnya, barang siapa yang menjadikan Al-Qur'an berada di depannya (panduan hidup), maka ia akan membimbingnya ke dalam Syurga. Dan barang siapa yang membelakangkan Al-Qur'an maka ia akan menghantarkannya ke dalam Neraka.*"

Sesungguhnya sebagai umat Islam yang sentiasa taqwa dan beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, samalah kita berdoa agar kita tergolong ke dalam golongan orang-orang yang tetap beriman yang sentiasa menaati segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang telah disampaikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dan tetap berpegang teguh, mengamalkan dan mengikut segala ajaran-ajaran Al-Qur'an dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

# MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

## TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Meningkatkan Mutu Kraf Tangan Ke Tahap Komersial'. Tarikh tutup 3 Mei 2006.
2. 'Menjana Ekonomi Menerusi Industri Pertanian Modern'. Tarikh tutup 10 Mei 2006.
3. 'Memucang-Mucang Menjamin Keharmonian, Kesejahteraan Masyarakat'. Tarikh tutup 17 Mei 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,  
Minda Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam,  
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.e-mel:  
pelita@brunei.bn

# Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pembawa berkat

**N**ABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah Nabi dan Rasul yang terakhir yang diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai ikutan kepada umatnya. Kita disuruh mengikut sunnah dan menjadikan Baginda sebagai idola serta meneladani segala tingkah laku dan sifat-sifat Baginda yang terpuji lagi mulia.

Kehadiran baginda telah mengubah cara hidup manusia yang songsang dan tidak berperikemanusiaan kepada yang lebih

sempurna. Salah satu di antaranya pada zaman Jahiliyah, anak-anak perempuan ditanam hidup-hidup sehinggalah Rasulullah diutus dan Baginda telah menaikkan taraf kaum wanita sehingga dapat sama-sama bersaing dengan kaum lelaki dalam apa juga hal, termasuk dalam peperangan. Wanita dibenarkan untuk turut sama dalam peperangan untuk menyediakan barang keperluan semasa peperangan seperti makanan, pakaian dan segala kelengkapan untuk berperang.

Kini, wanita bukan hanya terceruk di dapur tetapi sudah berjaya dan dapat menjawat jawatan tinggi di sektor kerajaan mahupun bukan kerajaan. Inilah antara jasa-jasa Baginda yang patut kita renungkan bersama terutama bagi kaum Hawa.

Selain itu Baginda Rasulullah jugalah yang telah menyampaikan hukum-hukum Islam dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagai panduan kita semuanya. Kita diajarkan tentang agama Islam melalui pelbagai cabang ilmu seperti Syariah, Muamalah, Al-Qur'an, Hadis, politik, falsafah dan sebagainya untuk menjadi landasan hidup kita dan amalan sehari-hari.

Berkat usaha Baginda juga kita hidup di dunia ini penuh dengan cahaya

dan sinar yang bergemilap. Sebelum itu, kehidupan manusia adalah sentiasa dalam kegelapan dan penuh kemaksiatan.

Bukan itu saja, kehidupan kita akan terumbang-ambing tanpa hala tuju yang lurus. Halal haram tidak diketahui, pergaulan bebas antara mahram, arak, judi berleluasa dan sebagainya seperti zaman sebelum adanya agama Islam. Tanpa pendidikan juga, kemajuan tidak akan dapat dicapai, oleh kerana itulah kita diwajibkan menuntut ilmu dari buaian hinggalah ke liang lahad. Betapa Baginda amat dihargai dan Bagindalah yang membawa keberkatan untuk kita umat sekalian alam.

Sebagai kesimpulan, marilah kita renung dan bayangkan bagaimana ke-

hidupan kita tanpa Baginda Rasulullah. Kita akan hidup tanpa hala tuju dan tanpa pendidikan. Oleh itu, jadikanlah Baginda sebagaimana yang sering kita dengar "Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik" dan sudah menjadi kewajiban untuk kita supaya ilmu yang berguna dari Rasulullah itu merupakan sunnah Baginda jua dan ajarkannya kepada orang lain seperti mana sabda Baginda, "Sampaikanlah oleh kamu daripadaku walau satu ayat."

Azliana binti Amit,  
No. 266, Jalan 77,  
Perpindahan Lambak  
Kanan, BC2515.  
No. k/p: 00-293996

## Contohi peribadi Rasulullah yang terpuji

**K**ELAHIRAN Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan cahaya yang menerangi setiap insan yang berpegang teguh terhadap ajaran agama Islam. Dengan kelahiran Baginda juga, agama Islam telah menyatukan kaum Muslimin di mana juga mereka berada di bumi Allah ini.

Tarikh 12 Rabiulawal merupakan tarikh yang tidak akan pernah kita lupakan sampai bila-bila. Setiap tahun yang kita lalui, pastinya akan mengingatkan Hari Keputeraan seorang utusan Allah yang kita cintai.

Pemilihan Baginda selaku pemimpin dan utusan Allah di akhir zaman telah

membuktikan bahawa Baginda adalah seorang Rasul yang membawa berkat. Tidak syak lagi dengan agama yang Baginda bawaikan juga telah menjadikan agama Islam, satu agama yang agung, mulia dan sangat terpuji.

Sebagai seorang Islam, kita seharusnya sentiasa berpegang teguh kepada sunnah Baginda. Melalui ini juga nescaya kita akan sentiasa dalam perlindungan Allah. Mengimbas kembali detik permulaan Baginda menyebarkan agama Islam ianya merupakan sesuatu perkara yang amat sukar Baginda lakukan. Namun kerana Baginda merupakan pilihan Allah, segala apa jua yang Baginda lakukan pasti mendapat keredaan

dan pertolongan dari Allah.

Keimanan Baginda pada Allah yang telah menciptakan Baginda tidak dapat diukur. Keperibadian Baginda yang jujur, berbudi bahasa serta sempurna segala-galanya menjadikan Baginda lebih dihormati dan disayangi. Seharusnya kita patut mencontohi peribadi Baginda yang sangat terpuji itu.

Kita selaku umat Islam patut bersyukur kerana dikurniakan seorang Nabi yang telah banyak berjuang untuk menegakkan agama Islam. Memang Baginda patut kita sanjungi dan kasihi, kerana Baginda bukan saja pembawa rahmat malahan apa saja yang ada pada Baginda banyak memiliki keperibadian yang

terpuji bukan sahaja terhadap ahli keluarga Baginda malahan sesiapa saja hatta pada orang bukan Islam sekalipun Baginda akan sentiasa bersikap ihsan dan berhikmah.

Marilah kita sentiasa mengingati Hari Keputeraan baginda ini. Hendaklah kita sentiasa taat pada Baginda dengan mengikut apa jua ajaran Baginda. Baginda merupakan Junjungan Besar yang agung yang tidak akan pernah kita lupakan sampai bila-bila.

Rahimah binti Haji  
Tengah,  
No. 2, Berek Maktab  
Teknik Sultan Saiful  
Rijal, Jalan Muara.  
No. k/p: 00-115823.

## Sentiasa membiasakan diri dengan berselawat

**K**EMERIAHAN Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam begitu meriah di negara kita, Negara Brunei Darussalam mulai 1 Rabiul Awal pada setiap malam hingga ke malam 12 Rabiulawal.

Corong-corong pembesar suara di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara terdengar dikir yang bersemangat dari jemaah-jemaahnya.

Para dermawan pun tidak mahu ketinggalan dengan bersedekah makanan dan minuman kepada jemaah-jemaah di masjid-masjid dan surau-surau tersebut. Ini kerana mereka

mengetahui ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala yang akan mereka terima iaitu tidak akan kekurangan selama hidupnya bagi orang-orang yang bersedekah di bulan Maulud dan juga di jalan kebajikan.

Kemuncak dari kemeriahan Sambutan Maulud ini ialah perarakan berjalan kaki mengelilingi Bandar Seri Begawan bersama-sama pemimpin negara kita dengan perasaan sukacita dan tidak berasa lelah sambil berdir dan berselawat, di samping membawa senanduk memuji-muji Baginda Rasulullah yang tercinta.

Baginda Rasulullah adalah contoh teladan ke-

pada umatnya, sebagai pemimpin Baginda adalah contoh pemimpin yang adil dan sebagai ayah serta juga suami. Baginda adalah seorang ayah yang mencintai dan menyayangi isteri dan anak-anak Baginda, manakala sebagai seorang sahabat, Baginda menghormati dan kasih kepada sahabat-sahabat Baginda. Baginda juga tidak pernah menaruh dendam atau membalas perbuatan orang-orang yang menyakiti Baginda.

Alangkah baiknya kita sebagai umat Baginda sentiasa mengingati Baginda tidak hanya di bulan kelahiran Baginda sahaja, tetapi di setiap saat dengan membiasakan hati dan lidah

kita untuk berselawat, kerana alangkah untungnya orang yang berselawat, kerana ganjaran yang akan mereka terima adalah syafaat dari Rasulullah dan juga pahala mereka dilipatgandakan oleh Allah sebanyak 10 kali ganda.

Apakah kita tidak tertarik dengan bonus ganjaran-ganjaran tersebut? Sebagai bekalan dan simpanan kita di akhirat kelak.

Hajah Nurulia binti Haji  
Ma'mur,  
No. 148 'A', Kampong  
Delima 1, Pengiran Siraja  
Muda, Jalan Muara,  
BB 4713.  
No. k/p: 30-201489

## Berkorban untuk menegakkan agama Islam

**J**UNJUNGAN Besar kita Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa dalam ingatan kita setiap orang Muslim di muka bumi ini. Setiap tahun kita tidak lekang daripada mengerjakan amal ibadat dan pelbagai upacara seperti berdirik tatkala menjelang ulang tahun kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sejak kecil lagi, kita telah disajikan dengan cerita-cerita mengenai Baginda Rasulullah sama ada dari segi amalannya, peribadi dirinya dan tingkah lakunya. Kita disuruh untuk mengikut sifat-sifat Rasulullah yang mulia agar kita selamat hidup bahagia di dunia dan juga di akhirat.

Kelahiran Baginda Rasulullah merupakan pembawa rahmat yang amat besar kepada alam semesta. Kebesaran dan kemuliaan baginda Rasulullah adalah contoh yang terbaik untuk kita teladani kerana Baginda merupakan insan terpilih dan yang teramat istimewa di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Baginda telah menyampaikan pesanan dan pengajarannya kepada sekalian makhluk di muka bumi ini. Setiap perkara yang dilakukan oleh Rasulullah (sunnah) mestilah

kita ikuti dan setiap wahyu yang diturunkan oleh Allah melalui Rasulullah iaitu Al-Qur'an menjadi pegangan agama (Islam) kita.

Sejak kecil lagi, Baginda terkenal dengan sifat yang amanah dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Ini terbukti dalam sejarah apabila Baginda mengusahakan harta saudagar Siti Khadijah sehingga Baginda digelar 'Al-Amin' yang bererti seorang yang dipercayai. Kemurahan hati dan budi pekerti Baginda yang mulia menjadikan Baginda amat disanjung dan disayangi bukan sahaja oleh orang beragama Islam bahkan juga oleh orang Nasrani ketika itu.

Selain itu, Baginda juga memiliki sifat keberanian dan kegagahan yang luar biasa dalam peperangan bagi menegakkan dan menyampaikan

kepada setiap umat manusia mengenai agama Allah yang Baginda bawa.

Sesungguhnya Rasulullah adalah seorang insan yang 'maksum' dan mempunyai segala ciri-ciri dan sifat-sifat yang mulia. Kita mestilah amat bersyukur ke hadirat Ilahi di atas setiap pengorbanan yang telah dilakukan oleh Rasulullah semata-mata menegakkan agama Islam dan membawa manusia ke jalan yang benar.

Oleh yang demikian, kita mestilah mengambil panduan dan mencontohi sifat-sifat Rasulullah agar memperoleh kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Muhammad Azmi bin  
Haji Zaini,  
No. 1, Simpang 620,  
Kampong Salar, Jalan  
Muara, BU 1429.

**MINDA** pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Pembawa Berkat'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

# REMAJA

## JANGAN MUDAH TERPEDAYA

**H**ARI ini ramai ibu bapa terpaksa melengkapkan diri bagaimana cara terbaik menjadi ibu bapa yang boleh memimpin anak-anak mereka. 'Kemahiran ibu bapa' kini semakin penting sebagai asas dalam proses pengasuhan dan pembinaan anak-anak zaman siber ini. Ramai yang merasa tertekan dengan karenah dan juga perangai anak-anak zaman sekarang. Ibu bapa ada kalanya merasa cemas dengan kerenah yang mengundang kekuatan diri dan cara menangani yang lebih kemas dan praktikal. Sementara generasi remaja yang hidup di dalam zaman ini, sudah jauh berubah rentak berbanding dengan suasana di zaman lima belas ke dua puluh tahun yang lampau. Perubahan cara dan gaya hidup mereka inilah ada kalanya menjadikan ibu bapa menarik nafas panjang dan merenung jauh ke hadapan akan kehidupan yang akan mereka lalui.

Sambil melihat kepada keadaan dan pergolakan persekitaran ternyata, kalangan remaja akan mudah terpedaya jika mereka tidak mempunyai persiapan diri yang teguh. Pengaruh dan cabaran yang terhidang di hadapan mereka mempunyai daya tarikan dan nilai-nilai tertentu. Nilai dan bentuk cabaran inilah yang mewujudkan suasana perubahan menda-

da dan yang mengheret kejatuhan atau kebangkitan mereka. Remaja merupakan kelompok masyarakat yang mudah terpedaya dengan perubahan dan pencorakan sekeliling mereka. Naluri semula jadi mereka yang ingin tahu dan mencuba menambahkan lagi kekuatan mempengaruhi kelompok ini. Justeru kalangan ibu bapa tidak akan pernah putus asa untuk menyatakan kekhawatiran mereka ini melalui nasihat dan juga ingatan berterusan kepada remaja.

Timbulnya masalah sosial remaja yang ada di dalam kelompok masyarakat ialah petanda kelemahan generasi remaja berdepan dengan suasana perubahan di sekeliling mereka. Dalam hal ini adalah wajar bagi ibu bapa itu merasa khuatir dan bimbang akan keupayaan remaja dalam berhadapan dengan suasana yang bergolak di sekeliling kita. Langkah positif yang boleh membina kekuatan jati diri mereka perlu menjadi asas pembinaan. Namun dalam waktu yang sama kalangan remaja adalah perlu untuk pintar memahami dan mengenal yang mana batu dan intan berkerlipan. Cara pergaulan juga perlu lebih berhati-hati agar mereka tidak menjadi mangsa kepada kesilapan yang boleh merosak dan memusnahkan masa depan mereka. Apabila me-

reka silap membuat pertolongan maka laluan untuk masa depan yang cemerlang nescaya akan terbina bersama arus perubahan sosial yang berlaku.

Ramai yang merasakan bahawa perubahan dan pergolakan sosial masa kini, perlu ditangani dengan bijak dan berhati-hati. Suasana dan perubahan sekeliling berupaya untuk mencorakkan kehidupan generasi remaja. Sudah semakin ketara dengan adanya pelbagai sogokan mata benda dan kemudahan, menjadikan sebahagian besar remaja lupa akan dirinya sendiri. Namun pada waktu yang sama kita tidak boleh menyekat dan menjadikan mereka pasif dengan menjauhkan diri mereka dari suasana persekitaran yang berlaku. Kendatipun perubahan itu mampu mencorakkan nilai-nilai diri generasi remaja, kita akan tetap berperanan penting dalam memantau pergolakan mereka. Naluri yang ada pada mereka tidak boleh dijadikan sebagai asas, yang kita sukar menangani kerenah tersebut.

Kita perlu pandai bersama dengan kalangan remaja, melihat arus dan gelombang yang ada sebagai suatu yang memberi peluang positif mengangakat diri mereka. Meskipun era ini lebih banyak tertumpu kepada aktiviti 'e' namun ia tidak bermakna segalanya negatif. Justeru

OLEH H. A. MANAP

kemahiran dalam menangani keadaan ini adalah amat diperlukan. Ibu bapa perlu bergandingan bersama remaja untuk membantu mereka memahami dengan lebih jelas, hala tuju dan ke mana kaki perlu melangkah. Penanaman terhadap memenuhi kewajipan beragama tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Ia tidak boleh diambil ringan, dengan hanya berserah mengikut arus dan perkembangan sekeliling. Remaja perlu memahami dan memenuhi kehendak kehidupan beragama dengan sebaiknya. Apabila berlaku isu-isu sosial ternyata ia lebih banyak berpunca dari kurangnya pemahaman dan didikan keagamaan. Inilah juga merupakan elemen yang membantu kalangan remaja tidak mudah terpedaya dengan suasana sekeliling.

Remaja perlu berani dalam menentukan calak yang diinginkan sambil pada waktu yang sama berani menerokai pembaharuan yang memberi impak kemajuan diri. Ia perlu jelas dan mempunyai matlamat. Hanya dengan berbuat sedemikian ini keupayaan menangkis kekeliruan akan mudah ditepis. Kita tidak akan pernah sunyi dari pelbagai pengaruh yang ada kalanya kehadiran mereka menjadikan kita hanyut, di atas lebel pembaharuan. Keupayaan kita da-

lam menentukan hala tuju dan matlamat yang jelas dan bermanfaat akan menjadi kekuatan dalam membina sebuah generasi kukuh dan berwibawa.

Dalam arus pembangunan dan kemajuan negara yang sedang kita lalui, aset besar terdapat pada kalangan remaja itu sendiri. Pada mereka disandarkan harapan besar untuk mengangkat kemajuan bangsa, ketahanan beragama dan keupayaan berdaya saing. Harapan dan juga pandangan ke hadapan terhadap kalangan remaja ini amat positif untuk dilaksanakan. Justeru mereka selalu diperingatkan supaya jangan mudah terpedaya dengan nilai atau 'make-up' yang tidak jelas hala tujunya. Remaja perlu pandai menjadikan suasana sekeliling sebagai peluang dan ruang yang akan memberikan suasana yang lebih kondusif.

Kondusif dalam mewujudkan sebuah generasi yang kuat dan tidak mudah rapuh dengan pergolakan negatif. Ciri ini tidak boleh dicapai, jika ramai yang masih lagi dikhayalkan dengan pembaharuan yang merosak, budaya yang tidak jelas hala tujunya. Apa yang patut dilakukan ialah remaja mesti pandai menentukan hala tujunya dengan lebih sempurna dan kemas kini.



## Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam di sekolah

**S**EMANGAT Patriotisme - Murid-murid sekolah rendah sedang mengikuti Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sambil menyanyikan Lagu Kebangsaan, 'Allah Peliharakan Sultan' merupakan salah satu aktiviti luar bilik darjah bagi mewujudkan rasa kecintaan kepada negara, agama dan bangsa.



## Pengurusan jenazah mesti sempurna

Oleh Rusyidina Haji Junaidi

BERAKAS, Selasa, 21 Mac. - Islam menekankan supaya pengurusan jenazah orang Islam dibuat secara tertib dan sempurna menurut yang disyariatkan oleh agama Islam.

Sebab itulah apabila menurunkan jenazah ke dalam liang lahad kebanyakan masyarakat kita selalu bersikap mengambil mudah sehinggalah tidak sedar melakukan kesilapan seperti melangkah jenazah.

Perkara tersebut ditekankan oleh Imam Awang Haji Anuar bin Mohd. Yusof dalam ceramahnya 'Fardu Kifayah Mengenai 'Bimbingan Menyempurnakan Jenazah', sempena memperingati Jubli Emas

PELITA BRUNEI Ke-50 Tahun, Jabatan Penerangan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di sini.

Dalam ceramahnya, Imam Awang Haji Anuar juga menekankan betapa pentingnya kita untuk sentiasa menjamin kebersihan jenazah semasa memandikan kerana ia merupakan satu penghormatan kepada jenazah, tidak kira dalam bentuk apa pun, sama ada ia dalam keadaan baik ataupun cacat.

Hadir di majlis ceramah tersebut Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Awang Haji Timbang bin Bakar serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

### SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

### HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

### TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 12 April 2006

Bangunan Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

### Pemenang Soalan Alai Pintar keluaran 12 April 2006

Rudhathul Husna binti Haji Saiful Bahrin,  
Sekolah PGGMB, Sungai Akar.  
Umur : 7 tahun

Chua Aik Heng,  
Sekolah Chung Hwa Middle.  
Umur : 9 tahun

Siti Nur Kemariah binti Awang Zaini,  
Sekolah Persediaan Arab Perempuan, Bandar Seri Begawan.  
Umur : 10 tahun

## ALAI PINTAR

ALAI DIALU-  
ALUKAN  
MENGUNAKAN  
PERPUSTAKAAN  
RUJUKAN,  
JABATAN  
PENERANGAN



### SOALAN ALAI PINTAR 720

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

### BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 720

Nama : .....

Umur : .....

Alamat : .....

Telefon rumah (jika ada) : .....

Sekolah : .....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,  
Ruangan Alai Pintar, 720,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

## TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN  
PERKHIDMATAN KESIHATAN,  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
(Bahagian Kesihatan Cara Kerja,  
Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar)

| BIL. | PERKHIDMATAN                                            | TPOR    |
|------|---------------------------------------------------------|---------|
| 1.   | Pemantauan persekitaran tempat kerja                    |         |
|      | * Membuat pemeriksaan rutin ke atas tempat kerja        | 14 hari |
|      | * Membuat pemeriksaan serta merta                       | 3 hari  |
|      | * Menyediakan laporan mengenai pemeriksaan tempat kerja | 14 hari |

# CERPEN

TULISAN SOSONJAN A. KHAN

# HAIRAN

**S**EPERTI beberapa tahun yang lepas, Herre masih saja suka duduk seorang diri menghadap laut lepas. Sebuah buku berkulit hijau dengan tajuk 'Mengenal Tuhan' oleh Bey Ariffin sentiasa bersamanya. Sekali-sekala lembaran-lembaran buku diselak, direnung seketika kemudian ditutup semula. Pandangannya kembali menelusuri segenap ceruk dan persisiran lautan. Sebuah bangunan mewah tersergam megah di belakangnya. Sunyi. Tiada siapa yang tahu mengapa setiap hari Herre berada di sana. Siapa yang ditunggu atau apakah yang dicari. Tapi itu semua Herre tidak peduli. Herre hanya mahu memandang laut dan pantainya, mungkin juga jauh sehingga apa yang terdapat di dasar-dasarnya. Sehelai kain sentiasa menutup separuh wajahnya, dari paras hidung ke leher. Orang ramai yang sudah biasa berada di tempat itu pun sudah tidak pernah mempersoalkan lagi tentang dirinya.

Tatapan Herre masih tidak berganjak dari sekumpulan kanak-kanak yang sedang membuat bangunan-bangunan kecil dari pasir. Bangunan-bangunan yang dibuat dari pasir itu pula tidak pernah selesai, kerana setiap kali air laut mencecah pantai, semuanya hilang begitu saja. Yang tersisa hanya buih. Tapi kemudian, buih pun akan hilang meresap ke dalam pasir. Kemudian esok dan hari-hari berikutnya akan ada lagi kumpulan kanak-kanak lain melakukan hal yang sama, sampai bila, Herre sendiri tidak pasti.

Kalau saja bukan kerana Hindunn yang berjasa, tentu Herre tidak dapat hidup senang. Hindunn pernah berkata, dengan mulut, hidup boleh berubah dengan sekelip mata. Macam-macam teori, sekali gus praktis yang Hindunn turunkan. Sebelumnya Herre mengira mulut hanyalah mulut. Ternyata tekaannya meleset sama sekali. Mendengar teori-teori Hindunn, mulut Herre terlopong besar. Kalau siang, mulut mempunyai seribu warna. Kalau malam hari pula, mulut mempunyai sejuta warna. Tapi itu semua Herre tidak peduli. Kerja Herre buat baik kepada semua orang dan cari duit dengan cepat dan segera. Zaman sekarang, mahu maju mesti pecut! Jangan pakai 'lift', kalau boleh pakai 'roket'. Dapat rezeki banyak mendadak adalah impian hampir semua manusia. Boleh biaya hidup hingga akhir hayat. Hindunn cakap waktu sekarang ini sukar mahu ditentukan mana rezeki halal dan mana rezeki haram. Tapi hidup mesti di'up-grade'. Herre tidak faham apa maksud Hin-

dunn. Kalau mahu dapat rezeki banyak mesti pandai pelihara mulut, kata Hindunn lagi. Sekali lagi Herre tidak faham. Hindunn kata lagi lebih baik jadi orang bisu yang hidup 'up-grade' daripada banyak mulut tapi tidak dapat pakai jenama 'top ten'. Itu, Herre setuju! Hindunn cakap ikut dia, mesti jadi orang bisu. Tutup mulut dan buat kerja diam-diam. Telinga mesti cekap. Tangan dan kaki mesti pantas. Buat kerja mesti rajin. Duit boleh datang mencurah-curah. Siapa yang tidak ingin kaya mendadak? Apa lagi kalau terjumpa harta karun. Semenjak itu ada bayang-bayang seperti sedang berdiri di belakang Herre.

Hari itu Herre mengikut Hindunn sambil menutup mulut rapat-rapat seperti mana buku hijau juga tertutup rapat-rapat terpuruk dalam beg yang tersandang di bahunya. Ketika itu, Herre sendiri sudah lupa dari mana atau bagaimana dia memperoleh buku hijau itu. Jauh di ruang kembara kalbunya tersimpan seribu keinginan! Ya, keinginan - keinginan normal yang biasa wujud dalam jiwa tiap manusia yang bernyawa. Hindunn tersenyum melihat gelagatnya.

"Bagus. Pandai!" katanya, sambil menggaru sedikit, tahi lalat biru di atas dahinya. Herre tidak mengerti apa-apa.

Mereka naik dan turun, turun dan naik, pusing keliling, mundar-mandir dalam sebuah tempat mengikut pelan-pelan yang diberikan. Tugas mereka hanya tersenyum. 24 jam! Kerja senang. Orang ramai masuk mereka senyum. Orang ramai keluar mereka senyum.

Orang datang mereka senyum. Orang pergi mereka senyum. Orang marah mereka senyum. Orang menangis pun mereka senyum. Orang naik mereka senyum. Orang jatuh pun mereka senyum. Orang kenyang mereka senyum. Orang lapar pun mereka senyum. Orang lahir mereka senyum. Orang mati pun mereka senyum. Tapi waktu tersenyum gigi mereka tidak nampak. Jadi mulut mereka sentiasa tertutup rapat.

Selama enam bulan buat kerja tersenyum, Herre hanya tersenyum tanpa membuka mulut. Barangkali inilah yang dikatakan senyuman Mona Lisa! Sebenarnya Herre merasa cukup penat, kerana asyik tersenyum sambil menutup mulut kecuali waktu makan. Namun kerana imbalan yang lebih dari lumayan, Herre cuba bertahan untuk terus tersenyum. Kerja senang!

"Tutup mata ..." Kata Hindunn ketika ada debu-debu hitam yang berterbaran di satu kawasan hadapan mereka. Ketika itu seperti saja Herre melihat kelibat Josephine De Beauharnais sedang tersenyum di Pulau Martiniq. Ah ... bisik hati kecilnya, Josephine De Beauharnais sedang tersenyum padaku ...

Herre menutup mata sambil tersenyum. Rasanya ada bayang-bayang yang tercegat di belakangnya. Kemudian Herre membuka mata perlahan-lahan setelah menerima isyarat sentuh dari Hindunn. Seperti ada kilasan warna hijau melintas pintas di hadapannya. Josephine De Beauharnais segera menghilang diganti dengan jelmaan wajah Subrahati Baharati. Cantik



dan manis. Kemudian menyusul pula bayang wajah Kamala Markandaya. Herre cuba mengingat-ingati semula tentang 'Nectar In A Sieve'. Perasaannya tiba-tiba terbelah dua. Terhiris, luka. Terbakar lalu hidup semula dengan bentuk aneh.

"Apa yang ada hanyalah sebuah gurauan ...." seru Hindunn perlahan di kupingnya. Herre bagai sedang dihipnotis. Herre melihat lembaran-lembaran duit kertas bertaburan dari atas dan bersepehan di atas lantai. Semakin lama, lembaran-lembaran duit semakin banyak pula yang gugur hingga memenuhi segenap ruangan. Herre bukan Malaikat. Herre manusia biasa, tapi bukan juga Rabi'atul Adawiyah!

Sebuah panggung berdiri di hadapannya. Ah, mungkinkah benar? Seperti saja Herre sedang melihat Cleopatra, Julius Caesar dan Mark Anthony sedang melambai-lambaikan tangan padanya. Herre terpaku sebentar. Herre menggosok-gosok mata sambil melangkah bersama mulutnya yang terkutup rapat. Makan untuk hidup atau hidup untuk makan bukan soalnya. Terlalu kenyang Herre ingin berlingkar seperti ular

sawa dan teringin untuk lelap. Tidur polos dan mahu segera dapat menemui Ricky Martin atau Michael Bolton atau mungkin saja Lau Ching Wan! Tapi keinginan itu tidak pernah terhasil, kecuali mimpi-mimpi lapuk seperti mendapat tempayan emas atau pohon berdaun duit. Alangkah baiknya jika mimpi dapat direncana seperti membuat sebuah drama? Kemudian mimpi-mimpi itu pula dapat diwujudkan menjadi realiti dalam kehidupan sebenar?

Mulut-mulut hanyut dalam gurauan fana. Herre lihat ada mulut-mulut yang hanya tersenyum di tepi dinding. Sekali lagi Herre menggosok-gosok mata. Semuanya hilang dengan sekelip mata. Herre bingung. Herre mencari-cari Hindunn. Herre mahu memberi tahu Hindunn segala apa yang telah dilihat sebentar tadi. Melihat Herre, cepat-cepat Hindunn maju ke depan.

"Tutup mulut ... hidup mesti ada anjakan paradigma!" berulang-ulang kali Hindunn membentuk pola di tugu mindanya. Ternyata Hindunn sudah tahu segala yang ingin disampaikan. Luar biasa, Hindunn mempunyai ilmu meraga sukma, kembara minda, me-

tafizik ampuh! Hindunn hebat, boleh diidentifikasikan sebagai manusia yang intelek. Herre tersenyum sambil tersipu-sipu menutup mulut.

Tidak lama selepas itu sekumpulan makhluk hadir ramai-ramai. Dari mana atau untuk apa, itu semua bukan urusan mereka. Semua yang datang berpasangan-pasangan dan tidak kurang yang sendirian. Rasa-rasanya, Herre pernah jumpa. Tapi di mana ye? Kota Orleans dan Joan of Arc? Tidak-tidak, Joan of Arc sudah lama mati dibakar. Tiba-tiba Herre merasa terlalu dungu. Sebenarnya Herre tidak mahu percaya. Agak lama Herre berdiri macam patung tiada bernyawa. Mimpikah atau realiti? Herre memandang sekeliling. Sebuah dunia asing. Semua berjalan lancar dan hanya Herre yang sedang terpaku sendiri sambil menutup mulut. Jam di dinding berdetik. Pasti ini bukan ilusi. Mungkinkah? Herre seram. Ada bayang-bayang hitam lalu-lalang di belakang dan hadapannya. Cepat dan segera menghilang. Toro Margen? Alam Misteri atau Gantayangan? Herre tiba-tiba teringat wajah Mak Lampir! Duh, gawat ni. Tapi Hindunn cakap, hidup perlu anjakan

paradigma, perlu duit! Ya, benar. Hidup perlu duit. Duit tidak datang dalam mimpi. Yang datang cuma tukang tagih hutang!

Selama lebih dua tahun kerja bersama Hindunn, Herre tidak pernah tidur lena. Setiap malam jiwanya resah tanpa sebab. Pusing kiri, pusing kanan segalanya bagai kemelut hitam yang membungkus dirinya. Malam itu Herre memberanikan diri membuka mulut dan menyatakan pada Hindunn untuk berhenti. Duit pun sudah lebih dari cukup. Herre sudah penat kerja tutup mulut. Herre sudah cukup serik diburu mimpi-mimpi ngeri dalam tidurnya. Herre mahu buat kerja lain saja yang tidak mengganggu lenanya. Hindunn marah. Hindunn cakap Herre bodoh, pasif, kuno. Herre beruk dari hutan! Hindunn cakap cara Herre berfikir dan bertindak 'out of dated!' Hindunn cakap lagi, Herre gatal. Gatal mengada-ngada. Sudah mewah lupa kawan. Padahal Herre hanya menyatakan keinginan untuk pergi. Bukan pula pergi untuk menggatal-gatal!

"Aku mahu buat kerja yang lain saja. Yang patut-patut. Yang molek-molek.

**Dari muka 8**

Kerja yang tidak banyak keganjilan dan tidak juga yang menyeramkan. Aku penat. Aku tidak pernah tidur lena selama ini."

"Kau kira kau siapa? Subrahati Baharati?" soal Hindun marah.

"Barangkali tidak."

"Tun Fatimah atau Raden Ajeng Kartini?" suara Hindun tinggi nyaring.

"Aku mahu jadi aku saja. Apa adanya," Herre terus berlalu pergi.

Malam itu ketika melangkah keluar, tiada bulan dan bintang di langit. Rasanya seperti ada bayang-bayang hitam sedang mengekorinya. Herre cemas. Siapa tahu kalau Gondorowo atau Kolor Ijo sedang mengekor! Jauh di dalam hati sempat juga Herre membaca ayat Al Kursy beberapa kali. Setiap kali menoleh ke belakang, bayang-bayang itu seperti cepat-cepat menyembunyikan diri di sudut-sudut tertentu. Buluh romanya meremang. Herre menguatkan semangat namun di hati tetap terselit 'percaya ngak percaya'. Herre berjalan pantas melalui lorong-lorong tepi bangunan. Beberapa orang lelaki, wanita dan anak-anak kecil masih kelihatan di sepanjang jalan. Perasaan cemasnya kurang.

Herre terus berjalan masuk kedalam sebuah bangunan antara bangunan-bangunan mewah yang terdapat di kawasan itu.

"Ini semua tentulah kerana nafsu yang ada dalam perut. Bibir yang kering, pucat, tidak berseri dan mulut yang berbau busuk berpunca dari perut. Perut harus sentiasa bersih, nafas harus sentiasa berbau segar dan wangi."

Begitu antara lain kata-kata penjual gincu bibir dan pewangi nafas yang bermulut seperti Sophia Loren. Herre memerhatikan mulutnya di hadapan cermin kecil di atas meja.

"Ada mulut mestilah ada bibir! Tapi mulut lebih luas kawasannya dari bibir. Bukankah bibir cuma penghias di tubir-tubir? Tiada bibir, ada mulut masih ok! (tapi sekarang ini, kalau tiada bibir tentu susah juga cari pasangan ideal, ngkahi ah?). Tapi kalau ada bibir, tiada mulut itu mustahil pula. Jika ada bibir mesti ada mulut.

Lainlah halnya kalau bibir dan mulut plastik. Dalam mulut biasanya ada gigi, ada lidah, ada gusi ada langit. Dalam mulut juga ada tahi gigi, ada kuman dan nanah terutama jika tidak dirawat dengan baik. Ada mulut panjang, ada mulut pendek, ada mulut diam. Mulut untuk makan, mulut untuk minum, mulut untuk berecap, mulut untuk berdoa atau berzikir. Tapi mulut juga untuk meniup atau menghisap yang elok dan yang tidak elok. Oh, banyak sungguh fungsi mulut. Kerana dengan adanya mulutlah 1,001 macam nikmat atau azab boleh diperolehi.

Contohnya jika tergigit lidah ketika terlalu banyak bercakap sambil makan sembunyi-sembunyi bawah meja atau belakang pintu! Jadi memang tepat, daripada bercakap yang tiada berguna, lebih baik tutup mulut. Kecuali jika terpaksa berdengkur ketika tidur. Itu pun kena hati-hati takut lalat atau cicak gugur terus masuk mulut." Begitu sambung penjual gincu bibir dan pewangi mulut itu lagi.

Tanpa disedari beberapa jenis gincu bibir dan pewangi mulut sudah berada dalam pilihan Herre. Penjual gincu bibir dan pewangi mulut yang mempunyai mulut yang ada class itu memang bijak. Selain mulut yang pot-pet, pot-pet, suaranya juga memukau telinga. Mungkin dia pakai buluh perindu ... Herre rasa mulut wanita itu memang membawa buah dan rezeki. Tiada seorang wanita yang lalu tidak berhenti mendengar 'curahan' mulutnya lalu membeli gincu bibir dan pewangi mulut! Pewangi mulut seperti perasa 'strawberry', 'apple', 'lemon' dan 'mint' cepat laris. Nasib baik Herre cepat. Dapat juga pewangi mulut perasa belimbing pucung!

Pagi itu Herre memakai gincu bibir dan pewangi mulut yang baru dibeli beberapa hari lepas. Balik dari membeli-belah, Herre membuka pintu dan berjalan masuk. Barang-barang keperluan dapur yang penuh sesak dalam kantung-kantung plastik diletakkan di atas meja dapur. Ada enam buah kantung plastik semuanya. Herre mengeluarkan isi-isi kantung plastik sambil bersuara nyaring memanggil orang gajinya. Ia segera muncul. Herre duduk

melepas lelah. Rosy, orang gajinya menyambung tugas. Rosy mengeluarkan sayur-sayuran, daging manis, ikan iyu, udang galah sebesar paha, ketam, sotong, itik, patu, ayam dan mula menyusun satu persatu ke dalam peti sejuk.

"Ini apa?" tiba-tiba Rosy bersuara panik.

"Hempedal ayam!" jawab Herre tanpa menoleh.

"Ini! Ini hempedal ayam?" soalnya memaksa Herre untuk menoleh.

"Arghhh?!" Herri terperanjat besar. Bergegas Herre bangun sambil meneliti betul-betul secebis daging yang melekat di plastik berubut.

"Ah!" tidak mungkin sambung Herre.

"Cik, ini mulut! Ini mulut orang Cik," teriak Rosy.

"Kau pasti?" soal Herre.

"Iya! Ini betul-betul mulut! Tapi siapa yang punya?"

Setelah memeriksa dan membelek-belek beberapa kali, Herre baru pasti bahawa benda tersebut adalah mulut. Tapi sama ada mulut perempuan atau lelaki, belum pasti. Tubuh Herre tiba-tiba merasa gementar. Bagaimana mulut itu boleh berada dalam kantung plastik? Herre memang baru balik dari pasar. Tapi Herre tidak ada, bahkan tidak pernah sama sekali membeli mulut sama ada mulut, lembu, kerbau, kambing atau ayam. Tongkeng ayam adalah! Entah siapa pula yang begitu tega membuang mulut sendiri dengan sewenang-wenang. Tentu orang biul. Bagaimana dia mahu makan dan minum tanpa mulut? Mata, telinga, hidung memang penting. Tapi tanpa mulut tentu rupa manusia kelihatan jelik. Bayangkan kalau cuma tinggal gigi dan rahang saja tanpa ditabiri mulut! Langap-langap macam orang ketawa 24 jam.

"Rosy, cuba periksa kalau ada lidah di dalam," kata Herre.

"Tidak berani Cik!" jawab Rosy sambil menggeleng kepala.

"Periksalahhhhhhh," pinta Herre lagi. Rosy teragak-agak maju ke hadapan. Menggelabah macam sedang membuka bungkus-an dadah.

"Periksa mulut kau

**MASALAH! Betul-betul masalah! Kalau tiada siapa-siapa yang kehilangan mulut bagaimana? Tidak mungkin mulut ini mahu Herre bawa pulang dan simpan dalam peti sejuk bersama daging dan ikan. Herre keluar dari pasar sambil berfikir kemungkinan-kemungkinan dari mana datangnya mulut itu. Mungkinkah mulut mangsa-mangsa yang teraniaya di Iraq, Palestin atau Afghanistan? Tidak mungkin ada manusia yang mahu kerat dan buang mulut sendiri. Mungkin mulut mangsa-mangsa kebuluran. Atau mulut yang tersingkir dari PBB.**

takut? Takut apaaaaa?!" Suara Herre memanjang.

"Bukan takut Cik. Cuma aku tidak pernah lihat mulut seperti ini."

"Kenapa? Kau nada mulut? Ambil candas cepat! Sungkit bibir mulut. Lihat apa ada di dalam."

Walaupun pucat terketar-ketar, Rosy masih mahu menuruti perintah.

sebagai pencuri. Herre bukan pencuri. Herre mahu membuang mulut itu keluar. Tapi bagaimana kalau dimakan anjing atau kucing? Tak tega pula. Baik simpan di rumah saja. Tapi takut pula nanti ia tak lelap tidur. Mulut ini mesti ada yang empunya. Herre.

Ini satu masalah. Kalau ada orang yang mengadu kehilangan mulut, tentu Herre dituntut mesti mencari tuannya. Herre mesti mengembalikan mulut ini pada yang empunya dan menasihatinya agar menjaga mulut baik-baik. Mulut adalah pancaindera yang amat berguna.

"Mahu dibawa ke mana Cik?" soal Rosy melihat Herre bingkas bangun.

"Kenapa? Kau mahu masak mulut ini buat lauk? Aku mahu cari dan kembalikan mulut ini pada yang empunya." Katanya sambil memasukkan mulut tersebut dalam bekas plastik yang dibubuh air dan garam. Mudah-mudahan saja ia mampu bertahan.

"Siapa yang empunya?" soal Rosy pula.

Herre diam. Orang gaji ini banyak soal pula. Patutnya dia ini tidak bermulut. Herre terus berlalu keluar. Herre memandu menuju pasar ikan dan sayur. Siapa tahu jika ada siapa-siapa yang mengadu kehilangan mulut pada hari tersebut. Herre masuk ke dalam pasar dan mulai memerhatikan orang-orang di dalamnya. Huh! Sudah tiga jam pusing keliling,

kepalanya terasa pening. Semua orang ada mulut. Semua orang ada satu mulut tiap seorang. Ada bayang-bayang seperti sedang mengekorinya. Ah! ... Siang-siang mana ada hantu jerangkung! Mana ada toyol. Jerangkung dan toyol hanya keluar waktu malam.

Masalah! Betul-betul masalah! Kalau tiada siapa-siapa yang kehilangan mulut bagaimana? Tidak mungkin mulut ini mahu Herre bawa pulang dan simpan dalam peti sejuk bersama daging dan ikan. Herre keluar dari pasar sambil berfikir kemungkinan-kemungkinan dari mana datangnya mulut itu. Mungkinkah mulut mangsa-mangsa yang teraniaya di Iraq, Palestin atau Afghanistan? Tidak mungkin ada manusia yang mahu kerat dan buang mulut sendiri. Mungkin mulut mangsa-mangsa kebuluran. Atau mulut yang tersingkir dari PBB.

Semua orang tahu fungsi mulut bukan sedikit. Mulut adalah pintu utama untuk menyalurkan makanan ke dalam perut. Biarpun tanpa mulut makanan masih boleh sampai ke dalam perut melalui kaedah lain, namun nikmat melalui mulut tetap nombor 1. Gigi dan lidah juga turut merasa senang setiap kali mulut dapat mengunyah makanan dengan sempurna dan kerongkong pun akan merasa nikmatnya ketika kelazatan makanan ditelan masuk terus meniti ke lubuk perut. Nafsu merasa puassss!

Herre keluar dari pasar terus ke kedai tempatnya membeli gincu bibir dan pewangi mulut malam sebelumnya. Sambil berjalan, semua wajah diperhatikan betul-betul. Siapa tahu ada yang berjalan tanpa mulut? Tidak ada pula yang tiada mulut.

Penjual gincu bibir yang banyak mulut itu juga sudah tiada. Herre cuba bertanya kepada seorang gadis penjaga kaunter depan. Gadis itu menyentak tidak pernah wujud penjual gincu di tempat itu! Herre merasa panik. Gila! Baru malam itu ia membeli gincu dan pewangi mulut di sana. Herre meraba-raba mulutnya.

Syukur, mulutnya masih ada. Tapi kenapa masih ada yang mahu membuang mulut? Herre melirik pada mulut yang berada di tangan. Mungkin pemiliknya sudah mati! Mungkin tubuhnya dipotong-potong dan berkecai lalu diseret binatang. Herre cemas. Jika andaian itu benar, perkara ini lebih merbahaya. Herre genggam bekas plastik dan bergegas keluar. Seperti ada bayang-bayang hitam memerhatikannya. Ah ...! Perduli apa! Herre masuk ke dalam kereta. Sepanjang jalan Herre berfikir kemana hendak di tuju.

Seorang wanita tua yang sedang berdiri di pinggir jalan menahan kereta yang sedang dipandu. Herre menekan brek dan berhenti.

"Kenapa mak cik?" soalnya tercengang hairan.

"Minta tumpang. Sudah lebih tiga jam mak cik menunggu bas. Cuaca panas. Mak cik mahu balik ke pantai," katanya terus masuk dan duduk di belakang. Herre tiada pilihan lagi.

"Mak cik tinggal dekat pantai?" soal Herre sambil memecut ke hadapan.

"Iya," jawab wanita tua itu sambil mengesat peluh di wajah.

Setibanya di tepi pantai, wanita tua itu mengajak Herre turun dan singgah sebentar ke rumahnya. Melihat kesungguhan wanita tua itu, Herre bersetuju untuk singgah sebentar. Herre berjalan di belakang-

nya menyusur tepian pantai sehingga tiba di sebuah kawasan yang agak jauh. Melihat keadaan sekeliling di tempat itu, perasaan Herre tiba-tiba seram.

"Kha! Kha! Kha! Kha! Kha! Kha! Kha! Kha!" Wanita tua itu ketawa menyeringai sambil bertukar wajah. Laut bergelora. Langit kelam berbalam-balam. Angin bertiup kencang. Rupanya gergasi yang hodoh besar dengan taring dan kuku yang tajam hitam. Sekilas, seperti terlihat oleh Herre tanda kecil biru di atas dahi gergasi hodoh.

"Puaka?! Kau?! Kau puaka?!" laung Harre.

Harre terkejut bukan alang kepalang. Kepalanya tersentak-sentak melihat sekeliling. Kalut penuh bingung! Mulut-mulut bertaburan di kawasan itu. Ada yang masih baru ada pula yang sudah lama. Ada yang masih segar, ada pula yang sudah berulat dan berbau busuk, sebusuk-busuknya! Harre segera berlari lintang-pukang bagai dikejar harimau tunggal beranak muda. Puaka yang seperti kalin-dahau itu cuba mengejar. Herre lari semakin kencang. Beg tangan Gucci, cermin mata Gucci dan gigi palsu Gucci semua berpelantingan gugur. Gincu dan pewangi mulut perasa belimbing pucung juga kelihatan ampai-ampai di atas pasir. Herre masuk ke dalam kereta terus meluncur pergi. Dalam hati, Herre mengira ia ada membaca ayat-ayat tertentu.

Setibanya di rumah, Rosy membuka pintu langsung pengsan! Tanpa mempedulikannya Herre meluru ke dalam tandas. Herre mencuci muka di sinki. Ketika Herre mengangkat muka, "Huh!!!!!!????????? Mulutku??? Mana mulutku?"

# Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

## ANGIN MALAM

Antara hawa dan embun  
nyaman tak bisa diperoleh  
genggam angin malam ini  
ikutilah corak lukisannya  
nukilan angin di malam hari.

Malam  
aku terasa rindu bersamamu  
lamalah bersamaku  
aku kesepian bila angin lalu  
mungkin itulah angin malam.

## BACA

Aku membaca  
terus membaca  
tak akan berhenti membacanya  
aku rasa seronok sekali membacanya  
walaupun sedikit  
ayatnya tidak panjang  
tak sepanjang ayat yang lain  
tapi bagaimana aku hendak berhenti membaca?  
siapa dapat menghentikan aku  
hentikan aku!  
berhentilah-berhentilah  
aku lalu berhenti sampai di hujung  
ayat ini sahaja!

## BAHANA

Bahana?  
apa itu bahana?  
hatiku ingin ketahuinya  
arius perubahan membawa gerhana  
namun air bah turun tak semana-mana  
aku cuba merintanginya.

Bah dan gerhana!  
aku mengertikannya  
hanya air bah datang mendadak daripada  
gerhana  
aku saksikan dua kejadian yang serentak  
niatnya adalah murni  
adakan suasana yang menarik!

Ali Termizzi H. R.

## MENAGIH SIMPATI

Bergema sayu tangisan hiba  
pilu menusuk ke dalam dada  
pedih jiwaku meronta  
di benakku kian berceramuk.

Puas daku mencuba  
melepaskan diri dari seksa  
namun semuanya hampa  
sebaliknya kedukaan melanda.

Aku tak pasti lagi  
apakah nasib akan mendatang  
sudah puas kumerayu simpati  
namun kecundang jua menimpa.

## NASIB SI PENGEMIS

Kadang di kaki lima  
menjadi medan hidup  
menunggu si pemurah hati  
datang menghulur simpati.

Tin sudah tersedia  
hanya menunggu bunyi lentingan  
tatkala syiling sudah masuk  
senyuman manis lantas dilemparkan.

Bukan mencuri menyamun  
sekadar mengharap ihsan  
bukan tidak mahu berdikari  
namun takdir dan nasib sudah ditentukan.

Dalam hati hanya mampu bersyukur  
melahirkan jutaan terima kasih  
kepada si pemurah berhati luhur  
tiada terbalas dengan kata-kata.

Bagi si pemurah  
dipohonkan doa  
agar Tuhan melipatgandakan pahalanya  
serta memperluaskan rezekinya.

## KELUHAN BURUH

Puas sudah rasanya tangan ini  
mengesat peluh di dahi  
yang sering bercucuran  
lalu berguguran jatuh ke bumi.

Bahang terasa makin panas  
petanda mentari mula meninggi  
namun setiap anggota jasad ini  
sudah kebal dengan terik.

Satu demi satu dahan dicantas  
rumpun-rumpun habis ditebas  
tangan pun sudah mula kebas  
namun hati tak pernah tewas.

Dalam kealpaan  
tanpa disedari  
senja mula melabuhkan tirainya  
namun jasad ini  
tak jemu mengerah tenaga.

Demi sesuap nasi  
sanggup jua diharungi hidup ini  
untuk menyara keluarga dikasihi  
ku pasrah takdir Illahi  
lalu bersyukur ke hadirat-Nya  
yang memberikan ketabahan dalam hati  
untuk meneruskan perjuangan ini.

## Briduanda

## RINTIHAN HATIKU

Jiwaku memberontak  
tidak tahu apa yang hendak diluahkan  
oh! Tuhan ...  
berilah aku bimbingan.

Aku ingin mengenali  
apa Islam itu yang sebenarnya  
aku ingin mendalaminya.

Ya Allah ...  
aku benar-benar telah lupa akan peganganku  
sesungguhnya aku amat perlukan bantuan-Mu  
...

Oh! Tuhan ...  
berilah aku petunjuk dan hidayah  
yang telah sekian lama terpadam  
di dalam diri hamba-Mu ini.

Tuhan ... aku berserah kepada-Mu  
sesungguh-sungguh hati ...  
bersihkanlah hati hamba-Mu ini.

Ya Allah ...  
aku tidak mengerti akan agamaku  
aku sentiasa dibelenggu dosa  
halal haram tiada dalam kamus hidup  
hamba-Mu ini.

Ya Allah ...  
aku bermohon pada-Mu  
tolonglah hamba-Mu ini  
aku ...

Berilah sinar  
berilah nur Islam dalam diri hamba-Mu ini  
ingin aku mendalami  
tetapi...

Aku pohon pada-Mu ya Allah ...

## CERITA TENTANG SESEORANG

Lahir seorang insan  
terdengar tangisan si kecil  
menangisi akan janjinya  
kepada Tuhan ...

Dibesarkan bagai  
menatang minyak yang penuh  
diberi didikan setinggi langit  
tetapi sayang ...

Menempuh onak duri di dunia  
bak kapal tiada kemudi  
umpama burung kepatahan sayap  
tiada pegangan ...

Dirinya disaluti kemewahan duniawi  
hatinya kosong ...  
tiada nur  
untuk menyuluh perjalanannya.

Tuhan itu Maha Menyayangi  
tergerak naluri untuk menghampiri  
tercelik mata hati  
sebuah keajaiban ...

Hati kini telah bersih ...  
tiada lagi keraguan ...  
tiada lagi kegelisahan ...

Lidah mengucap syahadah  
hati semakin tenang  
hidup kian teratur  
dengan berpandukan As-Sunnah.

Syukur pada-Mu ya Allah ...

## Haidhar

## AS-SYUKRULILLAH

Kukenang-kenangkan  
ketika berhijrah ke sana  
kukenal dia  
kukenal mereka  
kukenal semuanya  
penuh syahdu dan takzim  
silaturahim.  
Jauh di desa

aku datang ke rumahnya  
dalam suasana kemesraan  
keakraban,  
berputik rindu  
membisik kasih setia  
pada kelopak rasa.

Dia, mereka dan semuanya  
sentiasa bersamaku kini  
dalam sebuah keluarga  
aman, sejahtera dan bahagia  
As-Syukrulillah  
pada rahmat dan nikmat Allah.

Rahim M. S.

## MENUJU WAWASAN

Mana hijaunya padi di sawah  
mana ketulnya lumpur di bendang  
mana hilangnya kerbau berkubang  
mana terbangnya bangau menghilang.

Sawah bendang bertukar musim  
lintah kempis ketuhuran  
rumpun-rumpai kering layu  
kerbau berhijrah  
enggan berkubang  
katanya tidak moden  
sudah ketinggalan zaman.

Bangau tidak lagi berpijak  
di belakang kerbau  
mereka sudah sedar  
ada wawasan  
tidak mengharapkan  
belakang kawan  
jadi sandaran.

## JANJI

Islam telah menjanjikan  
kesejahteraan  
kesempurnaan  
bukan  
kesengsaraan  
apa lagi  
kemusnahan.

Hari ini  
dan seterusnya  
Islam sentiasa dimusuhi  
dijadikan kambing hitam  
elok dipandang jijik  
buruk akan nampak indah  
itulah pelaburan syaitan  
sebuah saham terbesar  
sejak Adam diciptakan  
hingga Hari Kiamat.

Lalu apa jihad kita  
untuk memerangi pelaburan  
menghancurkan saham  
kelolaan syaitan  
dari cawangan jin  
mau pun manusia  
yang sudah terlatih  
menjadi 'member'  
dajal durjana.

Maya Brunei



# سوسون رنچاغن تیلیشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

| RABU 26 APRIL          |                                                         | PETANG                 |                                            | MALAM                 |                                                                | AHAD 30 APRIL      |                                                    | PETANG              |                                                 |
|------------------------|---------------------------------------------------------|------------------------|--------------------------------------------|-----------------------|----------------------------------------------------------------|--------------------|----------------------------------------------------|---------------------|-------------------------------------------------|
| <b>PAGI</b>            |                                                         | 1.00                   | IMPACT TV                                  | 7.00                  | LIPUTAN SEMASA                                                 | <b>PAGI</b>        |                                                    | 4.00                | LAGU KEBANGSAAN                                 |
| 6.00                   | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                               | 1.30                   | THE WORLD'S MOST EXTREME RACES             | 7.30                  | DEKOR SR. 2 - Ulangan                                          | 6.00               | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                          | 4.02                | TILAWAH AL-QURAN                                |
| 6.02                   | TILAWAH AL-QURAN                                        | 2.30                   | PHILIPPINES MOVIES - 'Now That I Have You' | 7.38                  | AZAN ISYAK                                                     | 6.15               | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                      | 4.15                | KIDS HOUR: 'Squiggle Vision'                    |
| 6.15                   | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                           | 3.34                   | AZAN ASAR                                  | 8.00                  | BERITA NASIONAL                                                | 9.00               | BERITA                                             | 4.45                | SCIENCE COURT                                   |
| 9.00                   | BERITA                                                  | 3.37                   | PHILIPPINES MOVIES - Sambungan             | 9.00                  | DIARI BINTANG KECIL                                            | 9.15               | RAMPAI PAGI - Sambungan                            | 5.15                | AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO                   |
| 9.15                   | RAMPAI PAGI - Sambungan                                 | 4.15                   | SECRET ADVENTURES                          | 9.30                  | BIOLOGIC                                                       | 10.00              | RANCANGAN HARI INI                                 | 5.45                | BERITA                                          |
| 10.15                  | TELENOVELA- 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'       | 4.45                   | MAPLETOWN                                  | 10.00                 | NEWS AT 10                                                     | 10.15              | ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus'                | 6.00                | WALKING WITH THE BEAST                          |
| 11.00                  | FERGUS MCPHAIL                                          | 5.15                   | BEYOND 2000 SR. VII                        | 10.45                 | KHUTBAH JUMAAT                                                 | 10.45              | ACCORDING TO JIM                                   | 6.26                | AZAN MAGHRIB                                    |
| 11.30                  | LIPUTAN SEMASA                                          | 5.45                   | BERITA                                     | 11.00                 | TELEDRAMA - 'Misteri Jeram Lesung'                             | 11.15              | PIMPING SR. 2                                      | 6.32                | BIMBINGAN KELUARGA                              |
| 12.00                  | SIARAN TAMAT                                            | 6.15                   | GAME PLAN                                  | 12.30                 | DOA DAN SIARAN TAMAT                                           | 11.30              | BERITA                                             | <b>MALAM</b>        |                                                 |
| <b>PETANG</b>          |                                                         | 6.27                   | AZAN MAGHRIB                               | <b>SABTU 29 APRIL</b> |                                                                | 11.45              | SUNDAY MATINEE - 'Spirit Bear'                     | 7.00                | LIPUTAN SEMASA                                  |
| 4.00                   | LAGU KEBANGSAAN                                         | 6.45                   | FIQHUL MIRATS                              | <b>PAGI</b>           |                                                                | 12.19              | AZAN ZUHUR                                         | 7.30                | LEGENDA                                         |
| 4.02                   | TILAWAH AL-QURAN                                        | <b>MALAM</b>           |                                            | 6.00                  | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                                      | <b>PETANG</b>      |                                                    | 7.38                | AZAN ISYAK                                      |
| 4.15                   | CYBERCHASE SEASON 4/ PRINCE STARLA AND THE JEWEL RIDERS | 7.00                   | SURAH-SURAH PILIHAN                        | 6.02                  | TILAWAH AL-QURAN                                               | 1.30               | PERTANDINGAN BINTANG KECIL PERINGKAT AKHIR 2006    | 8.00                | BERITA NASIONAL                                 |
| 5.15                   | FAR FETCHED                                             | 7.30                   | WARTA ISLAM 2006                           | 6.15                  | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                                  | 3.33               | AZAN ASAR                                          | 9.00                | DRAMA - 'Retak Setalam'                         |
| 5.45                   | BERITA                                                  | 7.38                   | AZAN ISYAK                                 | 9.00                  | BERITA                                                         | 3.40               | JUARA 2006                                         | 9.30                | INFOSIHAT SR. 4                                 |
| 6.00                   | DRAMA - 'Menjejak Dalang'                               | 8.00                   | BERITA NASIONAL                            | 10.00                 | RANCANGAN HARI INI                                             | 4.30               | TEKNO M3                                           | 10.00               | NEWS AT 10                                      |
| 6.27                   | AZAN MAGHRIB                                            | 9.00                   | AN NUUR - Siaran Langsung                  | 10.15                 | WHAT'S WITH ANDY                                               | 5.00               | KAUNSELING MASYARAKAT SR.3                         | 10.30               | SUKAN GLOBAL                                    |
| 6.45                   | SINAR SR.2                                              | 10.00                  | NEWS AT 10                                 | 10.45                 | HOLLY'S HEROES                                                 | 5.30               | PENGAJARAN DARI AL-QURAN                           | 11.30               | NATURAL WORLD - 'Amazon Super Rivers'           |
| <b>MALAM</b>           |                                                         | 10.30                  | DRAMA: 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'  | 11.15                 | DRAMA CO. PROD - 'Jodoh' - Ulangan                             | 5.45               | BERITA                                             | 12.00               | DOA DAN SIARAN TAMAT                            |
| 7.00                   | LIPUTAN SEMASA                                          | 11.30                  | WAYANG PILIHAN - 'The Long Ride Home'      | 11.30                 | BERITA                                                         | 6.00               | SURVIVING ASIA                                     | <b>SELASA 2 MEI</b> |                                                 |
| 7.30                   | MUZIK '05                                               | 1.00                   | DOA DAN SIARAN TAMAT                       | 12.00                 | GILLETTE WORLD SPORT - Ulangan                                 | 6.26               | AZAN MAGHRIB                                       | <b>PAGI</b>         |                                                 |
| 7.38                   | AZAN ISYAK                                              | <b>JUMAAT 28 APRIL</b> |                                            | 12.19                 | AZAN ZUHUR                                                     | 6.32               | COLORS OF THE EAST                                 | 6.00                | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                       |
| 8.00                   | BERITA NASIONAL                                         | <b>PAGI</b>            |                                            | <b>PETANG</b>         |                                                                | <b>MALAM</b>       |                                                    | 6.02                | TILAWAH AL-QURAN                                |
| 9.00                   | DRAMA - 'Wira' - Siri Baru                              | 6.00                   | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                  | 12.45                 | PANGGUNG PETANG SABTU - 'Moon Dance'                           | 7.00               | TAHUKAH AWDA SR. 3                                 | 6.15                | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                   |
| 9.30                   | JASAMU                                                  | 6.02                   | TILAWAH AL-QURAN                           | 2.15                  | DRIVE                                                          | 7.38               | AZAN ISYAK                                         | 9.00                | BERITA                                          |
| 10.00                  | NEWS AT 10                                              | 6.15                   | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung              | 2.45                  | ODD SPOTS                                                      | 8.00               | BERITA NASIONAL                                    | 9.15                | RAMPAI PAGI - Sambungan                         |
| 10.30                  | SUKAN                                                   | 9.00                   | BERITA                                     | 3.15                  | THIRD WATCH SR. 1                                              | 9.00               | TIRAI KELUARGA - 'Mat Lanun'                       | 10.00               | RANCANGAN HARI INI                              |
| 11.00                  | ANTARABANGSA                                            | 10.00                  | RANCANGAN HARI INI                         | 3.35                  | AZAN ASAR                                                      | 10.00              | NEWS AT 10                                         | 10.02               | TELENOVELA- 'Betty La Fea (Betty The Ugly One)' |
| 11.30                  | LIFE WITH BONNIE YR. 1                                  | 10.15                  | PLAY WITH SESAME                           | 4.00                  | DRAGON ALIVE                                                   | 10.30              | TIRAI KELUARGA - Sambungan                         | 11.00               | SCREECH OWLAIL                                  |
| 12.30                  | DOA DAN SIARAN TAMAT                                    | 10.45                  | FRANKLIN                                   | 5.00                  | THE NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL                               | 11.00              | JACK AND THE BEANSTALK                             | 11.30               | LIPUTAN SEMASA                                  |
| <b>KHAMIS 27 APRIL</b> |                                                         | 11.15                  | RAKAN CYBER                                | 5.30                  | MALCOLM IN THE MIDDLE                                          | 12.00              | DOA DAN SIARAN TAMAT                               | 12.00               | SIARAN TAMAT                                    |
| <b>PAGI</b>            |                                                         | 11.30                  | BERITA                                     | 5.45                  | BERITA                                                         | <b>ISNIN 1 MEI</b> |                                                    | <b>PETANG</b>       |                                                 |
| 6.00                   | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                               | 11.45                  | JEJAK RASUL 10                             | 6.15                  | MUSLIM WORLD                                                   | <b>PAGI</b>        |                                                    | 4.00                | LAGU KEBANGSAAN                                 |
| 6.02                   | TILAWAH AL-QURAN                                        | 12.15                  | ART ATTACK                                 | 6.26                  | AZAN MAGHRIB                                                   | 6.00               | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                          | 4.02                | TILAWAH AL QURAN                                |
| 6.15                   | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                           | 12.30                  | SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran langsung  | 6.45                  | PEDOMAN AQIDAH                                                 | 6.15               | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                      | 4.15                | CEDRIC SR.2                                     |
| 9.00                   | BERITA                                                  | <b>PETANG</b>          |                                            | <b>MALAM</b>          |                                                                | 9.00               | BERITA                                             | 4.45                | WHY WHY FAMILY                                  |
| 9.15                   | RAMPAI PAGI - Sambungan                                 | 1.30                   | VISI SUCI                                  | 7.00                  | DUNIA ASIA                                                     | 9.15               | RAMPAI PAGI - Sambungan                            | 5.15                | BODY AND SOUL                                   |
| 10.00                  | RANCANGAN HARI INI                                      | 2.00                   | TETAMU SUKAN - Siaran Langsung             | 7.30                  | 2006 FIFA WORLD CUP IN GERMANY                                 | 10.00              | RANCANGAN HARI INI                                 | 5.45                | BERITA                                          |
| 10.15                  | TELENOVELA- 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'       | 2.30                   | HEAR AND SEE                               | 7.38                  | AZAN ISYAK                                                     | 10.15              | TELENOVELA - 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)' | 6.00                | KID SINAR                                       |
| 11.00                  | FERGUS MCPHAIL                                          | 3.00                   | TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Hu Tu Tu'         | 8.00                  | BERITA NASIONAL                                                | 11.00              | SREECH OWL - Siri Baru                             | 6.26                | AZAN MAGHRIB                                    |
| 11.30                  | LIPUTAN SEMASA                                          | 3.35                   | AZAN ASAR                                  | 9.00                  | HIBURAN Hujung Minggu                                          | 11.30              | ENTRADA - 'Rio De Janeiro, Brazil'                 | 6.45                | AL-ISLAM                                        |
| 12.00                  | DRAMA - 'Matahariku'                                    | 3.38                   | TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan          | 10.00                 | NEWS AT 10                                                     | 12.00              | SIARAN TAMAT                                       | <b>MALAM</b>        |                                                 |
| 12.19                  | AZAN ZUHUR                                              | 5.45                   | BERITA                                     | 10.30                 | PERTANDINGAN MENCIPTA LAGU HARI KEPUTERAAN SEPARUH AKHIR KEDUA | <b>PAGI</b>        |                                                    | 7.00                | DRAMA - 'Gerimis Senja'                         |
|                        |                                                         | 6.00                   | SYIAR MASJID                               | 11.30                 | TAYANGAN GAMBAR - 'A Piece Of Eden'                            | 6.00               | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN                          | 7.30                | DOKUMENTARI                                     |
|                        |                                                         | 6.27                   | AZAN MAGHRIB                               | 1.00                  | DOA DAN SIARAN TAMAT                                           | 6.02               | TILAWAH AL-QURAN                                   | 7.38                | AZAN ISYAK                                      |
|                        |                                                         | 6.45                   | MENITI KEHIDUPAN                           |                       |                                                                | 6.15               | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung                      | 8.00                | BERITA NASIONAL                                 |
|                        |                                                         |                        |                                            |                       |                                                                | 9.00               | BERITA                                             | 9.00                | TINJAUAN                                        |
|                        |                                                         |                        |                                            |                       |                                                                | 9.15               | RAMPAI PAGI - Sambungan                            | 9.30                | DRAMA - 'Bila Mama Pakai Celana'                |
|                        |                                                         |                        |                                            |                       |                                                                | 10.00              | RANCANGAN HARI INI                                 | 10.00               | NEWS AT 10                                      |
|                        |                                                         |                        |                                            |                       |                                                                | 10.15              | TELENOVELA - 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)' | 10.30               | VERTIAS : THE QUEST                             |
|                        |                                                         |                        |                                            |                       |                                                                | 11.00              | SREECH OWL - Siri Baru                             | 11.30               | MISS MATCH YR. 1                                |
